

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KE DUABELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam, Jumaat , 23 Mei 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ir. Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Tuan Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

**BENTARA**  
Encik Md. Saref bin Salleh

**PELAPOR PERBAHASAN**  
Puan Hajah Noridah binti Abdullah

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Salam sejahtera dan Selamat Pagi Yang Berhormat tuan-tuan dan puan-puan. Dewan disambung semula pada hari ini 23 Mei 2008.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Kali Kedua (Pembukaan) bagi Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedua belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Kedua, pertanyaan-pertanyaan, sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan sambungan Meru.

**Y.B. DR. HAJI ABDUL RANI BIN OSMAN** : Tuan Speaker, rakyat jadi tumpuan dunia, ada yang bertani ada yang berniaga, kita bersidang di dewan yang mulia, Meru bertanya soalan ke-3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN**

**(MERU)**

**TAJUK : MASJID TIDAK DIIMARAHKAN**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
  - a) Apakah asas-asas yang digunakan sebelum ini dan akan datang bagi melantik AJK Masjid dan surau di negeri Selangor?
  - b) Siapakah jawatankuasa panel penggubal khutbah dan apakah asas-asas yang telah digunakan bagi menentukan tajuk dan penyusunan khutbah pada masa ini dan masa akan datang?
  - c) Apakah kajian yang telah dibuat terhadap kesan penerimaan khutbah dan usaha penambahbaikan yang telah dan akan dijalankan oleh MAIS bagi memastikan khutbah yang disampaikan mampu memupuk kesedaran umat Islam terhadap agamanya?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMAD ALI** : *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Bahagia kepada semua.

Pertama sekali saya ingin menjawab soalan berkaitan dengan melantik Ahli Jawatankuasa Masjid dan surau di Negeri Selangor. Kemudian itu saya akan menjawab soalan mengenai khutbah yang telah dibuat oleh Yang Berhormat pada Meru.

Pelantikan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau di Negeri Selangor berdasarkan Enakmen Pentadbiran Perundungan Islam 1989, Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001. Dalam kaedah tersebut telah menetapkan bahawa seseorang yang hendak dilantik menjadi AJK Masjid dan Surau mestilah mempunyai kriteria berikut : -

1. berumur tidak kurang 21 tahun tetapi tidak melebihi daripada 60 tahun
2. tinggal tetap dalam kariah masjid itu;
3. boleh membaca, menulis dan mengira
4. mempunyai pengetahuan agama Islam;
5. mempunyai akhlak yang mulia dan amanah;
6. selalu membuat amal kebajikan;
7. selalu solat berjemaah di masjid;
8. sihat tubuh badan dan mental; dan
9. mempunyai daya kepimpinan

Jadi Tuan Speaker, ingin saya menerangkan bahawa kalau kita lihat tentang Jawatankuasa Masjid Jawatankuasa Surau ini nak memandangkan magnitud besarnya jawatankuasa masjid besarnya jawatankuasa surau kita ada 361 masjid kita ada 1758 surau. Kalau mengikut enakmen tiap-tiap satu masjid dan surau mempunyai 21 orang ahli jawatankuasanya ini melibatkan masjid sahaja nanti mempunyai ahli jawatankuasa 7581. Surau mempunyai bilangan ahli jawatankuasa 36918. Kalau kita masukkan kedua-duanya Tuan Speaker, ia menjadi 44499 orang bayangkan betapa besarnya satu komuniti jawatankuasa masjid dan jawatankuasa surau. Akibat daripada besarnya komuniti yang besar sedemikian ini kita dapat selama ini pihak UMNO dan Barisan Nasional, Barisan Nasional dan UMNO kerajaan yang lalu telah memerintah melebihi 50 tahun telah menggunakan dengan secerdik-cerdiknya. Saya gunakan perkataan secerdik-cerdiknya komuniti yang besar yang begitu jumlahnya 44000 yang saya menyebutkannya tadi. Dan kalau kita dapat masalah-masalah yang besar yang sedang dihadapi Tuan Speaker, masalah yang besar yang dihadapi hampir kebanyakan surau kebanyakan masjid, pertama ialah masalah pengaruh politik yang sangat besar dan Tuanku mengatakan masjid menjadi zon bebas tetapi sebenarnya kita tidak bebas masjid tidak bebas. Surau terutamanya dan masjid-masjid, saya sudah menyemak melihat sebahagiannya daripada Jawatankuasa didapati sebahagian besar daripada mereka menganggotai Ahli Jawatankuasa UMNO peringkat cawangan dan sebahagiannya pula menganggotai Jawatankuasa UMNO di peringkat bahagian maknanya proses mengUMNOkan masjid terutamanya dan surau-surau telah bertapak hampir 50 tahun. Dalam suasana inilah Tuan Speaker, saya nampak menyebabkan matlamat yang nak dicapai oleh masjid dan surau tidak berapa jelas, tak berapa jelas

matlamatnya sama ada matlamatnya nak ikut EXCO Agama sama ada matlamatnya nak ikut selera daripada Menteri Besar, sama ada matlamatnya nak ikut kehendak ahli-ahli politik tempatan ataupun matlamatnya memang untuk memakmurkan dan mengimarahkan masjid tersebut.

Nombor dua Tuan Speaker, tiada bermesyuarat, setengah daripada masjid tidak bermesyuarat. Ada yang kita lihat 7 tahun tidak bermesyuarat. Macam mana kita mentadbir mengurus masjid yang tidak bermesyuarat. Mereka sibuk berpolitik mempolitikkan masjid dan surau hingga terlupa perkara-perkara asas dari mana-mana organisasi. Organisasi seperti yang kita jelas akar umbi yang namanya masjid dan surau yang tidak bermesyuarat bagaimana caranya kita nak mengendalikan organisasi yang demikian. Kemudian itu Tuan Speaker, tidak disimpan akaun. Kita dapati laporan audit yang disampaikan kepada saya, begitu banyak masjid yang tidak ada akaun. Begitu banyak masjid yang tidak ada akaun, begitu banyak masjid yang tidak berfungsi langsung. Jawatankuasa Auditnya untuk mengaudit akaun di peringkat masjid ada didapati Tuan Speaker, Bendahari menyimpan duit *cash* pungutan daripada khutbah-khutbah hari-hari Jumaat itu kadang-kadang sampai RM15000 jumlahnya disimpan di tangan dan sebahagiannya menggunakan terlebih dahulu, kononnya akan memulangkan balik bila masanya tiba tetapi dalam keadaan-keadaan yang tertentu *this one have not accounted for* dengan izin. Kemudian tentang bercakaran sesama sendiri, berbalahan antara sendiri dalam UMNO sendiri pun berbagai-bagai ada UMNO yang keluar UMNO, ada UMNO yang masih dalam UMNO, masih dalam UMNO pun ada *section A*, ada *section B*, ada *section C* yang ini pun *very well reflected* dengan izin, apa yang dikatakan jawatankuasa di peringkat akar umbi yang namanya masjid kemudian tentang pencapaian yang akademik yang agak rendah para-para pentadbir masjid.

Oleh itu, Tuan Speaker saya mencadangkan dan sudah berbincang dengan Y.A.B Tan Dato' Sri Menteri Besar, berbincang dengan teman-teman yang berkaitan langsung dengan pentadbiran masjid ini beberapa perubahan akan dibuat di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat ini. Perubahan yang pertama ialah kita hendak menjadikan masjid sebagai wahana transformasi masyarakat setempat. Apa yang kita nak lakukan Tuan Pengurus, Tuan Speaker ialah masjid akan dijadikan pusat pembangunan umat dalam pembangunan yang sebenar-benarnya. Masjid di bangun dan saya sangat setuju dengan mengatakan masjid menjadi zon bebas. Kita dalam Pakatan Rakyat bakal menentukan masjid akan menjadi *re-dependent grounds* yang akan dapat menjadi pusat untuk memajukan umat di kampung, di mukim dan di mana-mana kawasan pun. Nombor dua pusat pembangunan ilmu, kalau kita lihat di bawah UMNO dan Barisan Nasional pensyarah-pensyarah utama saya dalam dewan ini pada tahun 2004 saya ingat lagi saya tanya kepada Menteri Besar yang lama apa silap saya ini.....

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Minta laluan.....

**TUAN SPEAKER :** Belum lagi, belum habis jawab, tunggu habis jawab

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Kalau boleh yang Hulu Kelang ya kalau boleh saya, saya jawab dulu nanti mungkin dalam perbahasan kita boleh menimbulkannya,

Tuan Speaker saya teruskan. Soal-soal tentang ilmu bagaimana kita mengutamakan ilmu dan menyemarakkan ilmu ke peringkat akar umbi kalau yang mentadbir masjid syaratnya boleh membaca boleh mengira boleh menulis maka dengan itu bawah

susunan baru ini kita mencadangkan setidak-tidaknya kalau boleh berkelulusan SPM, Diploma ,Degree ramai anak-anak kampung yang tinggal di Batang Berjuntai pun ramai, di Sungai Panjang pun ramai di Batang kali pun ramai anak-anak muda kita, anak-anak yang berumur 30-an, *Engineer, Doctor, Lawyer, Professor* yang duduk di kawasan itu. Tetapi oleh kerana program terlalu mengamalkan masjid maka orang-orang ini jarang diberi peluang untuk bertindak menguruskan masjid kemudian tentang menjadikan pusat dakwah masjid nak jadikan pusat dakwah, betul-betul pusat pendakwahan bagaimana kita nak dakwahkan masjid? Dengan menggunakan pakar-pakar dan ahli-ahli dakwah di Selangor ini untuk pengetahuan Tuan Speaker merupakan di antara tempat yang paling ramai pakar-pakar dakwah, nama-namanya tidak perlulah saya sebutkan di sini tetapi masjid dan surau menutup pintu-pintu itu daripada pendakwah yang saya tahu yakin rekod mereka selama 20-30 tahun tidak ada catatan yang mereka mempolitikkan masjid dan surau itu. Kemudian pusat amar makruf nahi mungkar kita nak jadikan masjid ini sebagai pusat untuk mencegah kemungkaran. Kelmarin disebutkan beberapa masalah, masalah kita masalah sosial di kampung masalah sosial di Bandar, masalah maksiat dan sebagainya. Saya berpendapat dengan Kerajaan Pakatan Rakyat ini, inilah masanya yang paling sesuai kita nak jadikan masjid surau, institusi-institusi agama bahkan di tokong-tokong, bahkan di gereja-gereja, bahkan di tempat-tempat sembahyang orang Hindu dan sebagainya. Kenapa kita tidak menjadikannya sebagai gelanggang untuk mengubat penyakit rakyat.

Kemudian itu tentang pusat sosial, dan kebudayaan kita sedang merangka satu program yang dinamakan tatacara untuk melakukan hal-hal hiburan dan kebudayaan Negeri Selangor ini. Dan kita mengharapkan Insya-Allah sumbangan input daripada mereka yang pakar, sumbangan input mereka yang faham hukum dan hakam dan sebagainya. Sumbangan input daripada teman-teman politik kita mengharapkan sesuatu dasar yang agak *solid* yang dapat kita ketengahkan kepada masyarakat untuk mereka gunakan.

Akhirnya Tuan Speaker, saya ingin menerangkan bahawa masjid Insya-Allah dapat ditadbir, yang penting sekali oleh mereka yang berwibawa, oleh mereka yang ada integriti, yang ada akhlak, kadang-kadang kita tengok yang pentadbir masjid sendiri sembahyang di masjid pun jarang datang berjemaah ke masjid pun jarang. Tadi saya menyebutkan ini salah satu syarat untuk menjadi Ahli Jawatankuasa masjid, dan kita dapati sebahagian mereka bukan diri mereka sahaja anak-anak mereka, keluarga mereka tidak dapat mencerminkan akhlak islamiah yang sebenarnya bagi memungkinkan mereka mempertahankan integriti dan amanah mereka. Bagi mereka menjadi pemacu kepada mengimarahkan kepada masjid.

Oleh itu, kita mencadangkan Tuan Speaker, untuk Kerajaan Pakatan Rakyat ini kita mengharapkan Insya-Allah selepas ini, mulai hari ini, tarikh ini masjid senang didekati, masjid subur untuk semua, masjid gembira untuk semua, masjid menselesakan untuk semua. Inilah program yang dinamakan program mentransformasikan masjid sebagai wahana kemajuan masyarakat tempatan. Akhirnya tentang khutbah dalam masa 2 minit lagi, Tuan Speaker tentang khutbah ini kita ada jawatankuasa khutbah, jawatankuasa khutbah kita memang dilantik oleh JAIS dan antara saya bacakan, soalannya saya bacakan terdiri daripada Pengarah JAIS, Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor, Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Dato' Haji Aidit bin Ghazali, Dato' Abdul Halim bin Tarmuri ,Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perundungan dan Keluarga, Penolong Pengarah Pendidikan, Timbalan Setiausaha MAIS, Ustaz Mohamad Udin bin Kasim, Ustaz Mohd. Shaari bin

Abdullah, Ustaz Saied bin Mukmin, Ustaz Ahmad Basir bin Mujab, Ustaz Ghazali bin Haji Siraj, Ketua Penolong Pengarah Urus setia iaitu Pengurusan Masjid.

Saya ingin menyebutkan dalam masa 1 minit lagi Tuan, Speaker bahawa tentang khutbah ini sebagaimana yang kita tahu semuanya mengatakan kepada saya bahawa hampir semua yang saya tinjau daripada 20 minit khutbah dibaca 20 minit biasa-biasanya jemaah kebanyakannya tertidur kerana isi khutbahnya kerana penyampainya kerana tidak ada semangat dinamisme yang ada dalam khutbah itu. Bahkan kalau kita lihat dalam sejarah Islam dalam sejarah perundangan Islam, dalam sejarah tamadun Islam khutbah inilah yang merupakan corong menaikkan semangat jihat yang berkobar-kobar bukan untuk berperang, berjihad untuk membaiki diri, keluarga, rakyat, umat digunakan tempat gelanggang khutbah. Dengan Pakatan Rakyat ini Tuan Speaker kita mengharapkan Insya-Allah satu ‘approach’ baru kepada khutbah. Khutbah ‘on-line’ namanya, e-khutbah namanya, yang kita bakal pasangkan di masjid-masjid dan surau-surau, Insya-Allah dalam jarak waktu yang terdekat ini masjid di Selangor ini masjid ‘on line’ dan kita mengharapkan seluruhnya nanti sesuai dengan era baru era transformasi baru zaman baru ini, era Pakatan Rakyat ini kita akan melihat sesuatu yang subur yang akan lahir daripada masjid.

Akhirnya Tuan Speaker, saya berharapkan Insya-Allah mudah-mudahan saya menyebutkan soal integriti tadi, soal amanah, soal akhlak, orang-orang yang mentadbir masjid tidaklah orang yang misalnya orang yang membelanjakan duit negeri 26 juta daripada 29 juta dalam masa 45 hari, orang yang mentadbir negeri tak masuk dalam kumpulan orang yang seperti memindahkan duit BALKIS 10 juta dalam masa beberapa hari sahaja takut kalau yang mengambil bahagian selepas itu nanti mereka yang tak termasuk dalam tapisan UNMO dan Barisan Nasional. Orang yang tak ke masjid nanti tak masuk mereka yang ke German terlibat dalam perniagaan teknologi untuk membela kinzir itu tak terlibat dalamnya. Inilah di antara orang-orang yang saya fikir yang patut diketepikan dan untuk itu saya mengharapkan, dengan sokongan rakyat sokongan padu rakyat saya nak menyerukan pagi ini mari kita bersama-sama membina satu era baru alam baru pendekatan baru dan semangat baru, spirit baru untuk membangunkan rakyat dengan menggunakan masjid sebagai wahana transformasi. Sekian  
*wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Meru ingin bertanya kepada Yang Berhormat Gombak Setia sama ada Yang Berhormat sedar atau pun tidak, bahawa di dalam pemilihan ahli jawatankuasa surau masjid negeri Selangor umpamanya memang ada yang diadakan mesyuarat agung seperti yang ditetapkan dalam enakmen. Namun apabila senarai nama mereka yang terpilih diserahkan oleh orang kampung, ada nama-nama yang telah dipilih oleh suara surau ini digugurkan begitu sahaja malah digantikan pula dengan nama-nama lain yang memang tidak dipilih dan ada yang tak hadir langsung dalam mesyuarat agung tersebut, dan nama-nama tersebut didapati daripada Biro Agama atau Biro Kebajikan UMNO setempat dan di dokong oleh Adun. Jadi saya memang cukup hairan mengapa tiba-tiba sahaja selepas pilihan raya ke 12 ini UMNO beria-ia kononnya merekalah yang menjuarai suara rakyat dan menjadi mata dan telinga rakyat sedangkan semasa berkuasa dan memerintah merekalah dengan angkuh dan sompong memaksa kakitangan kerajaan dan rakyat untuk melutut dan menurut kehendak hawa nafsu mereka. Soalan Meru ialah, apakah budaya yang terang-terang

menghina hak bersuara dan menimbulkan kemarahan dan ke tidak puas hati rakyat ini akan diteruskan atau bagaimana.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia

**Y.B. DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih. Dalam masa satu minit saya menjawabnya. Pertama inilah sebenarnya budaya yang kita warisi selama lebih 50 tahun budaya UMNO dan Barisan Nasional yang telah diamanahkan untuk mentadbir masjid. Bukan sahaja nama-nama yang hilang, bukan sahaja nama-nama yang di ‘endors’ oleh masyarakat tempatan, nama-nama yang boleh mengimarahkan masjid, yang pertama orang-orang yang ada ilmu tentang masjid, orang yang menghayati Islam dalam masjid, orang yang berfikir, fikrah Islam dalam masjid, tetapi ini biasa namanya hilang kerana nama itu tidak selari dengan selera pemimpin-pemimpin UMNO tempatan terutamanya.

Nombor dua, bagi kita kerajaan Pakatan Rakyat yang baru ini dalam untuk menapis dan untuk menentukan mereka yang hanya layak untuk mentadbirkan masjid dan surau ini Insya-Allah dalam beberapa minggu dan mungkin bulan yang akan datang ini, saya sedang berbincang dengan pihak MAIS, sedang berbincang. Yang pentingnya dengan Yang Berhormat Tan Sri Menteri Besar untuk mendapatkan restu daripada Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan. Kita akan mengusulkan satu senarai yang saya terlalu yakin senarai ini tidak mengikuti peraturan, tidak mengikuti modus operandi, tidak mengikuti cara-cara tatacara yang agak jelek yang selama ini dikendalikan oleh UMNO Barisan Nasional. Sekian.

**TUAN SPEKER** : Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya kepada Gombak Setia, apakah tindakan-tindakan yang bakal diambil kepada ahli jawatankuasa masjid surau yang lama yang didapati atau disyaki menyelewengkan dana dan juga derma kepada surau dan juga masjid-masjid ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih. Kalau misalnya apa yang dibuat oleh mereka tu termasuk dalam tafsiran jenayah, maka kita akan laporkan mengikut saluran undang-undang, peraturan undang-undang. Kalau yang dilakukan itu mengikut tafsiran orang kampung sesuatu yang berlaku dimaafkan, mungkin kita akan memanggil mereka kalau mereka digugurkan, kita akan memanggil mereka dan memberikan satu nasihat dan saya kemukakan pakar-pakar untuk menasihatkan mereka supaya mereka mengakhirkan umur mereka dalam keadaan mereka diredaya oleh Allah dan Allah reda kepada mereka. Sebagaimana yang selalu kita sebut ‘*Radiaallah hu ‘anhum waradhu ‘an*’, Allah reda kepada mereka dan mereka reda kepada Allah. Dan untuk itu bagi mereka yang akan dilantik Yang Berhormat kita akan menentukan setiap orang yang dilantik akan mengikuti program-program namanya Pembangunan Modal Insan. Kita akan latih mereka latih menjurus kepada setiap orang akan mewarisi satu semangat yang tercatat dalam Al-Quran “*Inni aa’kha fullah ha rabbal alamin*” aku takut kepada Allah penguasa sekalian alam.

Jadi, kalau macam dia rasa takut kepada Allah datang takut kepada Allah, bermesyuarat takut kepada Allah, untuk pengetahuan kepada ahli Yang Berhormat, setiap kali kita bermesyuarat EXCO, Menteri Besar sendiri akan membacakan doa, doa itu intinya takut kepada Allah. Jangan rasuah, jangan guna kuasa, setiap hari Rabu kita

mendengar doa yang sedemikian, rasa-rasanya masuk mengalir dalam darah dan daging kita. Insya-Allah dengan berkat dan doa daripada semua daripada Allah *Subha nahuwata'alah* kita akan mentadbir Negeri Selangor ini khususnya jawatankuasa masjid jawatankuasa surau yang melibatkan 44 ribu manusia itu mengikut peraturan-peraturan "Ini khafa tullah ha rabbal 'alamin" tersebut.

**TUAN SPEKER** : Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tunku memohon jawab untuk soalan ke 4.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, oleh kerana soalan daripada Kampung Tunku bersamaan soalan Bangi nombor 60 harap disertakan bersama.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya serahkan fail kepada Exco soalan nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
TUAN LAU WENG SAN (KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : URUSAN KEWANGAN BALKIS**

4. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -
  - a) Apakah siasatan terbaru daripada Pendaftar Pertubuhan terhadap pembubaran BALKIS, urusan-urusan tanah dan kewangannya?
  - b) Apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang menyalahgunakan kuasa khususnya pemindahan wang RM9.9 juta?
  - c) Meminta satu senarai penuh aktiviti BALKIS dari tahun 2004 hingga 2007.

**TUAN SPEKER** : Ijok

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* mengenai siasatan terbaru daripada pendaftar pertubuhan tentang pembubaran BALKIS. Pejabat Menteri Besar setakat ini menghantar 3 surat; satu pada 11 April, pada 23 April dan pada 15 Mei kepada pendaftar pertubuhan meminta maklum terperinci mengenai BALKIS tetapi masih lagi kita belum menerima kedua-dua surat jawapan. Walau bagaimanapun, di dewan yang mulia ini saya ingin menyatakan, Kerajaan Negeri Selangor merasakan perlu pihak BALKIS sekurang-kurangnya memberi penerangan kepada kerajaan Negeri Selangor mengenai usaha-usaha pemindahan wang atau pembubaran yang mereka lakukan, dan kita anggap usaha itu tak sepatutnya dilakukan. Walau bagaimanapun, kita menyatakan bahawa pergerakan BALKIS mendapat sokongan dan bantuan dari syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan Negeri Selangor.

Di antara 2006 dan 2007 PKNS sudah menyumbang sejumlah RM590,379.00 kepada BALKIS untuk majlis perasmian Kompleks Wawasan BALKIS dan juga ada usaha untuk memberikan tanah untuk kegunaan kebajikan BALKIS dan termasuk juga beberapa sumbangan makan malam dan program tahunan isteri-isteri wakil rakyat anjuran BALKIS. Pada tahun 2007, Kumpulan Darul Ehsan memberi sumbangan sejumlah melebihi 300 ribu ringgit untuk tujuan kebajikan dan usaha-usaha BALKIS. Kumpulan Darul Ehsan juga sudah menulis surat kepada bekas Yang Dipertua BALKIS pada 25 April 2008 yang mereka menyatakan Kumpulan Darul Ehsan sudah memberi sumbangan melebihi 670 ribu ringgit dan pada dasarnya sebagai satu pertubuhan yang menerima sumbangan-sumbangan ini yang termaktub dalam tatacara pertubuhan tersebut. Seksyen 29 dalam pertubuhan itu dengan izin '*right to supply copies of annual return*' maknanya '*every registered society self supply free of charge to every member of subscriber of person having intrest and it fund and it application*' maknanya akan mendapat laporan percuma tentang pulangan tahunan dan '*balance sheet*' imbalan kira-kira dan juga kegunaan wang dan kita masih juga belum mendapat jawapan dari pihak bekas Yang Dipertua BALKIS.

Saya juga ingin memberikan sedikit penerangan mengenai sumbangan Permodalan Negeri Selangor Berhad. Sumbangan Permodalan Negeri Selangor Berhad melebih 5 juta 186 ribu 48 ringgit. Jadi oleh sebab jumlahnya besar, saya juga ingin menunjukkan senarai kegunaannya untuk kita tahu bahawa BALKIS bergantung kepada apa yang kita katakan sokongan kewangan dari syarikat-syarikat dari Negeri Selangor. Umpamanya pada tahun 2006 BALKIS ada senarainya untuk bayaran perasmian Kompleks Wawasan BALKIS dan majlis korban 50 ribu dan kemudian BALKIS mendapat bayaran untuk anak-anak yatim RM50 ribu, program amal RM250 ribu, bayaran, kad buku cenderamata 49 ribu, bayaran sumbangan kewangan bagi program bulan Ramadhan RM22 ribu. Bayaran mohon sumbangan bagi program amal BALKIS 250 ribu ini untuk satu tahun ada senarainya. Nasib baik akaun akauntan di Permodalan Negeri Selangor ni, dia ada senarainya dia tunjukkan. Jadi, saya nak tunjukkan walaupun ini bagus kita tahu sebab lain kali siapa pun mengendali Program Kebajikan dia dah tahu dah sekarang bahawa kita ada rekod-rekod pemberiannya supaya lain kali tidaklah mereka gunakan sewenang-wenangnya. Pada tahun 2007 umpamanya sebagai contoh sumbangan program sukan BALKIS 100 ribu dia mintak kemudian sumbangan program sukan BALKIS dua kali dia mintak dengan wang tunai 200 ribu bayaran sumbangan bagi menjayakan program amal BALKIS, Hari Deepavali Dan Hari Raya 250 ribu, bayaran sumbangan menjayakan amal BALKIS untuk uniform, untuk pakaian sahaja 100 ribu, bayaran makanan acara sukan 30 ribu bayaran, bayaran penyediaan cenderahati VVIP 36 ribu.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Masya-Allah....**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Jadi ini bagusnya. Ini sebab itulah kita hendak meminta pendaftar syarikat mengetahui tentang perkara ini dan saya rasa ini penting bagi kita sebab seperti yang kita nyatakan bahawa Parti Pakatan Rakyat menganggap kita mesti '*very transparent*' ini contohnya '*transparency*' tetapi lagi satu perkara yang penting ialah '*accountability*' dan '*accountability*' itulah sebabnya kita nak meminta pihak mereka yang pernah mengendali BALKIS menyediakan perkara-perkara ini umpamanya hanya kita dapati sumbangan orang miskin kita terima untuk hari Deepavali sebanyak RM50 ribu, program turun ke padang RM240 ribu, majlis perkahwinan saudara baru RM74 ribu, sumbangan hari raya RM280 ribu. Jadi apa yang saya bacakan ini menunjukkan sekurang-kurang Ahli Jawatankuasa BALKIS sebelum ingin

membuat sesuatu sepatutnya berbincang dan menerima cadangan-cadangan untuk tujuan mengundurkan diri. Sekurang-kurangnya itulah sebabnya saya berharap perkara ini, perkara yang penting dalam usaha kita mendapatkan kepercayaan kepada rakyat. Jadi saya ingin mencadangkan Tuan Speaker kalau dapat kita mengemukakan perkara ini untuk dibincangkan di dalam Jawatankuasa Terpilih, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, supaya kita dapat mengetahui usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak yang mengendalikan BALKIS dan bagaimana usaha-usaha ini dapat kita teruskan dengan cara yang sebaik-baiknya supaya duit rakyat yang dibayar walaupun melalui syarikat-syarikat milikan kerajaan Negeri Selangor dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan menuju sasaran yang dikehendaki. Kami juga masih belum memperoleh senarai aktiviti penuh dan juga kita sudah meminta surat-surat pemanggilan apa yang dipanggil *extraordinary general meeting* mesyuarat tergempar yang memerlukan masa sekurang-kurangnya dua minggu sebelum usaha pembubaran itu dilakukan. Saya berharap perkara ini mendapat pandangan yang serius dalam semua pihak. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih. Tuan Speaker er berhubung dengan kes pemindahan harta BALKIS ini pada peringkat permulaan kita melihat bekas Menteri Besar sanggup bermati-matian mempertahankan tindakan BALKIS sebagai tidak menyalahi undang-undang. Kita menganggap ini lebih daripada sifat kroninya kerana Yang Ketuanya adalah isteri bekas Menteri Besar ini. Saya nak mendapat tahu apakan kemungkinan wang ini akan dapat diselamatkan supaya tidak berlaku perpindahan sebenarnya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, kita memandang serius tentang usaha penggunaan wang. Jadi oleh itu saya sebagai ahli profesional hanya memikirkan sesuatu yang sepatutnya dilakukan tetapi sebelum itu kita mesti melalui beberapa proses pendekatan. Proses pendekatan itu mestilah tertib kerana ia merupakan usaha keadilan bagi mereka yang melakukannya mestilah berhak memberi jawapan-jawapan yang mereka fikirkan perlu berlaku mereka berbuat demikian. Dan juga kita memikirkan mengapa mereka berbuat demikian, itulah sebabnya saya meminta ditubuhkan satu Jawatankuasa Terpilih. Dewan ini merasakan perlu Jawatankuasa ini dianggotai oleh Ahli-Ahli Dewan dan juga dianggotai oleh bukan Ahli-Ahli Dewan daripada kumpulan kerajaan juga daripada pihak pembangkang. Jadi, dengan cara itu kita dapat menilai dan melihatnya dengan tertib dan betul dan supaya perkara-perkara ini kita boleh pelajari sebagai panduan masa hadapan. Saya terlupa sedikit, dan saya nak tunjukkan penggunaan kebijikan, iaitu untuk menyediakan pakaian ahli-ahli BALKIS bertanding sukan, mereka menggunakan Galeri BALKIS Sdn. Berhad dan jumlah penggunaannya, ialah RM158,000.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Masya-Allah

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Jadi saya terlupa nak beritahu sebabnya, tetapi Galeri BALKIS bukan sekali kena bayar tapi dua kali, iaitu RM 158,000 untuk pakaian lepas itu, RM121,000 untuk menyediakan batik bagi lelaki wanita Y.B. dan isteri BALKIS bagi sukan BALKIS.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Masya-Allah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Jadi saya nak ingatkan kawan-kawan sebelah sini. Kita tak boleh buat ini. Saya tak boleh buat perkara ini tapi saya nak tunjukkan ketelusan, tapi ini boleh dibincangkan. Maknanya apa itu Jawatankuasa Terpilih. Saya berharap ini merupakan satu perkara yang perlu kita kaji bersama-sama dan bagaimana kita dapat memperbaiki keadaan-keadaan ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, Teratai ini amat bersedih nampaknya semua wang-wang digunakan sesuka hati penyelewengan *cronism nepotism* telah berlaku di sini dan saya juga amat sakit hati nampaknya BALKIS umum di bubar selepas Pilihan raya. Nampaknya isteri, isteri bekas Menteri Besar pun belum faham lagi sekarang Kerajaan sudah tukar. Sikapnya pun mesti tukar kita bukan....

**TUAN SPEAKER** : Soalannya Teratai soalan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Soalannya saya ialah. Soalan saya bolehkah PKNS atau syarikat-syarikat yang menyumbangkan wang sebelum ini meminta kembalikan wang-wang yang diserahkan atau didermakan kepada BALKIS sebab jikalau BALKIS sudah di bubar dan tidak berfungsi lagi kita masih bayar sumbangan itu pada BALKIS. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker saya belum menyebut perkataan sudah di bubar tapi saya menyebut perkataan bahawa permohonan untuk pembubaran itu sudah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan dan kita masih menunggu jawapan daripada Pendaftar Pertubuhan. Kedua, saya rasa biarlah Jawatankuasa Terpilih dan Keber tanggungjawaban membuat usaha mereka jadi saya di sini tidak membuat cadangan nak ambil balik kejar sana kejar sini pun tak boleh lakukan. Jadi perkara yang kita mesti lakukan ialah cara yang betul dan cara yang teratur boleh jadi mereka mempunyai sebab-sebab mereka boleh terangkan sebab-sebabnya. Walau bagaimana pun, satu perkara yang jelas pihak Kerajaan Negeri tidak meneruskan pertukaran tanah dan diberi kepada BALKIS untuk tujuan ini, untuk diberikan kepada Pertubuhan-Pertubuhan yang bukan dari Kerajaan Negeri dan juga kita tidak anggap BAKTI ialah Pertubuhan untuk Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Lembah Jaya, Lembah Jaya....

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Tuan Speaker, Soalan No. 5 ditujukan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (LEMBAH JAYA)**

##### **TAJUK : MASALAH SETINGGAN**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapa banyaknya setinggan yang masih wujud mengikut bancian Majlis Perbandaran?
  - b) Sejauh manakah keberkesanan kerajaan terdahulu menangani isu-isu setinggan?

- c) Apakah langkah-langkah dan dasar kerajaan sekarang menangani masalah tersebut?

**Y.B. TUAN IR. ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Terima kasih Tuan Speaker, *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera kepada semua. Menjawab kepada soalan daripada Lembah Jaya iaitu soalan pertama Setinggan yang masih wujud. Mengikut Majlis Bancian Perbandaran, kita tahu bahawa Kerajaan yang terdahulu telah melaksanakan satu polisi iaitu Polisi Setinggan Sifar dan menurut laporan Kerajaan tersebut bahawa pada akhir polisi tersebut ada terdapat 1,197 keluarga setinggan daripada penempatan setinggan yang masih berada di tapak ataupun lebih kurang 2.5% dari jumlah keseluruhan setinggan yang dibenci atau menurut laporan tersebut wujud tersebut di seluruh Negeri Selangor. Menurut laporan tersebut penempatan setinggan yang masih belum dirobohkan hanya terdapat di tiga kawasan iaitu di kawasan Majlis Perbandaran Selayang 6 penempatan dengan 895 keluarga. Majlis Ampang Jaya 1 penempatan dengan 79 keluarga. Majlis Perbandaran Klang 3 penempatan dengan 223 keluarga. Walau bagaimana pun, Kerajaan yang baru telah mengadakan suatu siasatan lambang dan apa yang kita dapat bahawa terdapat lebih banyak penempatan-penempatan setinggan yang wujud lebih daripada yang dilaporkan. Sebagai contohnya di dalam kawasan saya di bawah kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dilaporkan hanya setinggan Kg Fajar A & B yang masih wujud tetapi satu penyiasatan yang terperinci kita buat secara rambang bahawa terdapat satu lagi setinggan Kg Pandan 10 buah di bawah tapak sub-stesen Tenaga Berhad dan juga dapat 50 hingga 60 buah penempatan atau pun keluarga yang tinggal di Pandan Jaya. Oleh kerana itu kita telah mengambil satu inisiatif iaitu mengarahkan semua PBT dan semua Majlis Daerah untuk mengadakan bancian semula untuk mengenal pasti berapakah jumlah sebenarnya di Negeri Selangor dan di antara laporan awal yang telah kami terima adalah daripada Majlis Perbandaran Klang di mana menurut bancian sebelum ini terdapat 34 penempatan yang didiami oleh keluarga. Walau bagaimana pun, bancian yang terkini yang telah diterima pada 23 Mei 2008 terdapat 12 penempatan setinggan dengan 1,206 keluarga dan laporan-laporan bancian masih diterima daripada Majlis-Majlis Bandaran dan juga daripada Majlis-Majlis Daerah.

Oleh kerana itu maka jumlah setinggan dan penempatan jumlah keluarga yang sebenarnya yang masih wujud akan hanya kita dapat selepas dapat mengumpul kesemua maklumat-maklumat yang akan diberikan oleh pihak tersebut dan saya menjangkakan bahawa bancian yang terkini ini hanya akan diperoleh di pertengahan bulan Jun.

Untuk soalan kedua, iaitu sejauh manakah keberkesanan kerajaan terdahulu menangani isu-isu setinggan? Sekali lagi saya ingin merujuk kepada statistik yang dibekalkan oleh kerajaan yang sebelumnya, bahawa menurut projek atau pun program polisi sifar bahawa seramai 46,285 keluarga daripada 47,482 keluarga setinggan telah berjaya dipindahkan. Itu statistik yang dulu dan ini bermakna bahawa 97.5% telah berjaya dipindahkan sama ada ke projek rumah kos rendah atau penempatan sementara seperti projek perumahan PPR ataupun *Council Home* dan menurut statistik itu juga hanya 283 keluarga atau 0.6% yang masih berada di tapak kerana urusan yang belum selesai atau yang projek RKR mereka yang dijangka siap pada penghujung 2008. Sebanyak 286 keluarga atau 0.6% telah membawa kes mereka ke Mahkamah sementara setinggan-setinggan yang lain masih menunggu penyelesaiannya. Walau bagaimanapun, kalau kita melihat penemuan- penemuan yang baru kita dapat mengetahui bahawa polisi

setinggan sifar yang dikatakan berjaya itu boleh dipertikaikan kerana ini bermakna hanya jumlah 2.5% bagi setinggan yang di wujud di tapak adalah langsung pada saya tidak tepat.

Polisi Selangor setinggan sifar ini seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan yang lepas diakui telah dapat merobohkan penempatan-penempatan setinggan dan memindahkan mereka. Namun, cara pemindahan dan bagaimana ia dilakukan adalah dipertikaikan. Kerana kita tahu mana-mana Kerajaan sekalipun dengan menggunakan segala kekuatan jentera Kerajaan boleh merobohkan dan mengusir keluar penghuni-penghuni setinggan. Tetapi pengusiran secara paksa inilah yang dipertikaikan. Setelah berlaku pengusiran secara paksa iaitu sebelum penyelesaian yang menyeluruh dapat dicapai bersama penduduk. Kerajaan terdahulu telah menggunakan Ordinan Kuasa-Kuasa Perlu Darurat 1969 untuk mengusir penduduk. Akibatnya telah berlaku pertentangan di antara penduduk dan pihak berkuasa seperti yang berlaku di Kampung Berembang di mana penduduk telah mengalami kecederaan akibat tindakan Pihak Berkuasa. Ini telah memberi imej yang buruk terhadap Kerajaan Negeri Selangor di mata dunia, malah di seluruh Negeri Selangor. Ini juga telah menimbulkan kesan yang buruk terutamanya kesan trauma yang mendalam terhadap kanak-kanak yang melihat rumah-rumah mereka yang dirobohkan di hadapan mata mereka dan ibu bapa mereka ditangkap kerana mempertahankan rumah kediaman mereka.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, selepas perobohan dan pengusiran berlaku, ada mereka ditempatkan di penempatan-penempatan yang penempatan-penempatan transit yang begitu jauh daripada penempatan asal mereka. Dan ini menimbulkan masalah dari segi pekerjaan di mana mereka terpaksa berulang alik ke tempat kerja, jangka, jangka, jangka masa yang jauh dan juga masalah pendidikan anak-anak di mana mereka terpaksa berpindah sekolah di tengah-tengah tahun atau di tengah-tengah penggal. Terdapat juga dakwaan daripada penduduk dan juga kita dah mengkaji perkara ini bahawa polisi menawarkan rumah kos rendah kepada penduduk dengan hanya membayar RM1/- telah juga menimbulkan masalah. Penduduk mendakwa bahawa mereka dipaksa membeli rumah dan terpaksa menggunakan nama anak atau saudara terdekat mereka yang lain untuk membeli rumah.

Walau bagaimanapun pada hakikatnya mereka ini tidak layak membeli rumah dan akibatnya laporan telah diterima bagaimana ramai di antara mereka yang telah gagal membayar ansuran mereka dan terdapat rumah yang telah dilelong. Laporan diterima daripada Y.B. ADUN Selat Klang bagaimana lebih 100 unit kediaman di Pangsapuri Seri Perantau telah diberikan notis untuk disita. Terdapat juga unit kediaman kos rendah di tempat-tempat lain seperti di Pelabuhan Klang yang telah dilelong oleh kerana bekas penduduk-penduduk setinggan ini tidak dapat meneruskan bayaran ansuran. Maklumat lengkap juga sedang kami peroleh untuk mengenal pasti berapa ramai sebenarnya unit-unit milik bekas setinggan ini yang telah disita dan juga dilelong.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, pengusiran atau pun pengurusan di kediaman-kediaman baru ini perlu diperbaiki. Ada yang begitu teruk sehingga ia merupakan penerusan kepada mimpi ngeri penduduk-penduduk setinggan ini. Kita melihat bahawa polisi setinggan sifar Kerajaan yang terdahulu ini meninggalkan beberapa masalah. Walau bagaimanapun saya yakin bahawa Kerajaan Negeri yang sedia ada terutamanya dengan kakitangan Kerajaan seperti yang di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang bekerja begitu berdedikasi dan rajin akan berupaya untuk menyelesaikan masalah ini.

Untuk Soalan ketiga, Tuan Speaker, Apakah langkah-langkah dan dasar Kerajaan sekarang untuk menangani masalah tersebut.? Kerajaan Negeri sekarang telah dan akan mengambil satu pendekatan yang lebih berhemah terhadap penduduk setinggan sesuai dengan polisi baru kita iaitu untuk, sesuai dengan polisi Negara berkebajikan kita. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa penempatan setinggan akan dibiarkan begitu sahaja. Kerajaan Negeri mahu setiap setinggan menikmati tempat tinggal yang lebih sempurna dan penduduk setinggan ini pada akhirnya ditempatkan di kediaman yang lebih sempurna. Walau bagaimanapun pengusiran secara paksa dan tidak berperikemanusiaan tidak akan lagi dilaksanakan. Tepuk.

Ordinan Darurat tidak akan digunakan. Rundingan akan dilakukan bersama penduduk sehingga penyelesaian dapat dicapai dan Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan untuk memastikan satu penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak dapat dicapai. Dan kita telah juga mengadakan, dan kita telah mula mengadakan perbincangan dengan NGO-NGO dengan izin, Tuan Speaker untuk menyelesaikan masalah-masalah penduduk setinggan ini. Selain dari itu Kerajaan Negeri juga sedang mengadakan perbincangan dengan pihak bank dalam usaha untuk mewujudkan lebih banyak *Council Homes*. Kerajaan Negeri mengakui bahawa terdapat penduduk yang sama sekali tidak akan mampu membeli atau tidak mahu membeli rumah. Oleh itu keperluan mereka juga mesti diambil kira. Tetapi Tuan Speaker, kita juga ingin menyatakan bahawa, walaupun Kerajaan Negeri akan mengambil pendekatan yang berhemah terhadap penduduk-penduduk setinggan atau dengan lebih tekad lagi, lebih tepat lagi peneroka-peneroka bandar Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan sebarang pembinaan penempatan-penempatan baru. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sila duduk semua, Sila duduk. Saya ingin membawa perhatian kepada semua Ahli-Ahli Berhormat sekalian. Sila patuhi Peruntukan 24 dalam Peraturan-Peraturan Tetap, yang berbunyi, Ahli yang dipanggil itu hendaklah berdiri pada tempatnya dan mengeluarkan pertanyaan itu dengan menyebutkan bilangan pertanyaannya dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Jangan ada pantun, jangan tujukan kepada siapa-siapa. Sila patuhi. Baik. Soalan seterusnya. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, Soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM (SEKINCHAN)**

**TAJUK : PERUNTUKAN TAHUNAN ADUN**

6. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
  - a) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai berapakah jumlah keseluruhan peruntukan Tahunan Adun pada awal tahun 2008 ?
  - b) Sila nyatakan apakah garis panduan yang diguna pakai untuk mengagih-agihkan peruntukan Tahunan Adun ?

- c) Sila nyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap kesemua 54 orang Adun Barisan Nasional yang begitu cekap dan cepat menghabiskan peruntukan Tahunan Adun dalam tempoh masa 50 hari sebelum PRU Ke-12 ?

**TUAN SPEAKER :** Itu baru betul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker. Soalan mengenai peruntukan tahunan Ahli Dewan Undangan Negeri.

(a) Jumlah keseluruhan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri yang diperuntukkan adalah sebanyak RM29,544,000 dan jumlah yang telah dibelanjakan sebelum akhir bulan Mac 2008 sebanyak RM26,636,844.33 iaitu 90.16% daripada jumlah peruntukan. Baki peruntukan tersebut sebanyak RM2,907,155.67. Jadi untuk usaha ketelusan saya membaca supaya Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri ini tahu sama ada peruntukan itu masih ada lagi di kawasan mereka. Seri Kembangan sudah dibelanjakan RM500,000/- habis, Seri Serdang RM500,000, Kinrara.-RM500,00/-

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Masya-Allah

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Subang Jaya RM492,800.00, Seri Setia oleh kerana dia EXCO dia membelanjakan RM592,800.00, dan Taman Medan RM500,000.00, Bukit Gasing RM600,000.00, Kampung Tunku RM497,600.00, Damansara Utama RM500,000.00, Bukit Lanjan RM500,000.00, Paya Jaras RM492,800.00, Kota Damansara RM597,600.00, Kota Anggerik RM592,800.00, Batu Tiga RM492,800.00. Di Gombak, Kuang RM500,000.00, Rawang RM600,000.00, Taman Templer RM500,000.00, Batu Caves RM492,800.00, Gombak Setia, Datuk Hassan RM500,000.00 sudah habis, Hulu Klang RM500,000.00. Di Klang, Kawasan Daerah Klang, Meru RM500,000.00, Sementa RM592,800.00, Selat Klang RM492,800.00, Pelabuhan Klang RM492,800.00, Pandamaran RM492,800.00. Saya perlu mengkaji mengapa nombor ini sama saja.

Kota Alam Shah RM500,000.00, dan Seri Andalas RM592,800.00, Sri Muda RM500,000/- dan juga Sungai Pinang RM492,800.00. Satu *consistency* di Klang. Kuala Langat, Sijangkang RM600,000.00, Morib RM500,000.00, Telok Datuk RM500,000.00, Tanjung Sepat RM500,000.00. Di Hulu Langat, Bukit Antarabangsa RM500,000.00, Lembah Jaya RM492,800.00, Cempaka RM500,000.00, Teratai RM500,000.00, Dusun Tua RM492,800.00, Semenyih RM492,800.00, Kajang RM500,000.00, Bangi RM500,000.00, Balakong RM500,000.00, Di Bahagian Sepang, Dengkil RM492,800.00, Sungai Pelek RM500,000.00. Dan,Sungai Burung RM500,000.00, Permatang RM500,000.00, Bukit Melawati RM500,000.00, Ijok RM500,000.00, Jeram RM500,000.00. Hulu Selangor, Hulu Bernam RM492,800.00, Kuala Kubu Bharu RM592,800.00, Batang Kali RM500,000.00. Sabak Bernam, Sungai Air Tawar RM500,000.00, Sabak RM592,800.00, Sungai Panjang RM592,800.00, Sekinchan yang menyoal soalan masih belum habis tapi yang ada ialah RM492,800.00. Dan, satu perkara yang aneh, Speaker, yang dahulu, bukan ADUN dia membelanjakan RM600,000.00.

Jadi saya ingat perbincangan ini tidak boleh diteruskan di sini kerana ia bakal mengambil masa, saya nak cadangkan juga kalau Dewan ini setuju, kita akan bawa juga perkara ini untuk dibincangkan di dalam Jawatankuasa Terpilih Kebertanggungjawaban dan Ketelusan. Tepuk. Supaya dia dapat kita belajar bersama-sama cara kegunaan

wang ini dan ini peka terhadap saranan DYMM Tuanku supaya kita berhemah dan berjimat dalam usaha penggunaannya. Dan untuk maklumat Ahli Dewan Undangan Negeri semua, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor sudah memberi peruntukan baru untuk semua DUN dan kita mesti bersedia untuk menjaga duit itu dengan sebaiknya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seterusnya Seri Serdang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker. Soalan Nombor 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK : PELABURAN**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Apakah dasar kerajaan negeri untuk meningkatkan pelaburan di negeri Selangor?
  - b) Berapakah jumlah pelaburan yang akan dibawa masuk ke negeri Selangor pada 2008?
  - c) Apakah insentif yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi membawa masuk pelaburan asing di Selangor?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Kerajaan Negeri juga mengamalkan beberapa dasar yang menjadikan Negeri Selangor menjadi destinasi pelaburan yang menarik seperti berikut:-

1. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
2. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
3. Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan Kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
4. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
5. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak

menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One Stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.

6. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau Pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
7. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2008, sebanyak 45 projek perkilangan telah diluluskan di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM1,033,790,491.00. Dari jumlah ini sebanyak RM279,238,730.00 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM754, 551,761.00 adalah daripada pelaburan asing. Antara jenis-jenis galakan yang diberikan, adalah galakan berbentuk insentif seperti insentif-insentif yang telah ditentukan oleh Kerajaan Pusat iaitu cukai sama ada langsung atau tidak langsung diperuntukkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 tahun, Akta Cukai Pendapatan 1967 tahun, Akta Kastam, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Zon Bebas. Akta-akta ini merangkumi pelaburan dalam sektor-sektor perkilangan, pertanian, pelancongan (termasuk Perhotelan) dan perkhidmatan diluluskan serta aktiviti-aktiviti R & D, latihan dan pemeliharaan alam sekitar.

Insentif cukai langsung memberikan pengecualian sebahagian ataupun sepenuhnya pembayaran cukai pendapatan untuk tempoh tertentu, manakala insentif cukai tidak langsung adalah dalam bentuk pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais.

Antara insentif-insentif tersebut adalah seperti berikut:-

1. Insentif Utama untuk Syarikat Perkilangan seperti Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan.
2. Insentif untuk menempatkan semula Aktiviti Perkilangan ke kawasan-kawasan digalakkan.
3. Insentif untuk Syarikat Teknologi Tinggi
4. Insentif untuk Projek Strategik
5. Insentif untuk Syarikat Kecil dan Sederhana
6. Insentif untuk memperkuuhkan Rangkaian Perindustrian
7. Insentif untuk industri Jentera dan Kelengkapan. Ini termasuk insentif untuk pengeluaran Jentera

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat , Yang Berhormat Kinrara panjang lagi ke..?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Sedikit lagi. Ya, insentif tambahan untuk pengeluaran jentera berat, insentif tambahan untuk pengeluaran jentera dan

kelengkapan. No. 8, ialah Insentif untuk Modul Komponen Automotif No. 9 ialah Insentif dipertingkatkan untuk penggunaan Biomass Kelapa Sawit dan akhir sekali adalah Insentif Tambahan untuk Sektor Perkilangan termasuk Elaun Pelaburan Semula, Elaun Modal Dipercepatkan, Elaun Modal Dipercepatkan ke atas Kelengkapan Untuk Mengekal Kualiti Bekalan Tenaga, Pengecualian Cukai ke atas Nilai Pertambahan Eksport dan Potongan Berganda untuk Belanja bagi mendapatkan Sijil ‘Halal’ dan Sijil Sistem Kualiti dan Piawaian. Sekian, Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Waktu, waktu pertanyaan sudah berakhir. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sambungan.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya buka untuk sambungan perbahasan Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Memandangkan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat meminta peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul ini saya akan melanjutkan perbahasan sehingga petang hari ini. Perbahasan dibuka. Dipersilakan.

**TUAN SPEAKER :** Teratai

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker, ribuan terima kasih Tuan Speaker kerana sudi memberi peluang untuk saya membahaskan Usul Junjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terlebih dahulu Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada pengundi-pengundi di kawasan Teratai yang terdiri daripada pelbagai kaum baik Melayu, Cina dan India kerana memberi sokongan dan mandat kepada saya menjadi wakil mereka dalam Dewan yang mulia ini. Dalam Pilihan raya 8 Mac lalu, gelora tsunami politik telah berjaya membawa perubahan di mana calon-calon dari parti DAP, KEADILAN dan PAS berjaya mendapat mandat yang cukup kuat dari kalangan rakyat untuk membentuk kerajaan baru ini dan menggantikan Barisan Nasional yang telah berkuasa sepanjang 50 tahun. Inilah suara rakyat ‘Makkal Sakhti’ dengan izin. Keputusan Pilihan raya Mac lalu, mencipta sejarah Politik Negara ini ia bermakna berakhirlah zaman kezaliman dan kegelapan di bawah pimpinan Barisan Nasional dan memang tidak asing lagi dengan amalan korupsi, penyalahgunaan kuasa, kurang ‘efisien’, perkauman, kronisme, nepotisme, yang akhirnya ialah kuasa rakyat melalui Pakatan Rakyat. Oleh yang demikian, rakyat telah mengamalkan satu tugas keramat kepada Kerajaan Negeri Baru Pakatan Rakyat untuk mencapai matlamat-matlamat yang disebut di bawah:

1. Membina Selangor Negeri Maju menuju ke arah pembangunan yang berterusan dan berteraskan rakyat.
2. Menjadi sebuah kerajaan yang bersih, cekap serta peka kepada kehendak rakyat.
3. Menghapuskan segala dasar-dasar ketidakadilan yang mengasingkan rakyat dari segi perkauman, agama dan budaya.

Ungkapan tsunami politik 8 Mac agak menggerunkan dan membimbangkan apabila kali pertama mendengarnya. Hari kedua tsunami politik 8 Mac, saya berasa sebaiknya saya dalam suasana yang amat gembira dan kelegaan. Ia bagai mimpi, suasana tersebut memberi keriangan dengan suasana perayaan tahun baru di mana langit dan udara kelihatan begitu cerah dan segar. Kenapa, apakah perbezaannya sebelum dan selepas 8 hari bulan Mac? Yang jelas kelihatan ialah rakyat meneguk nafas harapan baru selepas 50 tahun merdeka banyak yang bercadang untuk berhijrah ke luar negara telah mengubahkan fikiran mereka. Ramai penduduk setinggan yang hilang tempat tinggal mereka tidak lagi menangis. Ramai pengundi muda yang dahulunya tidak peka kepada perkembangan politik semasa telah mula mengorak langkah pertama untuk memahami isu-isu politik. Mereka telah nampak sinar harapan di depan. Saya berfikiran positif dan tidak akan mengalah demi mempertahankan, memperjuangkan hak rakyat dahulu, kini dan selama-lamanya.

Inilah penggal saya sebagai seorang ahli politik, kerana saya percaya Malaysiaku aman damai Malaysialah negara yang ku cintai. Saya mengotakan taat setia yang tidak berbelah kepada tanah tumpahnya darahku. Hari ini parti pemerintah penggal lalu yang duduk bertentangan dengan saya yang telah menjadi parti pembangkang. Parti Pembangkang lalu yang hanya mempunyai 2 orang wakil sahaja berjaya menjadi parti pemerintah sekarang. Memandangkan bekas Menteri Besar Selangor, sekarang duduk di kerusi ketua pembangkang. Dalam sistem demokrasi dan sebagai satu komponen Dewan Undangan Negeri peranan yang dimainkan oleh parti pembangkang amat penting dan juga mustahak. Ia seperti peranan yang diwartakan oleh Parti DAP tahun sidang Dewan Undangan Negeri yang lepas. Saya percaya pengalaman tujuh tahun setengah Y.B. Ketua Pembangkang sebagai Menteri Besar Selangor iaitu dari Ogos 2000 – Februari 2008, sedikit sebanyak dapat membantu beliau menjalankan peranan ‘check and balance’ dengan izin. Dengan lebih ‘efisien’ lagi kerana Y.B. lebih memahami selok belok penyelewengan, rasuah dan sebagainya. Sungguhpun Pakatan Rakyat berjaya membentuk kerajaan negeri Selangor baru dalam pilihan raya yang lalu, ia juga memikul tugas yang cukup berat serta cabaran yang getir sekali untuk menyelesaikan masalah-masalah atau projek-projek pembangunan yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Ini sebagai mukadimah.

Tuan Speaker, Izinkan saya menghuraikan hujah-hujah saya seperti berikut:

Dari segi Perancang Bandar, apa yang di maksud Perancang Bandar ialah mengatur terlebih dahulu fasa-fasa pembangunan di sesuatu kawasan Bandar untuk memastikan pembangunan yang berterusan serta seimbang dengan alasan pembangunan. Saya ingin membangkitkan baru-baru ini 5 ekar tanah di kawasan Teratai iaitu Sungai Bukit Seputih telah digunakan untuk tujuan tanah perkuburan Islam. Tanah tersebut diambil alih dengan tidak memberi notis kepada penduduk-penduduk setempat. Apa yang mengecewakan ialah saya sebagai ADUN Teratai tidak diberitahu mengenai rancangan pembangunan tersebut. Apabila saya bertanya pihak berkenaan sebab-sebab saya yang tidak diberi notis mengenai pembangunan tersebut. Jawapan yang diberikan oleh pegawai amat mengejutkan saya. Inilah jawapan yang saya terima “Oleh kerana notis pemberitahuan dimaklumkan kepada ADUN penggal lalu, justeru itu tidak perlulah kami maklumkan untuk kali kedua”. Adakah ini budaya dan sifat macam kerajaan lalu. Cuba fikirkan kalau keputusan yang dibuat oleh mandat ADUN tidak berpihak kepada kepentingan rakyat tentunya ADUN sekarang berhak untuk melakukan perubahan.

Rakyat memilih kerajaan baru dianggotai oleh Pakatan Rakyat oleh pilihan raya yang lalu oleh kerana mereka ingin menyuarakan ketidak percayaan, tidak puas hati terhadap keupayaan menyelesaikan masalah dan projek-projek pembangunan kerajaan Barisan Nasional penggal lalu. Masalah tanah perkuburan Islam Ampang tidak cukup bukan berlaku dalam satu hari. Menurut hujah-hujah MPAJ Majlis Perbandaran Ampang Jaya itu ini mula di bincang seawal-awalnya tahun 2000, masalahnya kenapa 8 tahun, sudah 8 tahun, belum diselesaikan dengan sepenuhnya, kenapa pihak berkenaan enggan atau keberatan merancang terlebih dahulu. Apakah kita hendak menunggu sehingga kehabisan tapak perkuburan barulah kita mula memikir jalan penyelesaian. Keadaan ini seumpamanya tidak menyediakan tandas ketika kita membina rumah, apabila kita memerlukannya barulah korek sini korek sana cari lubang tandas, akibatnya tandas ini di sana atau di sini. Lubang tandas boleh dikorek dan lepas tu kita boleh menanam pokok durian yang berorganik tak ada masalah, tetapi kalau sebidang tanah telah dijadikan tanah perkuburan orang yang hidup langsung tidak boleh membuat apa-apa. Inilah masalah pembangunan yang tidak dirancang. Sebagai ADUN Teratai saya faham dan peka kepada masalah kekurangan tanah perkuburan Islam, tetapi kita perlu menyelesaikan masalah ini dengan kaedah yang profesional. Umpamanya berapa banyak keperluan tanah perkuburan di Ampang setahun. Berapakah tapak perkuburan yang boleh disediakan dalam seekar tanah atas alasan-alasan seperti di atas. Saya mencadangkan supaya satu penyelidikan selanjutnya di lakukan dengan teliti terhadap tanah perkuburan baru. Antaranya ialah 5 ekar tanah boleh memuatkan berapa tapak perkuburan dan boleh digunakan berapa lama mengikut kadar kematian setempat. Rakyat sangat tidak berpuas hati terhadap tahap kecekapan atau '*efficiency*' agensi-agensi kerajaan. Tambahan pula banyaknya cuti umum di negara kita menyebabkan masalah yang perlu diselesaikan bertimbunan. Warga kota perlu menunggu lebih lama untuk menyelesaikan urusan mereka, jadi 5 hari bekerja seminggu tetapi membuka kaunter perkhidmatan 7 hari seminggu untuk semua agensi-agensi perkhidmatan awam kerajaan hendaklah dilaksanakan. Warga kota terutamanya golongan '*double income family*' dengan izin, adalah di antara mereka perlu bekerja setiap hari atau menjawat lebih dari satu pekerjaan untuk berhadapan dengan masalah inflasi yang menyebabkan kenaikan harga barang secara mendadak . Oleh sebab itu agak sukar bagi golongan yang saya sebutkan tadi untuk mereka pergi ke agensi-agensi kerajaan pada hari Isnin hingga hari Jumaat. Mereka perlu meminta cuti dari majikan semata-mata untuk menguruskan hal berkenaan. Saya amat bersetuju dengan titah perintah Tuanku bekerja 5 hari seminggu tetapi membuka kaunter 7 hari. Sekarang tibahtah masa untuk berubah.

Setelah dasar baharu dilaksanakan, kakitangan kerajaan menjalankan tugas mereka yang lebih baik dan lebih efektif lagi untuk meningkatkan daya saingan negeri Selangor, barulah Selangor boleh menjadi negeri maju yang sejati. Penerokaan dan pembangunan yang tidak dirancang di kawasan di negeri Selangor. Hasil alam semula jadi di sekitar-sekitar membolehkan kita meneruskan hidup dengan selesai. Tetapi 50 tahun lepas penerokaan dan pembangunan yang tidak dirancang, tidak sebaik-baiknya di Selangor oleh penggal yang lalu, menyebabkan kita dihukum oleh alam semula jadi. Masalah tanah runtuh, batu runtuh dan banjir kilat. Pembangunan yang tidak membawa apa-apa makna sekiranya ianya hanya untuk tujuan penerokaan dan mendirikan bangunan mencakar langit. Sebaiknya pembangunan harus berteraskan peningkatan tahap dan kualiti alam sekitar supaya kita boleh hidup sebat dengan alam sekitar yang kronologinya seimbang dan dalam keadaan yang lebih harmoni. Masalah banjir sering melanda bandar adalah disebabkan kekurangan sistem perparitan serta ianya terlalu kecil cetek. Jumlah air yang banyak menyebabkan air melimpah keluar dari parit

menyebabkan banjir kilat berlaku. Banjir memberikan kesan-kesan negatif kepada semua kehidupan sehingga membawa kematian. Salah satu punca kemusnahan harta benda, kerugian dan tekanan yang amat besar kepada rakyat jelata kita. Pada masa yang sama pembangunan projek perumahan di kawasan tanah tinggi penyelidikan profesional terhadap unsur-unsur tanah haruslah dilakukan oleh pihak yang berkenaan terutamanya pihak Pejabat Tanah dan Galian. Di kawasan Teratai, Bukit Teratai didirikan di atas lereng-lereng bukit. Setelah tamat pembinaan, kawasan perumahan tersebut. Kes batu runtuh berlaku sejak tahun 2005 setiap kali satu tahun 2008 Mac dan April satu kali satu bulan. Nasib baik tiada kecederaan yang berlaku. Namun demikian, kita tidak boleh memandang ringan kes ini kerana batu yang runtuh dia bersaiznya sebesar kereta kancil. Dalam usaha syarikat perumahan membangun sesuatu kawasan, mereka perlu memasukkan faktor-faktor keselamatan alam sekitar dalam perancangan kerana inilah tanggungjawab asas sosial syarikat perumahan. Pihak kerajaan perlu melantik jurutera yang berkelulusan dan bebas untuk memantau projek juga. Perlaksanaan dasar-dasar pemulihan alam sekitar tidak boleh dilengah-lengahkan. Skill hidup manusia dan perkembangan pesat perindustrian telah mendatangkan kerosakan yang amat besar ke atas alam bumi. Kepanasan global membawa implikasi sangat mendalam seperti bencana alam, kepupusan haiwan binatang, kekeringan air tasik, pencairan ais kutub utara dan selatan dan sebagainya. Atas sebab-sebab ini saya mencadangkan bahawa kita perlu melaksanakan dasar-dasar pemulihan alam sekitar dengan serta merta dan bersistematis untuk meringankan beban tanggungan bumi di samping menyumbangkan tenaga kepada pemulihan alam sekitar. Pertama, pendidikan sosial cukup penting kalau seseorang tidak diasuh dengan konsep pemuliharaan alam sekitar. Walau betapa banyaknya enakmen-enakmen pemuliharaan, ia juga tidak mendatangkan impak yang berkesan. Juga, tambahan pula setiap Yang Berhormat boleh menjadi pemimpin melalui teladan, menjadi pengurus atau *role model* dengan izin kawasan-kawasan kita sendiri, juga di bangunan SUK. Antara langkah-langkah positif yang boleh diambil, memulakan kitar semula di pejabat masing-masing. Juga Dewan ini untuk mengumpulkan kertas dan plastik yang telah dibuang. Kedua, pengasingan sisasiswa buangan sampah perlulah di wujud. Sisa pembuangan bolehlah dikategorikan dengan lebih halus sebagai sampah biasa, botol, kaca, ammonia dan besi. Menggunakan tong sampah yang berasingan, pembuangan yang berbeza mungkin kelihatan rumit dan leceh. Tetapi melalui dengan cara ini ia dapat memupuk sikap mengasingkan sampah secara automatik. Lama kelamaan semua orang biasa dengan sistem ini. Ketiga mengambil tindakan-tindakan sewajarnya ke atas mereka yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar. Mengharamkan pembakaran secara terbuka, sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan yang tertera di bawah *Enakmen Pemuliharaan* tidak kira syarikat perseorangan, mereka dikehendaki menghadiri kursus pemulihan alam sekitar, menjalankan tugas sukarelawan di mana-mana pertubuhan pemulihan alam sekitar.

Cadangan seterusnya mengenai cukai perlindungan alam sekitar, kilang-kilang yang mencemari air yang mengeluarkan gas yang bertoksik sebagai ganti rugi. Kerajaan boleh menggunakan perolehan cukai tersebut untuk membaik pulih alam sekitar terutamanya membaiki projek pembersihan sungai. Dengan usul kualiti pembekalan sungai, air merupakan nadi utama kepada kehidupan manusia dengan air yang bersih bermakna kita sihat. 20 tahun dulu, kita boleh minum dengan menggunakan air paip tanpa memerlukan alat penapisan air. Tetapi sekarang alat penapisan air menjadi keperluan asas untuk setiap keluarga terutamanya di kawasan bandar. Saya mendapat tahu bahawa ada keluarga menggunakan 3 atau 4 air alat penapisan air. Orang kaya berkemampuan boleh menggunakan air yang bersih kerana mereka mampu membeli

alat penapisan sementara golongan yang berpendapatan rendah hanya menelan peluh pahit minum dengan air yang sedikit berwarna coklat. Ada kalanya air paip tidak berwarna tetapi pengguna dapat menghirup gas *klorin* yang tebal, ini tidak adil kepada golongan yang kurang upaya kerana pembekalan ini telah mengingkari hal asas setiap penduduk berhak mendapat air minuman yang bersih. Pembekalan air Selangor juga mengecewakan banyak rakyat jelata. Dalam kebelakangan ini ada 10 hari sampai 2 minggu di kawasan saya Cheras dan Pandan mengalami ganggu bekalan air

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat 3 minit untuk menggulung

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Ok sudah cukup ok. Di kawasan ini kebiasaan penduduk tidak diberi notis dan juga setiap kali kita telefon untuk menanya alasan-alasan yang dibagi berbeza. Jadi SYABAS sepatutnya mengadakan saluran *alternatif* untuk mengurangkan gangguan bekalan air. Dengan ini, saya ingin menyarankan bahawa masalah yang telah disuarakan di atas memerlukan tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan. Kes yang saya maksudkan tidak begitu serius, ada beberapa kes mereka anggap *urgent* dan tidak *urgent*, yang *urgent* dengan izin biasanya berlaku adalah memotongkan bekalan air apabila rakyat yang tunggakan bekalan air 2 bulan sebanyak 12 ringgit tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Langsung tidak memberi kelonggaran tamat tempoh sewajarnya. Selepas Bekalan Air diberhentikan penduduk berkenaan perlu pergi ke Ibu pejabat SYABAS untuk menjelaskan bil tunggakannya serta membayar caj perkhidmatan sambung balik sebanyak RM40.00 iaitu 4 kali bil tunggakan sebanyak 2 bulan. Saya berharap SYABAS boleh menjalankan tugas dengan lebih berperikemanusiaan terutamanya di kawasan perumahan kos rendah. Dalam zaman barang naik gaji yang tidak naik ini memang mendatangkan kesulitan dan kebebasan orang ramai. Saya berharap pihak Syabas lebih berprihatin kepada keadaan semasa ini. Akhirnya saya sekali lagi menjunjung kasih di atas Titah Perintah Tuanku kerana ucapannya amat bertimbang rasa kepada golongan miskin dan kurang upaya di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar

**Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD :** *Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, Sungai Air Tawar mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sempena Perasmian Mesyuarat Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri kelmarin. Tuan Speaker, sesungguhnya Sungai Air Tawar menjunjung kasih di atas keprihatinan Tuanku berkaitan kemajuan, pembangunan, kemakmuran, keamanan, kesejahteraan serta keselamatan negeri Selangor dan rakyat seluruhnya. Tuan Speaker, persidangan kita di Dewan Undangan negeri Selangor yang mulia ini dimulakan dengan titah ucapan Tuanku. Dimulakan dengan adab dan tatasusila yang paling berhemah dalam sejarahnya. Sesungguhnya sudah pastilah tujuan untuk mencapai sesuatu perjalanan kehidupan yang baik, menguruskan diri dan keluarga memikul amanah untuk mentadbirkan negeri dan negara seharusnya ia juga dimulakan dengan perancangan yang baik, berbudi bahasa dan bijaksana. Ini bermakna kita yang terpilih sebagai Ahli-Ahli Yang Berhormat di khalayak yang ramai untuk menaburkan khidmat dan menyumbangkan jasa mewakili rakyat seharusnya juga kelihatan lebih matang dan bijaksana. Namun apalah erti jika fikiran dan minda saja yang diguna pakai, sedang perilaku dan tatasusila tidak seiring,maka tidak ada bezanya antara mereka yang membawa gelaran Yang Berhormat pada pangkal namanya dengan

jutaan rakyat jelata yang berbagai kerennah dan ragam di luar sana. Tidak terjangkau dalam fikiran manusia secara spontan apalah rupanya jika Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat dalam Pilihan raya umum ke 12 yang lalu dianggap sebagai pemimpin yang layak untuk memikul tanggungjawab dan amanah. Tetapi tidak mampu mengawal diri dan emosi tatkala berbahas dan mempertahankan diri angkara diasak soalan dan demokrasi. Penggunaan bahasa kesat apalagi bersulam dengan kata-kata nista caci dan maki ini meletakkan kita berada di tahap yang paling hina dan terbawah sekali. Kepada wakil rakyat yang menyambung khidmatnya pada penggal ini, Sungai Air Tawar ingin merakamkan ucapan tahniah dan selamat berkhidmat. Begitu juga kepada Wakil Rakyat yang baru di Dewan yang mulia ini diucapkan sekalung tahniah dan selamat menimba pengalaman baru. Marilah kita bersama-sama menjaga tatasusila perilaku dan bahasa. Walaupun berlainan *ideologi* dan bertingkah pandangan dalam berbagai perkara, ingatlah janganlah mudah berbangga diri dan lupa peribadi. Kita tetap manusia biasa sering melakukan kesilapan dan bukanlah bijaksana dalam semua benda. Umpama bidalan Melayu jika merenung bintang di langit jangan lupa rumput di bumi.

Tuan Speaker mengimbah titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Baginda meminta Kerajaan Negeri Selangor yang baru menerajui pentadbiran negeri khususnya dalam menguruskan hal ehwal ekonomi negeri Selangor sebaik yang mungkin. Jika hal yang demikian telah diurus selia dengan baik ketika kerajaan BN memerintah Selangor dulu, maka tidak ada sebarang sebab dan alasan jika kerajaan yang ada sekarang menolak dan menyatakan mereka juga gagal membuat demikian dengan berbagai tuduhan dan momokkan angkara pentadbiran yang terdahulu. Secara analoginya bukanlah susah untuk menguruskan sebuah negeri Selangor yang telah mencapai status negeri maju. Jika yang menguruskannya pandai, bijaksana, cerdik dalam membuat keputusan berbanding dengan usaha kerajaan dahulu bertungkus lumus memerah keringat serta idea untuk menjadikan negeri Selangor ini seperti telah sedia ada seperti yang kita nikmati sekarang. Pelaburan negeri Selangor ini seharusnya lebih berkembang maju pembangunan prasarana dan infrastruktur juga tentunya akan lebih rancak dan tersusun. Peningkatan tahap hidup rakyat Selangor juga akan lebih terjamin dan tahap kesihatan serta daya saing penduduknya pula akan terarah dan terbaik. Kempen Setinggan Sifar dalam usaha kerajaan negeri terdahulu hampir terlaksana keseluruhannya. Janganlah pula dalam tempoh kerajaan sekarang menjadikan jumlahnya makin bertambah tidak berkurangan. Pengurangan bayaran air mengikut dua puluh isi padu meter percuma, pemberian sagu hati RM1,000 kepada setiap anak Selangor yang telah berjaya ke menara gading, rawatan klinik percuma kepada setiap warga emas yang berusia 65 tahun ke atas, peruntukan RM75.00 kepada anak-anak yang di hantar ke tadika dan banyak lagi yang diajukan sebagai bantuan ikhlas kepada seluruh rakyat Selangor oleh Pakatan Rakyat. Janganlah pula sekadar manis mulut di bibir sahaja tetapi di hati lain bicara. Malanglah jika perkara seumpama ini bakal terjadi, kerana Tuhan dalam apa fahaman agama sekali pun akan melaknat kepada sesiapa yang suka menabur janji-janji tetapi tidak ditepati dan dimungkiri.

Tuan Speaker, menurut titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Selangor sendiri, sektor pertanian seharusnya juga diambil kira kepentingannya. Konsep pertanian moden yang diilhamkan oleh pemimpin kerajaan yang terdahulu amat menarik minat baginda dan baginda mahu untuk melihat sektor pertanian ini diurus terus dengan baik dan berkembang maju. Sebahagian besar kepada petani khususnya telah menaruh harapan yang begitu tinggi ketika dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dahulu, akan diubah taraf hidup mereka berkali-kali ganda. Jika Pakatan Rakyat berjaya memerintah,

janganlah pula dilupakan mentah-mentah. Mereka yang telah ditaburkan fitnah dan dikatakan tidak dibela oleh Kerajaan BN suatu ketika dahulu tentunya berharap kepada Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ,sikap membela mereka bagaikan menatang minyak yang penuh.

Tuan Speaker, ilmu dan pengetahuan adalah asas dalam mengejar kemajuan dan peningkatan sesebuah negeri seperti Selangor. Rakyat Selangor yang berilmu akan menjadi aset yang terpenting dalam menjana setiap bidang yang ingin dipelopori. Maka penyediaan semua asas-asas tersebut adalah modal dan bajet yang besar daripada peruntukan belanjawan yang harus dititikberatkan. Pembinaan dan penambahan jumlah sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta perlulah disegerakan dengan sempurna dan teratur bahkan penyediaan awal kepada asas-asas keperluan guru dan peralatan sekolah seperti makmal, perpustakaan, dewan dan sistem komputer juga menjadi perkara yang perlu dikenal pasti oleh kerajaan sekarang. Kerajaan BN dulu amat mengambil berat tentang perkara di atas. Peluang-peluang pekerjaan bagi pelajar-pelajar yang gagal memperoleh kecemerlangan akademik tetapi mahir dalam pertukangan tangan, automatif, seni dan sebagainya juga perlu diambil kira. Ini ditambah pula dengan pertumbuhan kilang-kilang dan industri-industri kecil sederhana dan berat yang sememangnya telah wujud sekian lama di Selangor memerlukan tenaga-tenaga mahir yang berkelayakan dan berketerampilan serta berkebolehan ditampilkan. Tuan Speaker, seterusnya baginda yang mempunyai minat yang begitu mendalam dalam bidang kesukuanan mengharapkan negeri Selangor akan terus mencipta kecemerlangan dalam apa jua sukan yang diceburi oleh rakyatnya. Kegemilangan kerajaan BN dahulu mencipta kecemerlangan dalam setiap kali Sukan Malaysia dijalankan, pasti akan dikenang dan dikekalkan tahap prestasi dari semasa ke semasa. Pengurusan Bola Sepak Negeri Selangor dan sukan-sukan yang lainnya juga memerlukan pemerhatian yang serius oleh kerajaan yang ada sekarang. Tidaklah sekadar berpuas hati dengan pencapaian yang sedia ada malah penambahbaikannya juga perlulah diselaraskan dengan peningkatan mutu sukan dengan keupayaan mentaliti keperluan atlit sukan yang ada. Pembaikan *venue-venue* sukan dan stadium yang sedia ada perlu, perlu diperbaiki mengikut keutamaan dan kepentingan bersama. Baginda mahukan rakyat Selangor yang berilmu dan cergas dan tentulah akan menghasilkan kerja yang lebih kompetitif dan kreatif dalam meningkatkan tahap mutu dan piawaian kerja.

Tuan Speaker, kadar jenayah yang semakin ketara dan jurang kemalangan jalan raya yang semakin melebar membimbangkan banyak pihak. Tahap kecekapan anggota beruniform seperti Polis,Tentera, Bomba dan sebagainya perlulah dipuji kerana sentiasa berpegang kepada prinsip Kedaulatan Undang-Undang dan bernegara dijadikan keutamaan. Amalan berintegriti mengamalkan tatacara hidup yang lebih beretika menjadi impian semua rakyat di negeri Selangor. Sudah pasti kesemua yang terlibat seharusnya menjalankan kerjasama yang erat dan bertoleransi di kalangan pentadbir dan kerajaan dengan mana-mana pasukan yang terlibat. Dalam waktu yang sama rakyat Selangor juga diminta memainkan peranan yang penting dalam mengharmonikan kerukunan rumah tangga dan berkeluarga. Betapa rapuhnya nilai-nilai murni khususnya di kalangan remaja yang mudah terpengaruh dengan budaya yang merosakkan, maka amat penting bagi kita semua menjadi mata dan telinga kepada semua masyarakat setempat. Konsep kejiranan melalui pelbagai pertubuhan NGO dan sebagainya, seperti Rela dan Rukun Tetangga perlulah dikemas kini dengan bantuan kerajaan bagi mengatasi kemelut yang semakin melebar ini.

Tuan Speaker, janji-janji dalam manifesto kerajaan Pakatan Rakyat yang disebarluaskan kepada pengundi-pengundi di seluruh negeri Selangor dalam tempoh kempen pilihan raya Umum yang lalu tentunya telah dibuat kajian dengan teliti dan arif dalam pelbagai aspek oleh para pemikir dan perancangan yang sempurna sebelum disajikan kepada rakyat untuk meraih undi dan menarik pengundi. BN juga dahulunya ingin berbuat demikian dan pelbagai impian untuk rakyat jelata tetapi BN lebih berpijak di bumi yang nyata. Dalam erti kata yang lain BN bertindak melakukan perubahan dengan keupayaan yang ada. Tidaklah BN memandai-mandai menaburkan janji yang tidak pasti melainkan melaksanakan tanggungjawab dengan amanah, cermat dan berhemah. Berkemungkinan dengan BN tidak berani menjanjikan bulan dan bintanglah maka senario pengundi kali ini beralih arah kepada janji-janji dan manifesto kepada Pakatan Rakyat dengan harapan segala yang dijanjikan kepada rakyat seumpama syurga mungkin terlaksana dan akan disajikan di depan mata dan akhirnya pilihan raya berkeputusan seperti yang dipinta.

**Y.B. TUAN SPEAKER** : Sg. Air Tawar, Sg. Air Tawar, Teratai minta laluan. Bagaimana?

**Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD** : Sedikit sahaja lagi ini.

**Y.B. TUAN SPEAKER** : Teratai, tak bagi, tak bagilah, sila duduk.

**Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD** : Ya. Saya pandang pun dia faham lah. Bukankah dengan niat mengadakan-adakan cerita atau rasa dendam dan kecawa semata-mata tapi kalau begitulah caranya semata-mata untuk berkuasa tentulah caranya tidak kena. Namun seperti yang disebutkan awal bicara BN yang berperanan di kerusi pembangkang akan memikul tanggungjawab ini dengan cara berhemah, dengan bijaksana tentunya turut berminat seperti mana sahabat-sahabat yang lain berminat untuk terlibat sama memastikan semua janji-janji yang termaktub dan manifesto yang telah dikemukakan tadi dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Malahan, manalah tahu kalau BN boleh menimba ilmu dengan cara dan tindakan yang bakal dilaksanakan kerajaan nanti, barangkali kalau-kalau lebih cekap dan efisien untuk kepentingan semuanya khususnya rakyat bagi negeri Selangor. Cuma hanya seperkara yang paling BN pasti janganlah jika seandainya semua janji-janji yang telah ditaburi tadi gagal ditangani, BN pula dijadikan alasan dan sasaran yang menyebabkan semua yang ditagih oleh rakyat jelata tidak dapat disempurnakan angkara kesilapan BN dahulu semasa mentadbir Negeri. Walhal semasa BN mentadbir dahulu BN tidak pernah sedikit pun menyalahkan mana-mana pihak atas setiap kegagalan yang terjadi walau pun jumlah kegagalan terlalu sedikit jika di nisbah dengan kejayaan dan kecemerlangan yang telah diberi untuk rakyat dan negeri Selangor yang dicintai. Kalau hendak dibandingkan dengan tak sampai 100 hari PR memerintah. Jadi, Tuan Speaker, Sungai Air Tawar menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terima Kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, Tuan Speaker

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, minta laluan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, Tuan Speaker

**Y.B. TUAN SPEAKER** : Hah ! Hulu Kelang, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih, Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim.* Saya ingin mengambil bahagian dalam memohon sembah, terima kasih serta menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya menganggap dan yakin bahawa ucapan yang telah disampaikan oleh Baginda Tuanku adalah satu ucapan yang cukup lengkap, menyeluruh yang merangkumi satu pendekatan baru. Satu pendekatan yang membawa anjakan kepada paradigma. Anjukkan kepada satu gaya pemikiran dan pendekatan dalam pentadbiran Selangor baru. Dan bagi saya pendekatan itu memerlukan iklim tertentu. Dan iklim yang dimaksudkan oleh titah Tuanku ini adalah iklim yang menuntut satu pengamalan dan penghayatan satu demokrasi baru. Demokrasi dalam pengertian yang sebenarnya. Pengertian demokrasi sebenar bukan hanya terhad dan terbatas kepada wujudnya pilihan raya berkala di negara kita dan di negeri Selangor. Tetapi sebaliknya demokrasi yang dimaksudkan oleh Tuanku adalah demokrasi yang memberikan kebebasan bersuara. Kebebasan dalam erti kata kebebasan memperkasakan suara rakyat. Wujudnya interaksi langsung daripada suara rakyat akar umbi. Di mana rakyat tidak lagi ditakutkan-takutkan dan rakyat boleh bergerak di atas keyakinan prinsip yang mereka dokong. Kakitangan kerajaan diberikan kuasa menurut *profesionalisme* yang telah diwujudkan untuk bidang kuasa mereka masing-masing. Dan kebebasan inilah yang akan menjana perubahan yang sebenarnya dalam konteks perubahan yang dititahkan oleh Tuanku semalam. Dan demokrasi inilah yang didokong oleh Pakatan Rakyat kerajaan baru. Dan malangnya demokrasi inilah yang tidak dapat dihayati dan difahami oleh kerajaan yang lama Barisan Nasional , khususnya UMNO sehingga rakyat menolak UMNO dan saya ingin menarik perhatian ucapan saya pada hari ini sekiranya Yang Berhormat Sg. Panjang tidak dapat memahami berulang kali mengatakan tidak dapat memahami dan tidak faham beginilah sebenarnya persepsi rakyat tentang amalan demokrasi yang telah dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional selama ini dan inilah perubahan besar yang akan dibawa oleh Pakatan Rakyat dalam konteks Kerajaan Negeri Selangor. Tuan-tuan Yang Berhormat Dewan yang mulia, dalam konteks demokrasi juga negara kita ini merupakan negara persekutuan di mana amalan persekutuan telah dilembagakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Pilihan raya pertama Malaya 1957 telah membuktikan rakyat sudah memahami konsep persetujuan nenek moyang kita untuk mewujudkan sebuah negara yang berpersekuatuan. Negara di mana ada kerajaan pusat dan ada kerajaan-Kerajaan negeri. Tetapi malangnya konsep ini sudah dirobak-rabekkan oleh UMNO Barisan Nasional hingga rakyat negeri-negeri yang memilih kerajaan yang berlainan daripada kerajaan pusat dihukum. Kelantan merupakan bukti nyata dari dulu lagi hingga sekarang. Dan hari ini tambahan kepada empat buah negeri lagi yang memerintah, kerajaan-kerajaan negeri yang berbeza aliran politik dengan kerajaan persekutuan. Oleh kerana itu, inilah kemelut masalah yang besar yang dalam konteks Kerajaan Negeri Selangor yang baru perlu ditangani. Iaitu Wakil Rakyat yang dipilih sama ada daripada kerajaan atau pun pembangkang mesti membuat anjukkan baru menurut apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Iaitu kita adalah wakil kepada rakyat bukan wakil kepada parti. Bukan wakil kepada pengundi-pengundi yang memilih kita di pilihan raya yang baru-baru ini. Sekiranya pemikiran ini tidak dapat dianjukkan, sekiranya Wakil Rakyat hanya menganggap bahawa dia adalah orang akan bertemu memberi khidmat hanya kepada penyokong yang setia padanya, tetapi tidak kepada rakyat sekiranya ini tidak dianjukkan, tidak diubah pemikiran ini dan pendekatan ini tidak mungkin apa yang dihasratkan di dalam titah Tuanku Sultan dapat dilaksanakan di negeri Selangor. Tuan-tuan Yang Berhormat Dewan yang mulia. Pada pandangan saya dan pemerhatian saya demokrasi akar umbi sudah mati di bawah pimpinan UMNO Barisan Nasional. Hari ini EXCO Agama telah membuktikan bagaimakah salah satu institusi yang

penting dalam menyatupadukan umat Islam di negara ini sudah di UMNOkan dengan bukti-bukti yang cukup terperinci. Dan bagaimanakah institusi yang sepatutnya boleh mengukuhkan perpaduan ummah boleh membangun dan menjana kekuatan ummah hari ini sudah lumpuh oleh kerana angkara perbuatan UMNO Barisan Nasional. Dan ini memerlukan satu proses transformasi yang besar dalam konteks memasyarakatkan dan memperkasakan suara rakyat. Oleh kerana itu apabila perubahan-perubahan ini telah dilakukan oleh pimpinan UMNO Barisan Nasional yang lalu maka jentera untuk memasyarakatkan kekuatan umat Islam itu sudah lumpuh di mana penceramah-penceramah yang mampu menyuntik semangat kefahaman Islam yang padu, penghayatan Islam yang jitu sudah digam sebaliknya masjid-masjid dan surau-surau mati, tidak hidup dan kesannya masyarakat tidak berminat terhadap agama. Masyarakat Islam tidak berminat dan tidak peka untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama, kesan dan natijahnya anak-anak ini apabila masuk ke sekolah menengah sudah runtuh akhlaknya. Sebahagian besar mereka sudah tidak sembahyang dan tidak tahu membaca *Fatihah*. Ini terbukti oleh Pejabat-pejabat Agama di peringkat daerah Yang Berhormat. Dan ini kita menyatakan lagi apabila berlakunya politik pilih bulu, melalui institusi masjid dan surau maka pengagihan zakat tidak diberikan kepada yang layak memohon dan rakyat, kita turun ke bawah, ke lapangan, ke padang kita akan dapat rakyat yang terpinggir, rakyat yang miskin, (orang kurang upaya) yang tidak terbela, fakir miskin yang tidak dapat bantuan, sedangkan bantuan dan peruntukan itu ada. Tetapi oleh kerana pemilihan untuk membenarkan mereka memohon permohonan zakat dan kebaikannya diperuntukkan oleh negeri adalah di atas kelulusan nazir-nazir yang dipilih dan diluluskan oleh ketua-ketua dan Ketua-ketua Bahagian UMNO dan Cawangan UMNO, maka itulah angkara yang sedang berlaku dalam masyarakat kita.

Politik kepartian yang terlalu meruncing telah mengetepikan kebaikan rakyat. Inilah yang sedang berlaku selama ini dan dia menjalar kepada pengendalian tempat-tempat ibadat lain seperti kuil hindu di mana dikuasai oleh pemimpin-pemimpin MIC, dan tokong-tokong Cina yang dikuasai oleh pemimpin-pemimpin MCA. Dan inilah budaya yang telah wujud yang perlu dirungkaikan. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sekiranya anjakan ini tidak dilakukan selagi itulah hasrat dan harapan Tuanku tidak dapat dilaksanakan dan pembangunan Selangor Baru tidak dapat dihayati oleh masyarakat kita. Dan kesan daripada itu, Tuan Speaker, kesan daripada keadaan demokrasi akar umbi yang sudah mati maka rakyat terus dipinggirkan. Sebaliknya pemimpin-pemimpin yang dinobatkan sebagai wakil rakyat terus mendekati dan didekati oleh golongan peniaga dan pemaju-pemaju. Maka berlakulah apa yang telah berlaku, sebagaimana yang dibuktikan dengan begitu tepat sekali oleh Yang Amat Berhormat dari Ijok menyatakan bahawa segala *joint-venture* dengan izin, usaha sama perniagaan, khazanah kekayaan anak-anak syarikat Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor di atas nama sistem pawah diagih-agihkan kepada kroni-kroni. Apa yang kami katakan dalam kempen pilihan raya sebagai kroni, hari ini terbukti dalam Dewan yang mulia ini, semalam khususnya, benar berlaku kroni-kroni yang hanya menggunakan nama kerajaan, nama keputusan EXCO dan sebagainya untuk kepentingan kewangan dan ekonomi masing-masing. Demikian juga kalau kita perhatikan bagaimana dana negara, dana negeri Selangor dihabiskan melalui projek penswastaan yang rata-rata orang telah maklum, boleh dibuktikan dalam Dewan ini, bahawa pengeluaran air di bawah sistem penswastaan adalah tiga kali ganda kosnya berbanding apa yang boleh dilakukan syarikat-syarikat lain, mahupun anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor secara langsung.

Dan saya menarik perhatian contoh-contoh yang amat menakutkan oleh kerana pemimpin-pemimpin wakil rakyat begitu mendampingi dan begitu intim dengan peniaga-peniaga dan pemaju-pemaju, tanah yang sudah dikendali oleh persatuan-persatuan sukan, sejak 40, 50 tahun yang lalu, sejak tahun 58, seperti UKRC, Ulu Klang Recreation Club, di Kuala Ampang, tiba-tiba digazetkan untuk pembangunan dan tidak lain dan tidak bukan terdapat wakil rakyat dan Ahli-Ahli Politik UMNO Barisan Nasional di sebaliknya. Demikian juga tuan-tuan, tentang pembangunan-pembangunan di cerun bukit, ada yang kelas 3 dan 4, yang sepatutnya sudah menjadi rizab untuk takungan air di Hulu Kelang dan Kelang Gate, tetapi di atas tekanan desakan ahli-ahli peniaga yang sudah begitu intim dan rapat sebagai kroni perniagaan dengan Wakil-wakil Rakyat maka tanah-tanah ini digunakan, diluluskan untuk pembangunan hingga satu-satunya tempat Taman Melawati, Bukit Taman Melawati, satu-satunya tempat yang merupakan tempat hijau, *The Green Lung*, dengan izin, mahu dibangunkan dan diranapkan sehabis-habisnya, hingga menjelaskan kehidupan flora dan fauna dan kebijakan masyarakat di tempat tersebut.

Saya ingin menarik perhatian tuan-tuan Yang Berhormat tentang satu projek yang berlaku di Bukit Baru Keramat Hujung. Di mana pada asalnya tanah seluas 14 ekar ditambah dengan 2 ekar, 14 ekar tanah kerajaan adalah tujuan permohonannya oleh pemimpin-pemimpin UMNO Barisan Nasional yang dulu untuk memindahkan penduduk setinggan di situ. Tetapi sebaiknya, sebaik-baik tanah itu telah diluluskan dengan harga yang terlalu murah, RM 2.00 sekaki persegi, untuk projek pemindahan penduduk terpinggir demi kepentingan ekonomik, dan sosial dan kehidupan mereka maka tiba-tiba tanah seluas 16 ekar itu dibagi dua. Hanya 2 ekar untuk pembangunan pemindahan setinggan seramai 3,000 orang, yang selainnya adalah untuk pembinaan kondominium mewah. Pada awal perjaniannya, perjaniannya akan menjanjikan suatu keuntungan sebanyak RM17 juta, oleh kerana dia merupakan kononnya sebagai satu projek usaha sama di antara pemaju Tan & Tan dan MPAJ, maka peruntukan RM1.7juta keuntungan akan diserahkan kepada MPAJ. Tetapi apabila projek itu sudah bertukar menjadi projek kroni yang mega, yang mewah, dengan jualan satu apartmen hingga RM670,000.00 seunit dan keuntungan yang meningkat sekurang-kurangnya dengan kadar konservatif RM107 juta, sayangnya keuntungan yang diagihkan pada MPAJ kekal sebagai RM1.7 juta. Bukan 10 persen, bukan 10 peratus. Inilah contoh yang nyata, tetapi amat menyedihkan kami, menyedihkan saya sebagai wakil rakyat baru di Hulu Kelang, adalah apabila tempat itu dibagi dua seolah-olah satu keadaan geto, tanah yang 2 ekar itu di pagar, mereka tidak dapat laluan ke Jalan Jelatek sedangkan projek itu dinamakan projek pembinaan di sekitar Jalan Jelatek. Bayangkan penduduk-penduduk 3,000 orang daripada Bukit Baru tidak boleh mendapat laluan ke Jalan Jelatek, sedangkan projek itu pada peringkat awalnya dikatakan sebagai projek Jalan Jelatek. Mereka terpaksa melalui Jalan Keramat Hujung yang sempit, terpaksa meletakkan kenderaan mereka di situ. Dan sedih lagi, tuan-tuan, Yang Berhormat, bahawa apa yang berlaku di situ adalah pembinaan 600 unit dengan hanya 300 lot tempat letak kereta. Dan inilah satu penyelewengan yang cukup dahsyat yang berlaku kesan daripada sikap tidak berkebijakan kepentingan peniaga-peniaga, pemaju-pemaju tetapi membela-kangangkan kebijakan rakyat.

Tuan-tuan Yang Berhormat Dewan yang mulia, saya ingin menutup ucapan saya dengan mengingatkan kita semua khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat, agar kita tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan dan mungkin

masih dilakukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Wakil Rakyat daripada UMNO Barisan Nasional.

Pertama, oleh kerana runtuhnya demokrasi akar umbi, oleh kerana terpinggirnya kebijakan rakyat, oleh kerana kepentingan yang diberikan kepada peniaga-peniaga dan meraih kekayaan ini, oleh kerana kebendaan,dalam konteks umat Islam, Wakil-wakil Rakyat Islam, saya ingin ingatkan, oleh kerana tarikan keduniaan, kebendaan, material yang telah menggelapkan mata kita, itulah yang menjadikan kita meminggirkan kebijakan rakyat. Tuan-tuan, Yang Berhormat Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional telah mengabaikan kepentingan kebijakan rakyat tetapi mengutamakan kepentingan dunia semata-mata kebendaan, semata-mata pembangunan, itu merupakan sebagai Tuhan hingga pandangan rakyat terhadap UMNO Barisan Nasional, adalah sebuah parti dan barisan pemimpin yang angkuh yang meminggirkan rakyat, yang sewenang-wenangnya menyatakan mahu menjadikan negeri Selangor sebagai negeri Pembangkang Sifar, mahu melaksanakan program, program setinggan sifar dengan merobohkan dan mengusir dengan kejam, merobohkan surau-surau, meruntuhkan kuil-kuil, dan kemuncak kepada keangkuhan itu dalam pandangan dan keyakinan rakyat pemimpin utama Barisan Nasional negeri Selangor UMNO negeri Selangor telah menghadiahkan, menganugerahkan penyapu kepada kakitangan tertinggi sebuah agensi kerajaan negeri. Ini merupakan realiti yang kita harap, Insya-Allah, Wakil-wakil rakyat Pakatan Rakyat tidak langsung mahu meniru dan mengikut jejak langkah yang seleweng dan silap ini.

Kedua, kenapa rakyat menolak Barisan Nasional yang perlu difahami, yang sukar difahami oleh Sungai Panjang semalam adalah kerana amalan rasuah. Dan kekebalan yang mengiringi amalan-amalan rasuah. Bukan sedikit laporan-laporan Polis, laporan kepada BPR dan rakyat sudah jemu dan jelik, mereka tahu berlaku penyelewengan dan rasuah, mereka tahu ada aduan-aduan laporan Polis, aduan BPR, tetapi mereka tahu UMNO kebal, UMNO berada di atas undang-undang, UMNO berada di atas mahkamah, UMNO berada dan menguasai BPR. Inilah persepsi yang perlu diyakini oleh pemimpin-pemimpin Wakil rakyat UMNO Barisan Nasional. Dan sekali lagi saya ulang, akan tidak, akan tidak diulangi kesilapan besar ini oleh Wakil-wakil rakyat Pakatan Rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang ketiganya, UMNO Barisan Nasional dilihat sebagai zalim, zalim mengusir untuk mengutamakan projek pembangunan bagi kepentingan kroni-kroni, sanggup mengusir, dengan menggunakan kekerasan menggerakkan FRU, gas pemedih mata, tangkapan dan sebagainya. Itu belum masuk lagi penangkapan di bawah ISA. Saya akan bercakap perkara ini pada hari Isnin, minggu depan, saya adalah mangsa ISA ditahan dua kali. Saya boleh membutirkan dengan terperinci bagaimana instrumen ISA digunakan semata-mata untuk melindungi kepentingan politik elit UMNO Barisan Nasional di negara ini. Sama ada di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri. Tuan-tuan, Yang Berhormat, yang keempatnya kenapa UMNO ditolak atas dasar keruntuhan demokrasi selama ini..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, dua minit lagi.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Dua minit, terima kasih, adalah kerana usaha dan tindakan UMNO Barisan Nasional mahu terus memperbodoh-bodohkan rakyat. Media diguna sesuka hati, tetapi silap perkiraan, tuan-tuan Wakil Rakyat yang menang di kalangan Barisan Nasional khususnya UMNO pada hari ini, tuan-tuan hanya diselamatkan kerana penduduk-penduduk di kawasan tuan-tuan Yang Berhormat tidak

dapat akses kepada Internet, tetapi bagi rakyat dan pengundi penduduk di tempat-tempat lain yang sudah mendapat akses maklumat alternatif, mereka tidak boleh lagi diperbodoh-bodohkan. Mereka sudah dapat menilai sendiri mana yang betul mana yang salah. Oleh kerana itu, sekali lagi saya menyeru di dewan yang mulia ini, agar kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh kerajaan UMNO Barisan Nasional khususnya di negeri Selangor tidak diulang semula. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Terutama sekali Seri Setia ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di Seri Setia, yang mana yang menang pada hari tersebut, 8 Mac 2008 bukanlah Pakatan Rakyat tetapi rakyat seluruh negeri Selangor. Tepuk.

Tuan-tuan Yang Berhormat sekalian, pilihan raya umum ke 12 baru-baru ini menjadi bukti bahawa rakyat negeri Selangor sudah bersedia untuk menerima orang-orang muda untuk menjadi wakil dan suara kepada mereka. Kepercayaan ini saya rasa satu perkara yang cukup baik dan merupakan satu perkembangan yang menunjukkan rakyat di negeri Selangor sebenarnya semakin matang. Pada waktu pilihan raya umum baru-baru ini, lawan saya, menganggap saya sebagai cucu dan beliau sebagai nenek, dan ini pertarungan antara cucu dan nenek. Dan cucu ini tiada pengalaman dan sebagainya. Tetapi kita telah melihat bahawa rakyat di Seri Setia telah menolak sentimen tersebut sebaliknya bersedia untuk menilai kita di atas agenda yang kita bawa bukannya usia. Di dalam memajukan negeri Selangor ini kita perlukan gandingan tua dan muda, baru dan lama, pengalaman lama dan perspektif baru bagi memastikan negeri Selangor terus maju untuk semua.

Tuan Speaker saya ingin menyentuh tentang ucapan titah Tuanku, tentang projek-projek pembangunan dan saya ingin meminta agar pembangunan yang dilaksanakan di negeri Selangor di bawah kerajaan Pakatan Rakyat ini mengamalkan pendekatan efisien dan cepat untuk memberi projek untuk kebaikan rakyat. Saya berharap projek-projek bukanlah hanya dipercepatkan menjelang pilihan raya umum, tetapi secara berterusan untuk memastikan kepentingan dan nasib rakyat terbela. Saya ingin memberi contoh tentang satu projek di kawasan saya di Seri Setia, di Jalan Klang Lama, ada projek pelebaran jalan dan pembesaran parit di kawasan PJS 6, yang mana sudah 2 tahun, projek ini dilaksanakan dan belum lagi siap disebabkan masalah kontraktor yang pelbagai-bagai. Kesannya penduduk di kawasan tersebut, penduduk di Desa Mentari sebuah kawasan flat kos rendah terpaksa menggunakan stesen Petronas untuk keluar masuk di antara Jalan Klang Lama dan kawasan perumahan mereka kerana simpang jalan yang ada tersebut masih ada lagi yang tidak siap dibina dan tidak lama selepas pilihan raya umum baru-baru ini dua orang pekerja pilihan raya saya mengalami kemalangan. Seorang meninggal dunia seorang lagi pecah tengkoraknya dan kedua-dua mereka dalam usia 18, 19 tahun. Tetapi ini bukan satu perkara yang pelik di Desa Mentari di mana hampir tiap-tiap minggu ada sahaja yang menjadi mangsa kepada projek tersebut disebabkan keadaan jalan yang tidak selamat. Oleh itu saya amat berharap dengan kini tanggungjawab mentadbir negeri telah digalas oleh Pakatan Rakyat kita memandang serius dan mengharapkan jabatan kerajaan dapat memastikan projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan-Tuan Yang Berhormat sekalian. Saya juga menyambut baik ucapan titah Tuanku tentang dasar perumahan untuk semua. Dasar ini menandakan fokus bahawa kerajaan Pakatan Rakyat untuk memberikan kemudahan perumahan yang selesa untuk rakyat negeri Selangor. Berbeza dengan dasar dahulu, setinggan sifar yang mana fokusnya adalah untuk menghapuskan setinggan dengan apa jua cara sekali pun. Dan kita telah melihat dan ini menjadi bukti yang jelas bagaimana dasar setinggan sifar sebagaimana dasar pembangkang sifar telah gagal pada pilihan raya umum baru-baru ini. Tuan Speaker, walaupun kita melihat bahawa kawasan perumahan setinggan semakin berkurangan tapi kita juga harus menekankan bagaimana perumahan kos rendah yang kita sediakan untuk rakyat. Kalau kita lihat di kawasan saya sendiri boleh dikatakan 99 % memangnya telah tiada kawasan setinggan, tetapi flat-flat kos rendah Taman Desa Ria, Desa Mentari dan juga di sempadan dengan Taman Medan kita lihat keadaan rakyat yang terlalu ramai dan terlalu padat ujud tanpa adanya kemudahan rekreasi, kemudahan komuniti, kemudahan kerohanian yang selesa untuk mereka. Seolah-olah mereka dulu, tinggal di atas setinggan di atas tanah, kini tinggal di kotak-kotak konkrit dan akibatnya berbagai masalah sosial, masalah ketegangan kaum, jenayah dan sebagainya timbul. Dalam minggu ini sahaja di kawasan saya masalahnya mungkin dilihat sebagai satu masalah remeh temeh, tetapi kerana kerosakan satu padang futsal sehingga tiada padang futsal mencukupi untuk kanak-kanak di sana. Ia telah menjadi satu isu kaum disebabkan kita telah dilahirkan dalam satu budaya politik pecah dan perintah di mana kanak-kanak Melayu dengan kanak-kanak Melayu, kanak-kanak India dengan kanak-kanak India, apabila mereka berebut masalah remeh ini boleh menular kepada masalah perkauman apabila terlibatnya kaum keluarga, sahabat handai dan lain-lain lagi. Jika Majlis Perbandaran Subang Jaya boleh membelanjakan RM30 juta untuk pusat kreatif kanak-kanak atau 3C yang menjadi gajah putih saya tidak, saya rasa kita Kerajaan Pakatan Rakyat seharusnya mencari

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia, Ya, Batu Caves, ada apa.

**YB. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Minta penjelasan, minta laluan

**TUAN SPEAKER :** Minta laluan, ya, ya. Silakan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Tuan Speaker. Seri Setia saya ingin minta penjelasan. Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat setuju bahawa kejadian sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tadi akibat pembangunan yang tidak setara dan hanya berkelompok kepada satu-satu kawasan. Sebagaimana yang kita maklumkan terdapat usaha untuk membina padang-padang futsal sebanyak empat puluh atau lebih yang berada di Sabak Bernam dan ia telah menghasilkan padang-padang futsal yang tidak digunakan dan akhirnya berlakunya pengurangan pula padang-padang futsal yang berlaku sebagaimana yang berlaku di Seri Setia. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Batu Caves. Saya bersetuju bahawa sememangnya telah ada satu rancangan menyeluruh untuk pembangunan di negeri Selangor yang mana kawasan saya, saya rasa kita boleh bina berpuluh padang futsal pun masih belum cukup kerana kepadatan penduduk yang cukup tinggi. Sebab itu sebagaimana yang saya katakan tadi jika Majlis Perbandaran Subang Jaya boleh membelanjakan RM30 juta untuk pusat kreatif kanak-kanak di tepi *Sunway Pyramid* yang kita kelihatan sampai sekarang belum digunakan sepenuhnya. Kita perlu mencari jalan di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat yang baru untuk melahirkan

kompleks komuniti yang benar-benar lengkap di setiap kawasan kepadatan tinggi. Saya rasa Taman Medan pun akan menyambut baik projek sebegini kerana kami mempunyai flat kos rendah yang begitu banyak, kita boleh sediakan perpustakaan, tempat riadah, pusat rekreasi dan pelbagai lagi yang lengkap dan selesa untuk penduduk-penduduk di kawasan flat ini. Ini saya rasa boleh disertakan di dalam dasar perumahan untuk semua di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat yang baru. Dengan demikian, Tuan Speaker itu sahaja pandangan saya yang menyambut baik dan menjunjung kasih terhadap ucapan titah Tuanku DYMM Sultan Selangor semalam.

**TUAN SPEAKER :** Sebelah kiri tak ada ke. Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** *Bismillahir rahmanni rahim. Assalamualaikum w.b. dan salam sejahtera.* Kuang mengambil bahagian untuk ucapan terima kasih dan menjunjung kasih ke atas titah Ke bawah DYMM pada kelmarin. Sesungguhnya saya merupakan ahli yang baru di dalam dewan ini. Barangkali saya tidak dapat menyusun kata-kata yang baik sepanjang saya membahaskan usul ini. Saya lihat sepanjang perbahasan usul terima kasih ini, Wakil-wakil rakyat daripada empat kerajaan nampaknya banyak mengkritik kerajaan yang terdahulu. Barangkali dalam tempoh lima puluh tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah dan membawa pembangunan ke negeri Selangor ini adalah buta mata dan buta hati kepada wakil rakyat Pakatan Rakyat yang tidak dapat melihat apa yang telah dinikmati selama ini. Tuan Speaker, saya akan meringkaskan ucapan saya barangkali ramai lagi Wakil Rakyat yang akan memberikan ucapan dan pembahasan ini. Satu perkara yang saya lihat yang diluluskan oleh kerajaan Pakatan Rakyat yang baru ini untuk memberikan seribu ringgit, insentif kepada pelajar-pelajar daripada di negeri Selangor yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke universiti. Dan ini dalam pilihan raya yang lalu tidak ada, tidak ada dikatakan bahawa mereka yang hanya dalam keluarga mereka yang berpendapatan seribu lima ratus ringgit, tapi hari ini telah disyaratkan pula kepada seribu lima ratus ringgit. Dalam isu ini Kuang berpendapat bahawa kemiskinan perlu penilaian semula. Seribu lima ratus ringgit sebulan bagi penduduk di Kuang barangkali ia bolehlah dianggap miskin dan sederhana. Bagaimana pula bagi penduduk-penduduk bandar di Batu Tiga contohnya. Apakah dengan seribu lima ratus ringgit ini miskin. Saya kira pendapatan dua ribu lima ratus sebulan pun boleh dianggap miskin, apatah lagi dengan ansuran rumah, ansuran kereta, petrol dan belanja harian. Saya tidak memberi laluan kerana saya nak habiskan saya punya hujah. Saya menyarankan agar pihak kerajaan dapat memberikan insentif ini tanpa syarat seperti yang telah tercatat di dalam manifesto kerajaan dalam janji pilihan raya yang lalu.

Tuan Speaker. Dalam titah DYMM Sultan juga memperingatkan agar golongan warga emas, ibu tunggal, pekerja wanita, pekerja ladang, wanita Orang Asli termasuklah anak yatim, orang kurang upaya haruslah diberikan pembelaan. Manifesto kerajaan negeri yang menyebut tentang pembelaan sebahagian besar golongan ini wajiblah dilaksanakan dengan secepat mungkin dan untuk menyegerakan pelan pelaksanaan ini saya menyarankan setiap ADUN bermula daripada Kuala Kubu sehinggalah ke Sungai Pinang wajib mengenal pasti dan membantu Batu Tiga untuk melaksanakan tugasnya.

Tuan Speaker, mengenai isu kebijakan kerajaan terdahulu ada melaksanakan skim perumahan untuk pasangan baru. Tetapi kerajaan sekarang nampaknya membatalkan skim tersebut tanpa alasan. Ini mendatangkan keresahan di kalangan pasangan yang baru berkahwin untuk hidup yang benar-benar mengharapkan mendapat rumah sendiri. Oleh itu saya di sini ingin bertanya kepada kerajaan apakah kesan buruk dan apakah

kerugian sekiranya skim perumahan ini diteruskan. Sedangkan Duli Yang Maha Mulia Sultan bertitah dan menzahirkan harapan baginda supaya rakyat baginda mempunyai rumah kediaman sendiri terutama golongan berpendapatan rendah dan pasangan muda yang baru berkahwin.

Tuan Speaker, Kuang juga ingin bertanya kepada kerajaan, saya lihat kerajaan dengan manifestonya semasa pilihan raya seolah-olah ingin memberikan mahligai yang indah di negeri Selangor ini. Semua janji nak diberi berupa wang ringgit dan insentif. Saya kluatir kerajaan Barisan Nasional yang telah pun berbelanja dengan berjimat cermat dengan menyediakan kewangan yang banyak ditinggalkan kepada parti PR ini akan habis dibelanjakan. Berhati-hatilah kerana Duli Yang Maha Mulia juga telah menitahkan agar kerajaan negeri terus berjimat cermat mengawal perbelanjaan semoga wang yang banyak ditinggalkan, wang tunai yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya kira gunung yang tinggi kalau ditarah pun akan jadi rata. Tuan-tuan, Tuan Speaker yang saya hormati sekalian, saya juga ingin menyentuh tentang pertanian moden yang mana kerajaan terdahulu telah pun melaksanakan dan kerajaan hari ini saya berharap akan meneruskan pertanian moden ini. Untuk sektor pertanian, saya mencadangkan pembangunan pertanian hendaklah dijalankan secara menyeluruh. Kerajaan negeri hendaklah memperuntukkan kewangan dan sebagainya bagi menggalakkan sektor pertanian bermula dengan tanaman dan ternakan untuk isi rumah, iaitu bermula di rumah sehingga untuk tujuan pasaran dalam dan luar negara. Bagi bidang pertanian dan penternakan juga, janganlah ditumpukan kepada satu jenis ternakan sahaja seperti di Tanjung Sepat, ianya juga seharus diluaskan kepada ternakan-ternakan lain seperti lembu, kambing, udang dan sebagainya dan memberikan peluang kepada bangsa lain untuk menyertai pertanian ini. Peruntukan kewangan haruslah juga disediakan. Juga tanah bagi golongan-golongan yang berpendapatan rendah juga yang berada di kampung-kampung seperti di Kuang untuk menikmati pertanian yang dicadangkan oleh kerajaan negeri yang ada pada hari ini.

Tuan Speaker, saya nampaknya ingin menambah sedikit lagi. Saya lihat segala hujah yang diberikan seolah-olah kerajaan negeri yang selama ini zalim, saya lihat daripada segi pendidikan kita berjaya, dari segi menurunkan rakyat miskin, kita juga berjaya. Saya tidak nampak ada di kalangan pekerja-pekerja di negeri Selangor ini yang bekerja tidak di bayar gaji. Kalau itu bolehlah dianggap zalim. Ataupun saya tak nampak dan tidak pernah melihat ramai rakyat negeri Selangor ini tidak makan. Itu bolehlah dianggap zalim. Saya kira dengan janji yang dibuat oleh Pakatan Rakyat yang begitu banyak, yang begitu hebat seolah-olah seratus hari selepas ini akan turunlah *lailatul qadar* ataupun *Santa clause*, kita nak tunggu seluruh rakyat negeri Selangor di luar sana pun nak tunggu. Kita akan lihat jagalah negeri baik-baik, pembangkang tidak akan membiarkan Pakatan Rakyat membuat sesuka hati di negeri Selangor ini. PKR jangan jadi disebut orang esok penipu rakyat. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Damansara Utama.

**Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN :** Tuan Speaker, Damansara Utama ucapan terima kasih diberi peluang untuk membahas titah ucapan Tuanku. Berikut titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada semua bahagian pentadbiran termasuk parti berkuasa dan juga parti pembangkang supaya selamat menjalankan amanah dan kepercayaan rakyat. Marilah kita semua berganding bahu kepada tugas suci tersebut. Oleh kerana peranan pembangkang pun penting patutlah saya mula-mula

cuba selamatkan Sungai Panjang. Menurut apa yang disuarakan Sungai Panjang adalah terperangkap dalam zon alam tak fahaman. Yang banyak sebutannya ialah setengah-setengah statistik yang di mukanya memberi pada dia keselesaan sehingga dia mengalami kehairanan sehingga ke tahap keadaan tak fahaman. Kenapa rakyat tak puas hati, Sungai Panjang mungkin lupalah kegunaan statistik adalah ada pembatasan tentang faedah (*Imitation in its usefulness*), iaitu statistik yang kaku yang ada hadnya menggambarkan keadaan yang sejati yang dialami oleh rakyat pengundi mestilah turun padang di Ijok, di Kuang, di Meru, di Sri Muda supaya menikmati keadaan yang sejelas. Dulu zaman purbakala, zaman feudal, rakyat puas hatilah dengan statistik kaku dan kemudahan asas. Tetapi sekarang adalah zaman kini, pengetahuan-pengetahuan ada, Internet ada, banyak boleh dibezaikan, pengharapan ekspektasi rakyat sudah berubah, rakyat berhasrat ketelusan dan akauntabiliti yang disifatkanlah ialah ciri-ciri rohanian masyarakat madani, *civil society* yang telah meresap segala lapisan rakyat baik pun kaya ataupun papa, Melayu, Cina atau India. Merekalah yang tidak puas hati dan membuat perubahan politik. Haraplah Sungai Panjang dapat melintasi Zon tak fahaman jikalau tidak, lama tidak faham mungkin jadi bingung. Bingung terlalu lama tak baik untuk kesihatan.

Marilah kita ketepikan politik-politik keterlaluan di sebaliknya bertampil dengan sikap *mindset* kedewasaan dan kematangan menghadapi cabaran ekonomi global yang kian di depan kita. Semasa Ahli-ahli bergelar Pakatan Rakyat mlaraskan diri dengan tugas-tugas baru maka rakyat Selangor pun berharap pihak pembangkang mampu mengimbang peranannya juga dengan pendekatan positif dan bekerjasama. Tentulah Tuanku dan rakyat Selangor berharap kedua-dua belah jangan terperangkap dengan persaingan selalu atau berkecimpung dengan isu sensasi yang tak berguna. Lagi pun menjaskan kemakmuran dan ekonomi, lagi pun memburukkan nama baik pemain-pemain politik dewan yang mulia ini. Sukarlah diperbaiki lagi reputasi semua ahli-ahli politik sama ada yang berkuasa atau yang pembangkang jikalau harapan rakyat berkali-kali dikecewakan sampai ke tahap kaca terhempas ke batu. Sebagaimana yang disentuh oleh titah Tuanku tahun 2008 merupakan tahun yang paling mencabar apatah dengan ekonomi global yang seakan-akan tidak tentu menentu di Amerika Syarikat, Eropah, Timur Tengah termasuk lagi keadaan harga minyak yang melambung, krisis makanan sedunia dan di tempatan juga.

Tuan Speaker, bukanlah mudah mengujudkan peluang pekerjaan sebanyak dua puluh ribu orang setahun. Tetapi kerajaan Pakatan Rakyat bekerjasama dengan Perkhidmatan Awam, kakitangan kerajaan akan bertungkus lumus memperkuatkkan pertumbuhan ekonomi negeri supaya dapat menunaikan hasrat Tuanku. Kami juga yakin jikalau sumbangan positif dan proaktif daripada Sungai Panjang dan rakan-rakannya segala maklumat akan dicapai bahkan melebihinya. Akibatnya senyuman di muka semua akan lebar, lebih panjang selebar selaras dengan ukuran di Sungai Panjang. Kemakmuran dan keamanan yang berikutnya tentulah melanjutkan usia Tuanku, panjang lagi juga. Kerjasama sekalian diharapkan.

Tuan Speaker, apa dan apakah khabar dari Damansara Utama ada yang baik dan ada yang tidak baik. Misalnya ada pembangunan yang baik, ada yang tak terancang, ada yang ada penduduk se kawasan pun tidak diberitahu sehingga tempoh yang lewat permit telah diluluskan, tapi permit telah diluluskan. Penduduk pun tak faham di mananya *Local Agenda 21* seolah-olah diperdulikan. Sudah jadi bingung mereka akibatnya semua ini akibat dulu. ADUN kena melancarkan misi penyelamat, mengadakan sidang tiga segi dengan pengusaha dan penduduk menyapu masalah-

masalah di sepanjang aduannya. Pakatan Rakyat dalam menguruskan sekarang ini patutlah memastikan segala projek pembangunan baru mestilah patuh. Segala aturan-aturan termasuk *Local Agenda 21*, bukan kita tak mahu pembangunan langsung. Nanti Damansara Utama memutar menjadi Kampung persaraan. Yang disambut ialah pembangunan terancang. Pembangunan yang terancang bersama-sama dengan kegiatan ekonomi di bidang lain tentulah akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi menunaikan hasrat Tuanku supaya kemakmuran dan keamanan dikekalkan sepanjang umur Tuanku. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Tuan Speaker, terima kasih Sungai Pelek mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Hampir lima puluh satu tahun negara kita merdeka. Keadaan sekarang kalau nak banding dengan dulu baik dari segi pembangunan fizikal atau dari segi pembangunan moden boleh kita nampak dengan mata agak berbeza. Sungai Pelek datang daripada salah satu kampung satu kampung baru yang lebih kurang dua ratus biji rumah. Tiga empat puluh tahun dahulu Sungai Pelek masih ingat dalam dua ratus biji rumah itu hanya terdapat lebih-lebih pun sepuluh biji kereta yang ada di kampung itu. Begini juga Sungai Pelek selalu pergi ke tempat atau rumah kampung lain kerana ingin sangat nak menonton televisyen. Bagi Sungai Pelek ini menjadi satu kenangan kerana selepas lima puluh satu tahun kita merdeka Sungai Pelek atau salah satu kampung di daerah Sepang ini memang sehingga sekaranglah apabila menjelang Tahun Baru Cina boleh saya nampak kereta yang balik daripada Bandar atau bagi orang atau anak yang bekerja dari luar semasa Tahun Baru Cina memang sesak jalan. Satu biji rumah itu sekurang-kurang ada yang satu, ada yang dua, ada yang tiga ada yang empat dan ada pula yang lima. Begitu juga kepada televisyen di setiap rumah sekurang-kurang pun ada satu biji atau dua biji di dalam setiap rumah di kampung Sungai Pelek ini. Saya mengatakan demikian, cuma memperingatkan kepada semua Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, lima puluh satu tahun merdeka, kerajaan Barisan Nasional sejak kapal layar dahulu sehingga sekarang memerintah baik kerajaan persekutuan baik kerajaan negeri Selangor. Dewan yang mulia yang kita adakan mesyuarat pada hari ini juga merupakan salah satu ciptaan di bawah pemerintah Barisan Nasional. Bagi saya kita nampak perubahan, kita nampak tetapi kita angkuh, kita tidak terima. Sebagai seorang insan yang biasa kadang-kadang buat silap, kadang-kadang buat betul. Bila silap tu, boleh dipertikaikan, apabila betul silalah puji. Macam apa saya puji dua puluh meter kiub padu tu, yang akan bagi kepada rakyat negeri Selangor. Benda yang baik saya puji. Benda yang tak elok saya pertikaikan. So, keadaan sekarang kita duduk ini, bermesyuarat mengeluarkan pandangan, fikiran adalah untuk masa depan rakyat di negeri Selangor. Mungkin bagi saya seorang yang baru di sini terdapatnya apa-apa yang dahulu di dalam dewan ini kerana Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional ini dan saya dengar banyak perli, sindiran yang dikeluarkan oleh kerajaan hari ini. Bagi saya sindiran perkataan perli dikeluarkan itu rasa sayalah boleh tapi bagi saya tidak munasabah. Dunia tidak akan terjadi semuanya kalau sekiranya tak ada satu parti yang memerintah negara ini dengan cara yang baik. Keadaan wujudnya suasana ekonomi negara kita yang bagus yang baik, suasana pendapatan orang kampung Sungai Pelek ini yang lebih sedikit jika banding dengan tiga puluh, empat puluh tahun yang dulu bergantung kepada salah satu sebab yang paling penting adalah kestabilan politik negara. Ini tidak dapat kita nafikan. Dalam lima puluh satu tahun dalam pemerintahan kerajaan Barisan Nasional sejak.....

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat panjang lagi ke, ada panjang lagi ...ada lagi

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Ada lagi.

**TUAN SPEAKER** : Sambung petang.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Baik, Ok.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah 12.00 tengahari dengan itu saya menangguhkan dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )

**Dewan disambung semula**

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER :** Dewan disambung semula. Perbahasan usul, dipersilakan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Tuan Speaker. Y.B. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat . Saya ingin mengatakan di sini segala usaha rakyat di negara kita ataupun di negeri Selangor patut kita ucapkan tahniah dan syabas kerana tahap ekonomi masing-masing lebih bagus jika dibanding dengan dahulu. Bagi saya 51 tahun Barisan Nasional memerintah di negara kita dan negeri kita perlu juga dipuji kerana kestabilan politik ini bukan jatuh dari langit. Ia merupakan salah satu usaha daripada Barisan Nasional. Jadi kestabilan politik ini patutlah kita mengamalkan bahawa dengan kestabilan politik ini barulah ekonomi negara kita dapat mencapai masa depan negara kita, negeri Selangor ini akan jadi lebih maju pada masa yang akan datang. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, ada pilihan ...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan....

**TUAN SPEAKER :** Ha, ya.. Sungai Pelek , Kampung Tunku minta laluan.... Bagi tak.??

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Minta maaf, saya nak teruskan saya punya , apa tu..

**TUAN SPEAKER :** Sila duduk.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Pada pilihan raya umum yang ke-12, yang baru lepas beberapa negeri sudah diperintah oleh Pakatan Rakyat. Ini merupakan satu pilihan rakyat jelata negara kita. Salah satu negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat iaitu negeri Selangor. Rasa saya kita semua kena, atau patut hormat keputusan yang dibuat oleh rakyat jelata kita bahwasanya 5 negeri yang mereka pilih ini yang di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat dan begitu juga kepada rakyat yang memilih kerajaan Barisan Nasional sebagai Kerajaan Persekutuan. Jadi keputusan yang dibuat oleh rakyat jelata kita patut hormat dan terima. Kerajaan negeri Selangor dipilih oleh rakyat, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan dipilih oleh rakyat. Jika kerajaan negeri Selangor nak berkhidmat kepada orang kampung, atau kampung tradisional, maka bagi saya Kerajaan Pusat juga tidak ketinggalan, ingin juga berkhidmat kepada orang kampung beginilah keadaannya menubuhkan JKJK di setiap kampung, bagi saya Sungai Pelek rasa saya tidak salah. Ini memberikan lebih banyak peluang atau ini memberikan lebih banyak peluang kepada orang tempatan atau orang kampung atau mana-mana pun supaya mereka boleh pilih siapnya mereka ingin dapatkan perkhidmatan. Jadi ha...

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Minta laluan.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Sorry ya, minta maaf, saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Jannice, you duduk.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Jadi dengan ini, ha.. dalam surat khabar hari ini juga, kerana mesyuarat kita semalam, tertera dalam surat khabar kita baca. Jangan kita rasa, iri hati atau jangan kita berasa tidak puas hati kerana Kerajaan Pusat yang merupakan salah satu tanggungjawabnya kerana mereka dipilih oleh rakyat. Begitu juga dengan negeri Selangor . Keputusan pilihan raya 12 sudah kita tahu, jika kita boleh patuhi dan hormati semua ini, rasa saya di negeri Selangor sehingga sekarang, tidak pernah pun Barisan Nasional mengeluarkan pada sekian tarikh, sekian masa ada wakil rakyat yang akan menyertai Barisan Nasional. Tetapi sehingga hari ini dalam surat khabar atau pun televisyen boleh kita nampak , boleh kita tengok, dan baca pada sekian-sekian hari, pada sekian-sekian tarikh 30 orang ahli parlimen akan menyertai parti Pakatan Rakyat. Dan ini akan menjadikan parti Pakatan Rakyat boleh menuju Kerajaan Persekutuan. Bagi saya ini bukan merupakan satu , ini bukan merupakan satu cara yang baik dan bagus. Empat tahun atau lima tahun bukan masa yang panjang..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, minta laluan..

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Sorry, saya nak teruskan..

**TUAN SPEAKER** : Ya...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Bagi lah Sekinchan cakap sikit.

**TUAN SPEAKER** : Haa...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sikitlah, sikit pun jadilah...

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tunggu saya habis dulu, baru you cerita. Ok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sikitlah..

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Sorry, saya nak putuskan...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Masa, saya fikir Tuan Speaker..

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Saya nak teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya rayu Tuan Speaker, bagi masa yang se..sebanyak-banyaknya pada Sungai Pelek, jadi saya....boleh minta laluan sikit.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, saya nak teruskan jugak ucapan saya Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak boleh juga.

**TUAN SPEAKER** : Tenang, tenang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tenang...tenang, bagi laluan.

**TUAN SPEAKER** : Tenang, tenang dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Belajar sikit dengan Y.B. Sg. Panjang. Dia bagi laluan. Belajar sikit...

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Orang lain, peranannya lain.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak nak juga. Tak apalah kita sopanlah.

**TUAN SPEAKER** : Haa...

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Jadi bagi saya, perbuatan seperti ini akan menjelaskan kestabilan politik negara kita. Jelas kita dengar apa yang... dalam ucapan, titah ucapan DYMM mengatakan negeri Selangor harus maju, harus mencari lebih banyak pelabur asing, datang ke negeri Selangor supaya mengujudkan lebih banyak peluang bekerja supaya meningkatkan ekonomi rakyat di negeri Selangor. Bagi Malaysia rasa saya begitu juga, jadi saya harap 3-4 tahun, singkat saja. Buat masa itu , marilah kita tanding lagi, sapa yang menang, dengan taktik ini bagi saya atau rakyat negeri Selangor lebih elok dan lebih munasabah. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan, kerajaan negeri Selangor prihatin ke atas rakyat negeri Selangor. Begini juga, bagi Wakil Rakyat ha.. pembangkang sekarang ini, juga prihatin masalah rakyat. Pagi tadi disebut tentang rumah, apa ni... setinggan...jadi saya tidak tahu...kerana pada 1hb. Jun , air akan dibagi percuma oleh kerajaan negeri . Apa yang disebutkan oleh Y.B. tadi, mengatakan setinggan, mereka yang duduk di setinggan tidak mampu untuk membayar ansuran kepada , kepada ha.... Bank, jadi rasa saya lah dan saya ingin mencadangkan, kalau bolehlah kita prihatin juga kepada penduduk yang duduk di setinggan. Bagi lah rumah murah dengan percuma. Tuan-tuan,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker... minta laluan. Kampung Tuanku minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ya...Sungai Pelek, boleh bagi laluan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, saya mohon maaf, saya nak teruskan saya punya ucapan . lepas saya habis, dia boleh sambung apa yang dia nak cakap. (Riu)

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, nampaknya Sg. Pelek dah tutup laluan lah. Dah tutup, jadi dia bekukan laluan, jadi kita jangan kacaulah.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tak ada laluan langsung.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Pelek, Sg. Pelek, saya boleh bagi masa *injury* kalau laluan dibagikan. Tak ada masalah bagi saya. Boleh bagi laluan...

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Bagi orang yang agak berpengalaman, di dalam politik ini, ha...rasa saya bolehlah..

**TUAN SPEAKER** : Boleh ke tidak...Tuan Speaker tanya boleh ke tidak. *You* jawab saja.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tidak.

**TUAN SPEAKER** : Oh..tidak, baik.. Aii.. (Ketawa)

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Jadi, dalam titah ucapan DYMM Sultan Selangor ada menyentuh bahawa kerajaan kita hari ini patut mencari lebih banyak pelabur asing, jadi marilah kita sama-sama berganding bahu supaya kita boleh, kita boleh mendapatkan atau mencari jalan untuk mengusahakan ekonomi di negeri Selangor dengan lebih maju di masa yang akan datang. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker, kepada Yang Berhormat, yang minta laluan dan saya tak bagi. (ketawa ramai)...ha .. memang, memang, saya merupakan seorang baru di sini. Apabila dikacau itu, ilham dalam otak ini memang hilanglah... (ketawa ramai)... saya akui. Boleh juga senyum dekat di sana, tak ada hal. Manusia ini belajar dari kesilapan..tak ada hal, (suasana riuh) Jadi dengan ini, saya tamat apa yang saya sebut tu dan sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jangan menganggap, yang meminta laluan tu, gangguan ya. Baik. Ha, Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : *Bismillahi rahmanni rahim Assalamualaikum w.b.r* dan selamat sejahtera. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi saya laluan untuk bersama-sama memberi ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor. Terlebih dahulu saya mengucapkan ucapan terima kasih di atas ucapan tahniah daripada DYMM Sultan Selangor kepada barisan pentadbiran baru yakni Pakatan Rakyat yang telah memenangi pilihan raya baru-baru ini. Tahniah juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memenangi di dalam pilihan raya kali ini. Terutamanya Y.B. dari Pakatan Rakyat yang memerintah negeri Selangor walaupun kita terpaksa menempuh beberapa cabaran yang saya rasa agak getir di dalam pilihannya ke-12. Saya rasa kita semua masih belum lupa lagi di atas beberapa isu semasa kita menghadapi pilihan raya yang ke-12 termasuklah pembohongan pembubaran parlimen dan kerajaan oleh Perdana Menteri yang alhamdulillah pada kali ini masih lagi dipilih sebagai Perdana Menteri Malaysia. Dan isu mematikan setem hasil yang masih lagi menjadi igauan kita, yang mana pada akhirnya, rupanya, isu..ha..isu ini ditarik balik. Begitu juga dengan isu calit pada kuku, yang mengakibatkan pembaziran wang beli dakwat, wang rakyat yang berjuta-juta ringgit. Begitu juga dengan isu pos, yang pada pendapat saya, ketelusan proses undian pos dipersoalkan lagi kerana saya sendiri telah menghadiri tempat-tempat undian pos ini dan rasanya ia sangat mengecewakan walaupun bagi saya yang berada di Sijangkang Kuala Langat, di Morib sendiri kita ada undi pos lebih kurang 800 lebih undi pos dan kekalahan kita di Morib hanya setakat 800, eh! 200 lebih sahaja tapi kita masih mengiktiraf Wakil Rakyat di DUN Morib sebagai Wakil Rakyat dan bukannya Wakil Pos ataupun Wakil dari Jabatan Pos. Jadi...harapan

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Tuan Speaker, laluan....

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sijangkang, Morib minta laluan..bagi?

**Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Minta maaf, saya baru mula

**TUAN SPEAKER** : sebab Sg. Pelek tadi kata dia orang baru, dia pun orang baru.. (Ketawa)

**Y.B. DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Harapan saya kepada Pakatan Rakyat, kita ibarat di dalam sebuah kapal, jangan ada anak kapal yang membuat tindakan yang salah. Kalau ada anak kapal yang berada di kapal perlukan air, yang kita tahu di Selangor, Insya-Allah, 20 liter pertama akan diberi secara percuma, jangan ada anak kapal yang cuba menebuksingkapal kita untuk mendapatkan air. Biarlah, kalau kita lakukan kapal kita akan karam. Biarlah kapal orang lain karam seketika, ini selalu kita dengar duri-duri dalam daging yang telah dicabut dan banyak lagi duri-duri yang masih belum dicabut ibarat penyentul kapal kalau sudah dicabut air akan masuk kapal akan karam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang penting sekarang adalah untuk kita terus bergerak ke hadapan dan menjadikan pentadbiran atau kerajaan lalu sebagai satu bentuk muhasabah selepas ditolak oleh rakyat. Matlamat untuk pembangunan insan dan pembangunan fizikal negeri perlulah diberi perhatian lebih dan apa yang saya rasa cukup mengecewakan. Ada di antara kita yang memikirkan bahawa pembangunan itu hanya sekadar pembangunan, ada kereta, ada TV, ada beberapa bentuk kemudahan, itu sahajalah pembangunan yang ada di negara kita. Yang mana sebenar rakyat lebih faham sebab apa mereka tolak Barisan Nasional di dalam Pilihan raya yang lepas, kerana mereka dahagakan pembangunan insan yang demokrasi, yang adil kepada mereka. Saya tidak menafikan bahawa tawaran Pilihan raya yang Ke-12 perlu ditunaikan, tetapi, itu adalah satu bentuk bonus kepada rakyat dan saya tidak yakin bahawa rakyat mengundi Pakatan Rakyat semata-mata kerana tawaran Barisan Alternatif terutamanya di DUN Sijangkang. Yang saya tahu, di DUN Sijangkang, antara kawasan Melayu yang saya menang adalah disebabkan konflik di dalam UMNO itu sendiri. Dan di kawasan India yang saya mendapat kemenangan pada kali ini yang tidak pernah berlaku sebelum ini adalah sebenarnya disebabkan oleh kesedaran orang-orang India terutamanya di Pulau Carey. Kalau nak katakan disebabkan oleh tawaran-tawaran yang kita berikan, di Pulau Carey kebanyakannya India-India tak tau baca pun Bahasa Malaysia bukan saya tak menafikan pendidikan mereka, tapi itulah yang berlaku. Jadi sekiranya Sg Panjang benar-benar ikhlas mahu membantu Pakatan Rakyat untuk melaksanakan tawaran-tawaran, beliau seharusnya tukar kapal. Saya tidak yakin bantuan yang akan diberikan oleh UMNO atau Barisan Nasional itu adalah benar-benar ikhlas. Belum pun cukup sebulan pemerintahan Pakatan Rakyat, Sg Panjang telah datang ke Kuala Langat dan saya difahamkan antara yang beliau arahkan supaya menggalakkan rakyat membuat tuntutan tawaran-tawaran PRU yang ke-12, sehingga timbulnya borang-borang tuntutan palsu. Dan ini sangat menyediakan dan apa yang lebih menyediakan lagi diarahkan pula warga emas mendapatkan rawatan percuma di Poliklinik Sijangkang, kebetulan itu adalah klinik saya. Kalau sebagai pemerintah yang telah memerintah negeri Selangor begitu lama, kenapa? adakah beliau tidak faham tawaran kita sebagai kerajaan, sepatutnya pihak kerajaan yang akan memberikan rawatan percuma dan bukan klinik-klinik swasta. Tapi insya-Allah, sekiranya ada warga-warga emas yang datang, Allah Subhanahuwataala saja yang tahu apa yang berlaku di klinik saya. Tuntutan akan dilaksanakan tapi sabarlah, ibarat orang bernikah.. Kalau nak muntah-muntah pun lebih kurang 120 hari, kalau nak ada anak pun lebih kurang 9 bulan (ketawa). Ini kita belum lagi mencapai 100 hari. Insya-Allah, dengan kerajaan yang ada, saya yakin, bahawa tuntutan-tuntutan atau tawaran-tawaran ini akan dapat diberikan dalam apa juar caranya.

Jadi, maaf Tuan Speaker, kita seharusnya memandang berat harapan-harapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana di dalam titah ucapannya beberapa perkara yang saya

lihat berulang-ulang mengatakan yang “Beta mahu, Beta mahu..” antaranya adalah harapan produk pelancongan termasuklah program *Homestay* yang menjadi tumpuan pelancong asing. Di Kuala Langat kita ada lebih kurang 5 kampung yang terlibat, kita khawatir bau busuk akibat lokasi pembuangan sampah di Sungai Sedu dan pencemaran ladang ternak babi secara tradisional di Ladang Tumbuk akan menjadi batu penghalang kepada pendatang-pendatang ataupun pelancong kita. Ibarat orang lain yang buang air besar selama 50 tahun kita yang terpaksa cuci. Malah ada segelintir pemimpin yang cuba menghalang usaha untuk mengurangkan pencemaran penternakan babi secara moden walaupun pada satu ketika dulu mereka pernah menerima untuk projek-projek seperti ini. Tempat pembuangan sampah di Sungai Sedu masih lagi boleh menampung sehingga Disember tahun 2008 dan ini yang saya difahamkan oleh Pihak Berkusa Tempatan tetapi..

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM :** Tuan Speaker..laluan

**TUAN SPEAKER :** Ya, Morib, minta laluan ya, Sijangkang benarkan ?

**Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Maaf, saya, teruskan dulu..

**TUAN SPEAKER :** Dia tak benarkan..

**Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tapi janganlah pula membuat demonstrasi yang kononnya kita berjanji selepas dua bulan kita akan berpindah ke kawasan tempat pembuangan sampah yang baru. Harapan yang kedua, oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya projek pembangunan yang dilaksanakan memberi manfaat kepada rakyat dan bukan untuk keuntungan sesetengah pihak. Perbelanjaan berhemah, perbelanjaan dibuat secara lebih efisien dan berkesan, Tuanku memandang serius perbelanjaan peruntukan ADUN tahun 2008 yang habis di belanja dalam masa 2 bulan pertama. Di Kuala Langat saya mendapatkan data ini daripada Pejabat Daerah yang terkini. Sijangkang RM600,000, peruntukan EXCO RM 341,665 telah dihabiskan dan ini berbeza daripada data yang YAB Menteri Besar sebutkan pagi tadi bahawa RM600,000 telah dihabiskan. Saya khawatir, sebenarnya data yang saya ada ini adalah tepat, saya khawatir duit bakinya dihabiskan selepas tempoh pilihan raya. Jadi saya mengharapkan ada satu tindakan yang sepatutnya dilakukan. Cukup malang bagi Telok Datok dan Morib RM5,000 ....RM500,000 diberi peruntukan dan RM500,000 juga yang dihabiskan. Dan saya ucapkan tahniah kepada Tanjung Sepat kerana peruntukan RM500,000 yang diberikan RM495,000 dihabiskan sekurang-kurangnya ada RM5,000 lagi untuk cuci kaki. (Ketawa) Harapan yang ketiga, Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuanku mengharapkan perkasaan sistem penyampaian dan tadbir urus yang baik, ‘*Good Governance*’, dengan izin, di samping mengekalkan langkah meningkatkan cukai dan memperkuatkan ekonomi negara, ini bertepatan dengan limpahan nikmat yang dikurniakan Allah SWT di negeri Selangor termasuklah hasil batuan atau pasir yang dikeluarkan. Di Kuala Langat, bahan batuan sebagai contoh tahun 2006 hingga 2008, jumlahnya dianggarkan pengeluarnya..pengeluarannya sebanyak 381,500 meter padu dan hasil ini daripada projek ini, kerajaan di Kuala Langat telah mendapat hasil sebanyak RM810, 900 sahaja dan kalau dikira semasa lawatan Menteri Besar ke Kuala Langat tempoh hari sepatutnya sekiranya dikira dengan harga RM150 setiap lori maka hasil yang akan dikutip oleh pemaju yang mengadakan projek ini sebanyak RM18 juta. Pun begitu, curi pasir masih lagi berlaku walaupun EXCO yang jaga pasir sebelum ini berada di Kuala Langat. Harapan Tuanku yang ke empat kerajaan yang prihatin ini akan terus berusaha memartabatkan golongan wanita dan agenda pembangunan. Langkah mengkaji

pemberian cuti bersalin 90 hari haruslah diberi pertimbangan yang sewajarnya. Walaupun kita tahu keputusan ini juga adalah bergantung kepada keputusan kerajaan pusat, saya mencadangkan cuti bersalin perlu diberi 2 minggu sebelum hari jangkaan bersalin bagi persediaan kepada ibu-ibu yang rasanya kalau sudah cukup bulan mereka terpaksa menanggung sakit begitu menyiksakan sekali. Ini mengambil kira bahawa kelahiran boleh berlaku dalam masa 2 minggu sebelum atau selepas hari daripada jangkaan bersalin. Perkara yang ke lima, kepelbagaiannya aktiviti perlu dirancang, dilaksanakan dengan menjadikan program mengimarahkan masjid terutamanya untuk menarik minat belia-belia ke masjid seperti mana yang kita dapat maklumat pagi tadi oleh Y.B. Gombak Setia bahawa antara masalah besar yang berlaku di masjid ialah lemahnya pengurusan kewangan, akaun tidak dikemas kini, urusan bank yang tidak dijalankan dengan sempurna, audit yang tidak dilakukan. Sekiranya ini benar-benar berlaku, apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil. Di manakah peranan MAIS ketika itu? Sekali air bah, sekali pantai berubah, sekali Tsunami meredah, yang tinggi seharusnya tunduk merendah. Saya dengar struktur organisasi di MAIS susah sangat nak berubah. Yang sudah tu biarlah sudah, jangan membuatkan hati cukup gundah. Saya minta Y.B. Gombak Setia memberi maklumat yang terkini, apa yang telah berlaku kepada sistem penstrukturkan organisasi MAIS. Jadi, semoga harapan Tuanku supaya kerajaan Pakatan Rakyat dapat memastikan prestasi ekonomi lebih dan terus stabil, kualiti hidup rakyat meningkat memberi perubahan kepada pembangunan melalui insan dan pendidikan cemerlang serta kesihatan yang baik dapat dilaksanakan dan keamanan serta kemakmuran dapat dikenalkan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Burong

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker, yang telah memberi peluang untuk Sg. Burong untuk turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-2 Pembukaan Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Ke-12. Tuan Speaker, negeri Selangor dalam tempoh pemerintahan Barisan Nasional telah berjaya memacu negeri Selangor menjadi sebuah negeri maju dan terus sejak pasca 2005 hingga sekarang tercapai kadar pertumbuhan melebihi 6%. Melebihi daripada kadar pertumbuhan nasional. Bukan saja itu, tetapi ia telah juga menjadi pemacu kepada pembangunan negara melalui sumbangan lebih 25% KDNK. Yang merupakan satu dasar untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Pada masa yang sama, kerajaan Barisan Nasional juga telah berjaya mengagihkan pertumbuhan ekonomi bagi mengatasi pembasmiaran kemiskinan sebagaimana rekod telah ditunjukkan oleh titah ucapan Duli Yang Amat Mulia mengurangkan pembasmiaran kemiskinan sehingga 1% dan kemiskinan tegar sehingga 0.05%. Ini satu pencapaian yang jarang-jarang bagi negara membangun di negara ini atau di negara mana pun di dunia ini dapat mencapainya bagi sekian lama. Kerana itu, saya yakin dan percaya apa juga yang telah dibuat dan dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional dari segi untuk meningkatkan taraf hidup dan kualiti rakyat serta membela kemiskinan dan mereka yang kurang kemampuan telah dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, hari ini oleh kerana di negeri Selangor ini Kerajaan telah bertukar, harapan yang begitu tinggi ini diharapkan oleh rakyat bahawa Pentadbiran yang baru di bawah Pakatan Rakyat ini walaupun pada awalnya merupakan Pakatan dua parti iaitu Parti Keadilan Rakyat dan juga Parti Pas yang terkandung dalam manifestonya.

Kemudian kerana membentuk kerajaan negeri Selangor berpakat menjadi..bersama dengan DAP bagi membentuk kerajaan. Kerana itu, kita tengok manifestonya hanya ada 2 sahaja, ya, hari ini saya tak pasti adakah manifesto itu akan menjadi satu dasar bagi Kerajaan Pakatan Rakyat yang baru, tetapi yang penting bagi DUN Sg. Burong, kita sangat berharap bahawa kerajaan yang baru ini dapat meneruskan usaha-usaha bagi meningkatkan lagi kecemerlangan dan kemajuan di negeri Selangor ini. Tuan Speaker, saya sangat berharap bahawa janji-janji dalam pilihan raya yang telah termaktub dalam manifesto berkenaan hendaklah dijadikan satu dasar yang perlu dilaksanakan kerana rakyat ternanti-nanti tentang apakah dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan baru ini bagi memastikan ianya dapat memberikan kebaikan kepada rakyat di negeri Selangor itu. Tuan-tuan dan ha..Tuan Speaker, banyak janji-janji dalam pilihan raya yang telah disebutkan, saya ingin perhatian kepada janji-janji yang dibuat oleh parti PAS khususnya dalam pilihan raya yang mahukan...

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Sg. Burong, macam mana, boleh sekali? Bangi minta laluan. Dia orang lama.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tarik perhatian bahawa soal manifesto ialah itu satu tawaran yang kita.. apa dia ni...cuba lakukan. Kalau kita banding pun kerajaan persekutuan ya, Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menawarkan berbagai-bagai janji. Daripada Rancangan Malaysia ke-9, membawa kepada Koridor Selatan, Koridor Utara, Koridor Timur, Sabah dan Sarawak, kita tengok tak ada satu lagi yang berjaya. Ya, daripada Rancangan Malaysia ke-9 hingga semua Koridor, mana dia satu rancangan yang nampak jelas, konkret, yang kita dapat lihat daripada janji-janji yang dibuat oleh Dato' Seri Abdullah Badawi..ha...ha...Jambatan Pulau Pinang terpaksa ditarik balik ha....laluan apa dia ni...ha...apa..ha....kereta...kereta apa...kabel tu apa...di Pulau Pinang tak jadi ya...ha...monorel...ha....di selatan apa...ha....jambatan bengkok tak jadi...ya...ha....di Pantai Timur pun tak nampak apa yang janji ha....Koridor Timur, Koridor Utara, Koridor Selatan, baru-baru... nak ada, dah berapa banyak, berapa banyak dah projek bertukar-tukar nak tanam modal.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, dia faham tak soalan itu, Tuan Speaker, maksud soalannya tu, saya faham soalannya itu

**Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Dia kena faham soalannya ertiya Perdana Menteri kita yang buat janji daripada awal naik sehingga sekarang tidak ada satu projek yang jelas macam Dr Mahathir buat, macam *Twin Tower* ke, Lapangan Terbang ke, Putrajaya ada juga nampak, ini, dia sejak dia naik sehingga sekarang satu pun tak ada projek yang jelas yang boleh nampak yang boleh dibanggakan oleh BN dan kita juga

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, ini minta penjelasan ya Tuan Speaker bukan kata jawapan ya, ok. Saya faham soalan itu, pada kerajaan Barisan Nasional itu tidak ada masalah sebab pada dasarnya manifestonya senang sahaja. Kita menjadikan keselamatan meneruskan pembelaan rakyat, terus melaksanakan dasar-dasar yang telah dilaksanakan. Ya, Dasar Ekonomi yang merupakan dasar untuk menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan telah dilaksanakan dan di negeri

Selangor ini melalui pencapaian pertumbuhan ekonomi yang begitu baik kita telah mengagihkan pendapatan daripada Pusat Zakat Selangor yang begitu baik

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** minta laluan

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan minta laluan

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** sebanyak RM100 juta telah dapat dilaksanakan, diagih-agihkan kepada golongan PPRT

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker minta laluan

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong, Speaker cakap ni, Speaker cakap ni,

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** pendapatan ....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Sungai Burong

**TUAN SPEAKER :** Belum, belum, belum lagi, nak bagi laluan,

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** nantilah saya cerita

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** belum lagi

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** belum sampai masanya, nantilah kalau dia nak tanya nanti saya beri peluang kepada dia.

**TUAN SPEAKER :** dia tak bagi..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ingat dah bagi tadi, dah syok nak cakap ni

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** saya bagi, saya bagi peluang Insya-Allah, cuma Tuan Speaker saya minta kenalah bagi *injuryr time* ye,

**TUAN SPEAKER :** itu sebab bila saya cakap duduk dulu, sila, sila

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok. Terima kasih Tuan Speaker. Harapan saya ialah, terutama saya nak mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat dan harapan saya DUN Sungai Burong supaya kita dapat membahaskan di dalam suasana berakhhlak mulia, berhemah bagi membincangkan dan membahaskan isu-isu dan perkara-perkara yang sangat penting dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin meneruskan Tuan Speaker, ucapan saya ingin sambung iaitu dalam usia untuk memastikan manifesto yang dilaksanakan ini khususnya saya ingin menarik perhatian kepada janji-janji yang dikemukakan terutamanya pemimpin-pemimpin PAS yang dalam pilihan raya lalu telah memberikan pelbagai janji termasuk untuk mencegah kemungkaran. Saya masih teringat lagi dalam kempen-kempen yang ditimbulkan oleh parti PAS yang memperjuangkan sebuah negara Islam dan mahu melaksanakan Undang-undang Hudud di negara ini. Dalam kempennya selalu mengkritik kerajaan Barisan Nasional kerana kita hanya menjalankan dasar amar makruf tetapi kita tidak melaksanakan nahi Munkar. Hari ini oleh kerana kepercayaan rakyat telah diberikan kepada Kerajaan PKR, saya ingin merayu kepada sahabat saya yang sekarang ini

menjadi EXCO dan mengucapkan tahniah juga supaya melaksanakan dasar-dasar nahi Munkar. Hari ini dikatakan bahawa kadar maksiat, kadar maksiat begitu tinggi, pelacuran begitu tinggi, rumah-rumah hiburan, karaoke dibuka di mana-mana dan kilang *Carlsberg* itu pun nak ditutup kilang *Guinness Stout* pun nak ditutup. Saya cuba nak minta supaya ada usaha-usaha daripada Kerajaan PKR yang bersama dengan barisan PAS ini menunjukkan apakah langkah-langkah dan dasar-dasar bagi memastikan apa juga yang diperkatakan itu apabila kita diberi amanah dan tanggungjawab kita dapat melaksanakan dengan ikhlas dan jujur, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada ucapan, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia. Yang pertama sekali tentang pembangunan alam sekitar, kerana kalau kita berusaha membangunkan perbandaran, membangunkan kemajuan infrastruktur tetapi kita tidak menghargai alam sekitar maka kita akan mempunyai impak dan kesan negatif. Kita boleh bernafas, tetapi kalau bernafas dalam kandungan yang bertoksik tuan-tuan umur kita akan jadi pendek. Jadi kerana itu saya ingin menyarankan kepada pimpinan kerajaan baru ini supaya memastikan pencemaran alam yang telah melanda daripada proses perbandaran terutama di Lembah Klang ini diatasi. Langkah-langkah penguasaan undang-undang alam sekitar ini terutamanya terhadap penerokaan hutan-hutan simpan di negeri Selangor ini yang perlu dikekalkan terutamanya di kawasan Sungai Burong yang melibatkan sawah padi di Sawah Sempadan hendaklah diatasi. Saya yakin dan percaya kalau dilihat bahawa kelemahan pimpinan Barisan Nasional yang lepas ialah kerana tidak memastikan penguatuasaan tidak dapat dilaksanakan. Hari ini saya mohon dan minta kepada pimpinan yang baru agar meningkatkan pelaksanaan, tangkaplah mereka sindiket-sindiket yang meneroka hutan-hutan simpan ini yang telah menjelaskan alam sekitar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker, Kampung Tunku minta laluan

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sungai Burong Kampung Tunku minta laluan.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok..

**TUAN SPEAKER :** Ya silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Sungai Burong, mengapa pula tiba-tiba pula isu penjagaan alam sekitar ini Sungai Burong bangkitkan sedangkan isu ini dulu, kalau dulu pernah berlaku sepatutnya dibagikan oleh ADUN daripada Sungai Burong juga tetapi mengapa dulu tak bangkit sekarang bangkit. Adakah ada sebab-sebab tertentu.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, saya sebagai DUN Sungai Burong, kita begitu prihatin tentang masalah alam sekitar dan kita telah membangkitkan isu ini banyak kali di dalam dan di luar Dewan ye. Saya mengambil berat tentang masalah-masalah terutama yang menjelaskan sistem pengairan sawah padi di Sawah Sempadan. Saya telah membangkit perkara ini di Dewan dan sehingga hari ini kita dapat satu sistem yang mengawal sistem pengairan di Sawah Sempadan ye, bagi membolehkan sistem pengairan itu tidak menjelaskan pengeluaran hasil dan pencemaran yang boleh menjelaskan sistem pengairan di Sawah Sempadan itu sendiri.

Tuan Speaker, selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan berhubung dengan perbelanjaan Wakil-wakil Rakyat dulu DUN Barisan

Nasional dan juga DUN Pembangkang yang telah dilaksanakan dengan begitu efisien dalam sebelum pilihan raya yang lepas. Sebenarnya peruntukan ini adalah peruntukan yang diperuntukkan kepada ADUN dan terpulanglah kepada ADUN untuk membelanjakannya. Mereka boleh membelanjakan di awal tahun, pertengahan tahun dan akhir tahun termasuklah ADUN Sekinchan juga dan hampaknya masing-masing efisien, teorinya senang sahaja. Oleh kerana pembangkang pada masa itu hanya sebenarnya dua orang tetapi seorang Tuan Speaker masa itu digantung ye, jadi tak dapatlah peruntukan yang dibelanjakan jadi DUN Sekinchan pun sama juga membelanjakan. Saya rasa kalau ramai pun, Wakil-wakil Rakyat yang ada pada hari ini, pada masa itu pun mungkin .....

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : saya nak minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong, Sijangkang nak minta laluan

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ok

**TUAN SPEAKER** : Silakan

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya nak bertanyakan, adakah difikirkan bahawa peruntukan ini adalah perlu digunakan untuk jangka masa setahun dan adakah di fikir sekiranya berlaku kekalahan dan jumlah peruntukan yang besar ini telah dihabiskan pada dua bulan yang pertama tersebut.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : sila jawab

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker, itu terpulanglah kepada budi bicara ADUN masing-masing. Mereka bertanggungjawab, kalau dia menang, macam saya duit dah habis saya kena cari duit sendiri. Permintaan dan keperluan rakyat sentiasa bertambah dari masa ke semasa, permohonan-permohonan saya pasti akan dimohon dan saya kena menyelesaikan masalah rakyat sendiri. Sebagai DUN-DUN Ahli Dewan Undangan Negeri yang bertanggungjawab, saya rasa perkara ini tidaklah perlu kita bangkitkan sangat, kalaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar ingin mengkaji dan meneliti saya rasa ini tidak ada masalah, laporan-laporan audit dan sebagainya peraturan biasa boleh diusahakan dan bolehlah diaudit kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dilaksanakan oleh ADUN-ADUN masing-masing.

Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian tentang isu BALKIS yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat di Dewan yang mulia ini. BALKIS sebenarnya adalah merupakan satu badan amal, badan pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 66 dan sebenarnya lebih lapan ribu pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan bagaimana, cara mana pertubuhan itu mengutip sumbangan itu terpulang kepada jawatankuasa yang diamanahkan dia melantik, sama ada dia hendak menubuhkan, hendak membubarkan terpulang kepada jawatankuasa tersebut dan terpulang juga kepada mereka yang memberi sumbangan. Kalau mana-mana syarikat hatta anak syarikat negeri pun yang memberikan sumbangan, kalau dah bagi sumbangan terpulang kepada badan-badan pertubuhan. Saya yakin Tuan Speaker, banyak .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong, Sekinchan minta laluan

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ok

**TUAN SPEAKER** : Silakan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : (cakap bahasa china)..... kawan lama, jiran sebelah saya. Saya nak minta penjelasan daripada Y.B. Sungai Burong, memandangkan dana-dana sumbangan kepada BALKIS ini majoritinya adalah daripada anak syarikat kerajaan negeri Selangor, maka dengan itu saya nak bertanya dalam hukum Islam ini, kita mengagihkan satu dana kepada BAKTI daripada BALKIS, kepada BAKTI itu halal ke haram, itu satu. Yang kedua dari segi perundangannya modennya ini sah *legal* atau tak *legal*, itu sahaja terima kasih.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih, saya bukan ahli dalam agama tetapi ada dua perkara dalam Islam yang menjadi garis panduan hidup saya. Yang pertama nawaitu kita, yang kedua perbuatan kita. Nawaitu kita mestilah jelas dan ikhlas dan betul. Yang kedua amalan kita ataupun perbuatan yang betul dan tidak menyalahi dari segi nilai, nilai yang dituntut dalam agama Islam.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Seri Setia minta laluan

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Seri Setia, nantilah saya habiskan jawapannya ye, nanti ye Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ye

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS**: Yang kedua dari segi perundangan, asalkan dia mematuhi perundangan-perundangan, dari segi undang-undang mungkin dia benar ataupun mungkin persoalannya dari segi moral mungkin itu yang akan dibangkitkan. Tetapi kita perlu melihat dan saya sangat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa isu perkara BALKIS ini hendaklah dilihat secara tertib dan teliti mengikut peraturan-peraturan, silakanlah ye, bolehlah dibuka perkara ini sekiranya ia mengikut peraturan undang-undang dan oleh kerana kerajaan baru ini menuntut kepada *total* konspirasi dengan izin ataupun kepada ketelusan yang menyeluruh maka saya DUN Sungai Burong mengalu-alukan usaha tersebut ya. Dan saya ingat kita ringkaskanlah isu BALKIS ini ye dan kita letakkan dia kepada proses undang-undang. Kalau kita dapati mereka menyalahi undang-undang kita buatlah laporan Polis supaya tindakan diambil kepada perkara tersebut. Jadi apa yang ingin saya tegaskan isu BALKIS ini adalah sebab apa, sebab isteri saya adalah ahli BALKIS ya, dan mereka telah bermesyuarat dan supaya membubarkan. Jadi kata isteri saya pun kalau nak dibubarkan.....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, minta laluan

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Jadi kita bubarkan

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong, Rawang minta laluan

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ok.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya kepada Sungai Burong ada tak Y.B. sedar bahawa sama ada mesyuarat itu ini diberi notis 14 hari mengikut panduan Akta Perlembagaan Pendaftaran Pertubuhan itu.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ok. Saya tidak hadir, yang hadir isteri saya dalam mesyuarat betul dan prosesnya tu saya pun tak tengok dia punya apa ni dia punya dokumen-dokumen tentang perjalanan mesyuarat sebab itu hak isteri saya.

**TUAN SPEAKER** : Kalau begitu janganlah bangkit, janganlah bela isteri kat sini dan bercakap bagi pihak dia, itu *esei* tetapi kat sini itu tak boleh *esei* terus rujuk kepada peraturan ya.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ok kalau itu Tuan Speaker tak perlulah saya jawab soalan itu

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, Tuan Speaker minta laluan Kampung Tunku

**TUAN SPEAKER** : Ya,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**: Ya, terima kasih. Tuan Speaker, saya berasa amat ganjil apabila Yang Berhormat dari Sungai Burong bahawa isterinya ialah ahli BALKIS. Sebenarnya apabila Dewan Undangan Negeri Selangor yang lepas dibubarkan pada 13 hari bulan Februari sepatutnya BALKIS ini hanya kalau ADUN-ADUN lama dulu yang menjadi ahli kepada BALKIS sudah tidak boleh dikatakan sebagai ahli lagi. Jadi saya ingin bertanya adakah ini *political* terminal, adakah kepimpinan lama yang memegang kepimpinan BALKIS ini dia sepatutnya menjadikan berfungsi sebagai satu *care taker* adakah Y.B. Sungai Burong bersetuju dengan saya. Kalau dia bersetuju sebagai *care taker* maka EXCO BALKIS pun berfungsi sebagai *care taker* sahaja. Adakah Y.B. Sungai Burong setuju, yang ini ada satu laporan akhbar yang dibangkitkan di sini, pengadu telah mengadu kepada ADUN Sekinchan memohon OKU memohon kerusi roda, RM8500, adakah cara begini betul, halal untuk menggunakan duit Kerajaan Negeri ini, RM8,500.00 untuk membeli satu kerusi roda sahaja. Ini lebih mahal daripada motosikal dan kerusi roda ini belum sampai lagi. Adakah Yang Berhormat setuju tak cara ini betul.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terpulang kepada Jawatankuasa BALKIS lah. Kalau tak betul. Saya tak mahu kata betul atau tidak tapi saya rasa pembelian yang dibuat itu adalah betul.

**TUAN SPEAKER** : Ok Sg. Burong masa sampai tapi saya bagi masa *injury* 5 minit

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih kepada Tuan Speaker yang baik budi. Saya yang sebenarnya banyak lagi nak cakap tapi oleh kerana banyak hari ini gangguan, jadi sangat berterima kasih kerana diberikan waktu *injury*. Saya cuma nak menyatakan perasaan dukacita, pertama minta maaflah kepada Tuan Speaker, walaupun perkara ini yang kuasa Tuan Speaker yang telah menolak usul yang di bawa

kita, usul dengan usul untuk membawa kepada tindakan-tindakan menyalahi ataupun ingkar kepada ucapan DYMM Tuanku. Sebenarnya kuasa di tangan Tuan Speaker, tapi saya mohon bagilah kewajaran untuk perkara ini. Oleh kerana itu saya DUN Sungai Burong menyatakan rasa dukacita di atas perkara ini sebab DUN Sungai Burong, perkara ini penting saya melihat Pakatan kerajaan baru ini mahu melaksanakan keadilan dan saya mahukan keadilan. Kalau misalnya disangkal bahawa hari ini kita lihat ya banyak dipertikaikan pelantikan Ahli Jawatankuasa Masjid yang lama, penyalahgunaan masjid dan sebagainya. Saya sangat berharap Parti Pakatan Baru yang memerintah negeri Selangor ini seharusnya memberikan keadilan peluang yang sama tetapi apabila sahaja mereka mengambil alih kerajaan ini terutamanya EXCO Agama membenarkan sesiapa sahaja yang mereka memberikan ceramah di masjid-masjid dan surau tanpa mendapat tauliah terlebih dahulu.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong ini sudah dibangkitkan dalam usul yang dibawa Y.B. Sementara dan saya telah pun menjelaskan bahawa usul tersebut tidak menepati peraturan-peraturan dan saya telah menolak dan itu tidak boleh dicabar lagi mengikut perkara 43 Peraturan Tetap. Kalau tidak berpuas hati dengan keputusan saya boleh dibawa usul, kalau nak bangkitkan kena bangkitkan usul tak boleh bangkit di sini lagi. Faham. Sila teruskan kalau ada perkara yang baru. Saya dah bagi masa *injury*, masa berjalan ni.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, masa Tuan Speaker di sini dulu merayu-rayu pada Speaker yang lama dulu kalau ada perkara yang perlu dibincangkan, Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER :** Saya bagi peluang nak bawa usul boleh. DUN Sungai Burong tak bawa usul. Saya dah cakap saya bagi peluang, saya bangkitkan ini bantu kamu kalau kamu tidak berpuas hati dengan keputusan saya boleh bawa usul. Sila rujuk perkara 43. Baca dulu peraturan sebelum datang. Baik, kalau nak teruskan, teruskan. Masa saya dah berjalan. Saya bagi peluang tengok mana ada Speaker bagi peluang begini dulu..

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ialah sebab Speaker adil, Speaker yang baru, ini contoh yang baik, eloklah tu, jangan ikut-ikut perangai yang lama. (Ketawa) Ini zaman perubahan kita buat perubahan yang baik itu adalah suatu perkara yang baik. Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan mengenai isu JKKK yang ada hari ini telah dipertikaikan kerana ada persaingan dua JKKK. Pada pendapat Sungai Burong, JKKK yang telah dilantik ini adalah JKKK yang telah dilantik di bawah kepercayaan kepimpinan Barisan Nasional yang lalu. Mereka Ketua-Ketua Kampung ini adalah orang-orang di peringkat kampung di akar umbi yang merupakan pemimpin-pemimpin tempatan yang dipilih kalau mereka pakai baju itu kebetulan di kampung macam-macam, macam dia pakai baju, ada pakai baju PAS, pakai baju PKR, ada pakai baju UMNO ya, ada yang tak pakai baju, pakai baju lainlah... ya. Jadi oleh kerana mereka ini adalah pemimpin di akar umbi maka tugas dan tanggungjawab kepimpinan Barisan Nasional untuk melaksanakan mereka melaksanakan tugas-tugas untuk menjaga kawasan kampung dan kalau kerajaan baru tidak berpuas hati untuk melantik kepimpinan baru bolehlah, silakan dan kalau nak melaksanakan dasar demokrasi yang sebenarnya kita boleh buat pemilihan di kampung. Buka kepada demokrasi, lantik siapa Ketua Kampung secara terbuka dan bagi garis panduan yang betul-betul secara sistematik. Saya tak ada masalah tentang perkara ini dan saya menyokong usaha ini tetapi calon-calon juga dipilih oleh wakil-wakil DUN yang ditetapkan oleh PKR. Terima

kasih Tuan Speaker, saya menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan DYMM Sultan Selangor sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker, terima kasih Tuan Speaker. Subang Jaya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Perkara yang sangat merisaukan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ialah masalah jenayah yang semakin meningkat. Ini terutamanya benar bagi kawasan di Subang Jaya. Kes pecah rumah dan culik kerap berlaku. Tindakan polis pula tidak mencukupi untuk menangani masalah ini berikut mesyuarat saya dengan pihak polis, IPD Subang Jaya bersama Seri Kembangan dan Sri Muda, di mana kami telah dimaklumkan bahawa pada setiap satu masa hanya dua puluh (20) buah kereta petrol untuk seluruh kawasan IPD Subang Jaya yang merangkumi Subang Jaya, Puchong, Bandar Sunway, Serdang dan Seri Kembangan. Ini sememangnya tidak mencukupi malah sangat membimbangkan . Polis terletak dalam kuasa kerajaan pusat dan saya menggesa supaya keselamatan rakyat menjadi keutamaan. Sementara kita menunggu perubahan di tahap kerajaan pusat dan peruntukan yang sepatutnya diberi untuk membaiki keadaan ini kerajaan negeri boleh membantu rakyat dalam menangani masalah ini. Ramai rakyat di kawasan bandar berpendapat bahawa konsep komuniti berpagar boleh membantu mengurangkan kadar jenayah dan memperbaiki tahap keselamatan.

Justeru itu, ramai yang telah bertindak sendiri dalam melaksanakan komuniti berpagar di kawasan Subang Jaya. Ini sungguh menyediakan kerana rakyat terpaksa membayar bagi menjamin keselamatan asas mereka. Ini mencerminkan dasar kepimpinan kerajaan yang lepas di mana rakyat perlu membayar bagi semua bentuk perkhidmatan manakala EXCO kerajaan yang lalu pula boleh membazirkan berjuta wang ringgit untuk menjaga kediaman mewah mereka. Pihak polis sudah mengatakan bahawa kelulusan atau pun kebenaran ataupun komuniti berpagar tertakluk kepada budi bicara PBT. PBT pula tidak rela membuat endorsan sama ada mereka meluluskan permohonan komuniti berpagar atau tidak. Saya difahamkan bahawa satu garis panduan wujud tetapi tidak banyak yang mengikutinya. Oleh itu saya berharap kerajaan negeri boleh membuat satu enakmen atau dasar yang lebih mantap bagi menyelesaikan kekeliruan konsep komuniti berpagar ini.

Pembangunan yang tidak terancang. Pusat perkhidmatan saya telah dibanjiri oleh pelbagai aduan rakyat mengenai pelbagai pembangunan yang tidak terancang. Projek pembangunan diluluskan tanpa betul-betul mengambil kira faktor-faktor seperti kesesakan trafik dan kekurangan tempat letak kereta. Kawasan hijau pula digunakan untuk pembangunan. Di tengah-tengah padang di kawasan rumah sepetak tanah pula boleh diberikan kepada syarikat swasta untuk membina gerai makan, menara telekomunikasi atau pun *telco tower* pula didirikan di taman permainan kanak-kanak. Saya menyarankan satu kajian yang teliti boleh dijalankan terhadap kesan radiasi *telco tower* ini. Duit peruntukan ADUN pula banyak dibazirkan dalam majlis makan malam dalam kawasan Subang Jaya. Peruntukan diberikan kepada kawasan yang tidak terletak dalam kawasan Subang Jaya seperti di Kelana Jaya. Duit rakyat digunakan sebagai duit kempen. Bukan sahaja ADUN pandai menghabiskan duit rakyat, malah isteri-isteri pun sudah mempelajari skil penggunaan wang rakyat. (Tepuk) Ini sememang tidak wajar.

Saya baru terima aduan mengenai satu kes Kumpulan Hartanah Selangor Bhd. menjual pembangunan Brisdale Holding Bhd. kepada GMB Construction Sdn. Bhd. dengan harga RM 50 ribu sahaja. Penjualan ini termasuk tanah di Westport dan Kelab OUG. Sekarang GMB Construction Sdn. Bhd. ingin menjual Kelab OUG dengan harga RM 8 juta. Bukankah transaksi ini merupakan satu korupsi yang mana anak syarikat kerajaan Selangor telah menggunakan harta tanah kepunyaan kerajaan negeri Selangor sewenang-wenangnya. Saya minta Menteri Besar dan EXCO siasat urus niaga syarikat ini. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga mahu melihat rakyat mempunyai kediaman yang selesa. Saya telah menerima aduan daripada penduduk Mutiara Court di bandar Sunway sebuah projek Westcourt Corporation Sdn Bhd. bahawa sijil layak menduduki kepada pembeli rumah telah diberikan pada 4 April 2007 oleh MPSJ walaupun tiada bekalan air dan elektrik. Bayangkanlah sebagai pembeli rumah anda memasuki rumah idaman anda mendapati bahawa pilai air tiada, suis tiada dan mangkuk tandas pun tiada. Apa yang terjadi di sini. Siapakah yang berada di sebalik penyelewengan ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia di atas dokumen pengumuman KLSE Bursa Saham Kuala Lumpur yang bertarikh 14 Jun 2004 yang mengatakan bahawa saham Westcourt telah dijual pada 11 Jun 2004 oleh Merge Housing Sdn. Bhd. kepada seorang Dato' Mohamed Satim bin Diman dan Encik Wong Kum Yew. Kalau tak silap saya ini nama Y.B. Seri Serdang yang ketika itu juga merupakan Ahli Majlis MPSJ. Adakah ini salah satu penyalahgunaan kuasa ADUN atau Ahli Majlis. Saya minta siasatan dibuat terhadap kes ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta laluan, minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Adakah dibenarkan, Subang Jaya, Ya .. silakan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya terima kasih Tuan Speaker, Saya ingin bertanya. Adakah Yang Berhormat Subang Jaya percaya adakah ini penyelewangan-penyelewangan sebegini satu faktor ketumbangan kerajaan Barisan Nasional yang lalu di negeri Selangor dan adakah Yang Berhormat Subang Jaya ketahui tak sehingga sekarang nampaknya rakan-rakan kita di sebelah kanan masih belum lagi faham tentang faktor ini dan saya minta Yang Berhormat Subang Jaya boleh terangkan dengan lebih lanjut lagi supaya mereka boleh faham.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** : Saya rasa keputusan pilihan raya pada 8 Mac adalah penerangan yang cukup jelas sekali kepada semua pihak. Oleh sebab itu saya menyokong keputusan kerajaan negeri Pakatan Rakyat yang tidak mahu Ahli Dewan Undangan Negeri berfungsi sebagai Ahli Majlis pada waktu yang sama untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa yang sebegini. Sekarang pembeli tidak boleh menduduki rumah mereka, kerana mereka tidak mampu membaiaki segala ketidak sempurnaan projek ini. Saya diberitahu mereka kena menggunakan duit mereka sendiri untuk membaiaki paip-paip dan sambung bekalan air dan elektrik dan bila mereka buka paip air mereka, air keluar dari dinding. Kerja yang sungguh tidak sempurna ya. Saya mahu bantuan diberikan kepada pembeli rumah sekarang walaupun masalah ini berpuncak dari kerajaan yang lalu. Saya tidak mahu rakyat *continue to suffer* minta izin.

Saya nak menjelaskan beberapa perkara. Satunya penggunaan perkataan zalim yang dibangkitkan tadi. Betul tiada orang yang mati kelaparan di negeri Selangor. Tetapi yang kita maksudkan zalim tadi merujuk kepada wang rakyat yang disalah gunakan oleh pihak kerajaan lalu untuk kemewahan mereka manakala rakyat pula perlu bekerja keras untuk mencari makan di Selangor. Itu zalim yang kita maksudkan (Tepuk). Kita tidak

menafikan pembangunan wujud di negeri ini selama 50 tahun yang lepas tetapi tidak mencukupi. Jika urusan negeri diuruskan dengan tulus dahulu negeri Selangor sepatutnya mempunyai lebih pendapatan dan rakyat mempunyai kehidupan yang lebih baik. Akhir sekali saya ingin mengatakan bahawa saya tidak setuju dengan kata terpukau yang sering kali digunakan oleh barisan pembangkang-pembangkang Dewan yang mulia. Saya rasa ini menghina rakyat, seolah-olah rakyat tiada pemikiran sendiri dan senang ditipu orang (Tepuk). Pakatan Rakyat bukan ahli sihir atau pun ahli silap mata. Kita tidak tahu memukau rakyat. Rakyat memilih kami kerana menyokong perjuangan kami untuk membasmi rasuah jadi kalau ....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Minta laluan Subang Jaya

**TUAN SPEAKER :** Ya Subang Jaya, silakan Bangi....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Boleh ke kita katakan dari *statement* dalam *The Stars* 7 November 2006 menunjukkan bahawa ‘CPI iaitu “*Corruption Perception Index*’ di Malaysia menunjukkan begitu teruk daripada 39 kepada yang 44 di dunia ini. Adakah sebahagian daripada “*corruption*” yang berlaku di Malaysia yang jatuh begitu teruk disebabkan oleh ahli-ahli politik BN dan juga Selangor.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Saya tidak mahu memberi komen mengenai ini kerana saya sudah kata tadi Tuan Speaker. Jawapan sudah jelas bagi semua rakyat. Akhir sekali saya mahu mengatakan kalau parti pembangkang masih mahu menggunakan perkataan terpukau saya cadangkan satu konteks yang lebih sesuai seperti ini, “ Setelah 50 tahun rakyat terpukau dengan barisan yang kononnya nasional akhirnya pada 8 Mac 2008 mereka telah bangun dan bangkit dari pukauan ini”. Sekian terima kasih. (Tepuk)

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Batu Caves

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** *Bismillahi rahmanir rahim.* Terima kasih Tuan Speaker. Barisan pimpinan kerajaan, barisan pembangkang, tuan-tuan, ahli-ahli dewan, sidang pemerhati yang saya kasihi sekalian. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan ruang untuk bersama-sama sidang dewan hari ini dalam ucapan atau perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor ke-12, 21 Mei 2008 lalu. Ahli-ahli dewan yang saya kasihi sekalian, dalam ucapan yang telah dititahkan dalam titah ucapan baginda Sultan Selangor, kita mendengar bahawa Sultan Selangor telah menunjukkan keprihatinan beliau terhadap projek dan usaha pembangunan di negeri Selangor dan walaupun Duli Yang Maha Mulia menyebutkan Selangor sebagai negeri maju dan sering kali diratib dan diulang cetak oleh barisan pihak pembangkang dalam ucapan perbahasannya yang kita dengar sepanjang dua hari ini, namun secara jelas mereka tidak dapat memahami secara terperinci apakah yang cuba dimaksudkan dengan erti kemajuan dan erti pembangunan yang dibawakan dalam konteks dunia moden pada hari ini. Justeru pada hari ini, di awal ucapan pada hari ini, sukacita kita ingin umumkan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah membawa satu wahana baru dan satu pendekatan baru dalam konteks pendekatan mentadbir negeri mahupun negara pada masa depan, telah mencadangkan beberapa perkara penting yang kami

utuskan dalam yang selalu dilambai-lambaikan oleh pihak sana. Saya sebutkan kali pertama dengan izin untuk membaca iaitu mengenai urus tadbir yang berwibawa memastikan semua pemimpin bersih daripada rasuah, menyiasat penyelewengan pentadbiran tanah dan sumber negeri, yang ketiga menghentikan projek-projek yang membazir dan rugi, yang keempat memastikan ketelusan pentadbiran negeri, yang kelima menghentikan campur tangan politik dan perniagaan dan yang keenam dan seterusnya melarang ahli-ahli politik ataupun ahli-ahli EXCO terlibat dalam perniagaan-perniagaan yang telah begitu jelas dan telah begitu nyata sebelum ini dilibatkan dengan pimpinan-pimpinan daripada kerajaan yang terdahulu. Justeru, aspek-aspek inilah yang sepatutnya harus diteliti dan difahami oleh pihak ahli-ahli dewan daripada kita berbicara tentang soal RM1,000, RM150 dan sebagainya. Bagi saya dan bagi pentadbiran rakyat, pentadbiran Pakatan Rakyat, saya percaya atas kepimpinan YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang juga ADUN Ijok yang juga merupakan Menteri Besar Selangor yang baru, kita lihat bahawa aspek-aspek ini harus ditegarkan, aspek-aspek ini harus menjadi landasan utama sebelum kita memberikan nilai-nilai tambah yang kita telah janjikan. Pun begitu, dalam masa beberapa hari setelah EXCO kerajaan negeri terbentuk, setelah YAB Menteri Besar masuk ke dalam pejabat walaupun tidak mendapat dokumen-dokumen, saya mendapat maklum balas daripada sidang EXCO yang tidak mendapat maklumat-maklumat yang sebenar terhadap apakah yang terjadi kepada kerajaan yang terdahulu, kita telah berjaya mengumumkan pada 1 Jun air percuma bagi 20 liter padu yang pertama.

Tuan Yang Di Pertua dan ahli-ahli dewan yang saya kasihi sekalian, sebab itu bila kita meratib dan kita berbicara tentang soal kemajuan, kita jangan asyik dan asyik menganggap bahawa kemajuan ini adalah hasil daripada pembangunan gedung dan pembangunan mahligai, pembangunan rumah EXCO sebagai contoh, pembangunan jalan raya, pembangunan lampu jalan. Kita juga harus meliliti beberapa aspek penting iaitu aspek spiritual sebagaimana yang telah disebut oleh Sijangkang dan juga aspek budaya, aspek sikap, aspek perkembangan demokrasi, aspek perkembangan kebebasan yang menjadi tunjang kepada kehidupan dunia moden pada hari ini. Justeru daripada penjelasan yang kita dengar daripada kerajaan penggal lalu yang sekarang telah menjadi pembangkang ADUN-ADUN Barisan Nasional, mereka memperlihatkan bahawa pemahaman tentang kemajuan ini masih lagi bertakuk pada tahun-tahun 60an ataupun tahun-tahun 70an. Kita dengar tadi apa yang berlaku, apa yang diulas oleh Sungai Pelek. Mereka berbicara tentang dulu tidak ada lampu jalan, sekarang ada lampu jalan. Dulu tidak ada televisyen, sekarang ada televisyen. Dulu tidak ada jalan raya, sekarang ada jalan raya. Dulu orang tak bawa kereta, sekarang orang bawa kereta. Adakah pembangunan itu, adakah pembangunan dan kemajuan itu hanya diukur kepada aspek-aspek tersebut, tidak membincang tentang aspek kebebasan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, minta penjelasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Saya baru mula Templer.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Sebentar Dato', Taman Templer nak minta laluan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Saya baru mula, saya minta sabar dulu.

**TUAN SPEAKER** : Kita dengarkan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Sabar dulu. Jangan panas sangat, sejuk sikit. Aircond pun besar. Ahli-ahli dewan yang saya kasihi sekalian, sebab itu aspek kebebasan ini dan ketelusan ini yang mula diperkenalkan secara perlahan-lahan oleh Pentadbiran baru Pakatan Rakyat telah tidak mudah difahami dan kita kena tahu bahawa rakyat yang telah memperoleh kemudahan-kemudahan yang disebut dan diulang-ulang cetak sejak 50 tahun dahulu, sudah menginginkan suatu space dengan izin, suatu ruangan untuk mereka berbicara dengan lebih lantang untuk mereka menyatakan pendapat tentang hal-hal tertentu menyatakan tentang sesuatu perkara yang boleh difikirkan berhak untuk disampaikan. Justeru mereka yang mempunyai kuasa tidak sentiasa benar. Justeru yang berkuasa tidak selamanya dan tidak selalunya dianggap mempunyai dan dianugerahkan kepada Tuhan untuk memiliki kebenaran. Perkongsian inilah yang ada dalam semangat demokrasi yang cuba diulas oleh Ulu Kelang sepanjang dewan dan daripada ucapan pagi tadi. Ahli-ahli dewan yang saya kasihi sekalian, kita lihat sebagai contoh tentang konsep kemajuan yang ingin dibawakan tentang pemahaman demokrasi dan sebagainya ini dan disebut pula tentang soal kemungkaran yang berulang-kali disebutkan oleh ahli dewan daripada Barisan Nasional tadi. Kita lihat aspek-aspek kemungkaran kita juga seharusnya dalam sidang dewan pada hari ini dalam Pakatan Rakyat dalam suasana dan harapan baru pada hari ini mula mentakrifkan dan bersedia menganggap pemborosan dan pembaziran wang rakyat sebagai satu kemungkaran yang tidak boleh dimaafkan. Kita juga tidak boleh memaafkan penggunaan wang rakyat sebanyak 91.6% sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar dalam persidangan dalam jawapannya pada pagi tadi itu sebagai satu kemungkaran yang tidak boleh dimaafkan. Ini adalah satu perkara yang harus diambil kira.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, minta penjelasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Silakan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Saya nak bertanya kepada sahabat saya Y.B. Batu Caves, sebenarnya saya rasa dia keliru sikit. Pertanyaan saya, kerajaan negeri sekarang adalah kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau benarlah tuduhan-tuduhan yang telah dikeluarkan, maka gunalah kuasa yang ada untuk membawa mereka yang bersalah ke muka keadilan. Tidak guna bercakap perkara ini berulang-ulang. Walhal hanya bercakap, berbising di sini. Tetapi ternyata tidak ada tindakan langsung yang boleh diambil.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Tuan Speaker, Templer yang telah mengingatkan tentang mengambil tindakan. Kita sebagai kerajaan yang profesional kita ada cara kita. Kita membuat kajian dan kita tidak bertindak dengan semberono. Kita tidak bertindak dengan sikap yang tidak bertanggungjawab ataupun sebagainya. Kita sudah meneliti perjanjian demi perjanjian. Kita sedang meneliti dokumen demi dokumen yang ada dan dalam dewan pada hari ini, semalam Sungai Panjang bercakap tentang soal kita jangan sangat bercakap. Tuan Yang Di Pertua, dewan ini adalah tempat orang bercakap, cakap ini adalah satu pembentukan polisi dan dasar. Kita bertindak dan kita berbincang dalam dewan pada hari ini adalah untuk membincangkan dasar-dasar negeri, untuk membincangkan peraturan-peraturan negeri yang disebut sebagai enakmen nanti. Sebab itu cakap dan apa juga perkara yang kita bincangkan dengan teliti ini seharusnya boleh dianggap dan seharusnya boleh dianggap sebagai satu yang dihakkan dan kita dipilih untuk bercakap dalam dewan yang mulia pada hari ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, seterusnya apabila kita berbicara tentang soal kemajuan ini selain daripada kemajuan yang dicapai daripada aspek fizikal, kemajuan yang dicapai daripada aspek mental, kemajuan yang dicapai daripada aspek rohaninya sebagaimana yang disebut sebelum ini. Kemajuan ini juga bukan hanya boleh diukur pada angka-angka yang telah disebutkan tentang soal kemiskinan yang telah menurun sekitar 1% begitu. Tentang soal pertumbuhan dan anjakan ekonomi sehingga sampai 6.3% yang bagi kita dengan sumber dan dana yang sedia ada di negeri Selangor, kita sebenarnya mampu untuk mencapai kemajuan yang lebih dan kalau kita nak bandingkan, kita bukan nak bandingkan dengan negeri Kelantan, kita tak boleh bandingkan dengan negeri-negeri yang tidak ada dana. Kita sepatutnya bersedia kalau ingin maju dan ingin menghadap ke hadapan, kita bersedia berhadapan dengan bandar-bandar lain seperti Hanoi di Vietnam, seperti Singapura dan bandar-bandar lain dan sebab itulah aspek kemajuan ini harus diteliti dan harus dicanai dan dinilai dengan lebih terperinci supaya kita tidak terperangkap dengan soal-soal tertentu. Ini juga dalam soal kemiskinan. Semalam, bila bercakap tentang masalah kemiskinan kurang dari 1% tadi Kuang bila bercakap tentang masalah realiti yang disebutkan soal RM1,500, RM2,500 pun tidak boleh dianggap sebagai seorang yang melepas daripada tahap kemiskinan boleh dianggap miskin di negeri kita, negeri Selangor Darul Ehsan. Justeru, hari ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri Selangor supaya menggaris dan meluruskan kembali tahap dan prestasi kemiskinan yang ada dalam negeri Selangor yang sebenarnya supaya kita tidak tertipu. Akhirnya nanti kita tidak tertipu dengan data-data dan fakta-fakta yang disandarkan kepada satu yang tidak realistik yang disandarkan kepada sesuatu yang memberikan kita satu gambaran yang palsu tentang fakta kemiskinan, garis kemiskinan yang disandarkan sekitar RM790 ataupun RM800 sebulan bagi saya di negeri Selangor even malahan kalau di Gombak sekalipun, di Batu Caves sekalipun RM800 sebulan untuk menampung sekeluarga isi rumah adalah satu pendapatan yang cukup sempit dan kemungkinan kita boleh dianggap berada di paras kemiskinan. Justeru saya mencadangkan kepada kerajaan negeri Selangor supaya melihat balik garis kemiskinan yang bergantung kepada daerah-daerah tertentu supaya kita benar-benar dapat menyelesaikan masalah kemiskinan ini dengan lebih terperinci.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Berhormat yang saya kasihi sekalian, dalam ucapan dan titah yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan, kita juga mendengar tentang penglibatan dan pengupayaan golongan muda ataupun yang disebut belia pada hari ini, walaupun ia tidak dirincikan dengan beberapa perkara seperti yang disebutkan sekitar pengupayaan UPSR, PMR, SPM, STAM dan STPM juga aspek-aspek belia yang menganggur pada hari ini. Tuan Yang Di Pertua, saya melihat dalam perkembangan sebelum ini ataupun pendekatan sebelum ini bila disebutkan tentang pendekatan belia ini kita sering kali menganggap bahawa belia-belia ini harus diberikan latihan-latihan kemahiran, dimasukkan ke kolej, dimasukkan ke pusat-pusat latihan dengan harapan mereka akan keluar ke dunia nanti keluar untuk bekerja dan mempunyai ruang pekerjaan dalam dunia-dunia pekerjaan yang ditawarkan di luar. Bagi saya, apa yang perlu selain daripada aspek kemahiran ini adalah memberikan aspek-aspek pendekatan jati diri sebagai seorang warga dengan memberikan pemahaman-pemahaman tentang aspek demokrasi. Sebagai contoh, supaya tidak nanti kita tertipu.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Beri laluan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Ya, silakan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Saya meminta Y.B. Batu Caves memberi komen sedikit tentang pihak-pihak tertentu yang meraikan Mat Rempit sebagai contoh belia yang baik di negara kita.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Seri Setia. Ini yang saya ingin sebutkan supaya golongan belia ini tidak saja dianggap sebagai kuda tunggangan ataupun sebagai robot untuk mencapai matlamat sesuatu. Menggunakan Mat Rempit untuk kempen pilihan raya, membiarkan mereka tidak menggunakan *helmet* dan akhirnya berlaku kemalangan sebagaimana yang berlaku di satu kawasan dalam pilihan raya yang ke-12 yang lalu, meninggal dunia dengan tidak mempunyai lesen, tidak memakai topi keselamatan di kepalanya dan meninggal dengan memakai baju Barisan Nasional yang cukup dibanggakan itu. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian, sebab itu dari pendekatan ini dan pemahaman ini saya mahu supaya kerajaan negeri memikirkan supaya menghapuskan proses penyahpolitikan yang berlaku terhadap golongan belia khususnya sekitar tahun-tahun 80an sehingga sekarang dan berakhir daripada beberapa tahun sebelum ini. Dan mula beranjak seketika pada tahun 1998 termasuk memberikan ruang kepada pelajar-pelajar di UNISEL, Universiti Selangor dan KUIS untuk mendengar bersama, memahami bersama apakah konteks perjalanan politik di dalam negara supaya kita tidak menjadi seorang yang buta sejarah, supaya anak-anak muda kita faham apakah sejarah kita yang berlaku. Saya mendengar tadi mereka berbicara tentang soal demokrasi, mereka berbicara tentang soal rakyat memilih dan tidak wajar untuk membiarkan Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana melompat ke Pakatan Rakyat. Bagi saya harus difikirkan dengan lebih terperinci adakah menipu dalam pilihan raya sebagai satu tindakan yang bermoral. Adakah menggunakan wang rakyat dalam masa dua bulan semata-mata dan saya percaya digunakan untuk membeli undi, menagih undi dan mengugut pengundi dengan belanja dan juga pembangunan yang seolah-olah dibangunkan dengan wang sendiri itu sebagai satu tindakan yang bermoral. Adakah bermoral, adakah tidak mungkar untuk membenarkan rasuah-rasuah yang terus-terusan berlaku dan indeks rasuah yang mencemarkan imej dan kredibiliti kepimpinan negeri mahupun imej kredibiliti kepimpinan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker, Sidang Dewan yang saya kasih sekalian, justeru itu dalam peningkatan aspek-aspek tersebut saya juga ingin mencadangkan kepada EXCO yang berkaitan, memasuk dan menyuntikkan beberapa aspek penting dalam penglibatan dan pengupayaan dan pendayaan belia ini iaitu dengan meletakkan aspek-aspek keilmuan, memberikan aspek-aspek *critical thinking* atau berfikiran secara kritikal, memberikan pemikiran aspek-aspek rasional dan moden dan juga membuka pintu mereka terhadap ilmu-ilmu luar yang sedang berkembang biak dan berkembang dengan cukup pantas pada ketika ini. Di saat saya lihat barisan di sebelah sana masih lagi terkapai-kapai untuk memahami apa aspek moden. Sekarang ini kita sedang berbicara tentang aspek post-modernism dan di manakah kita nak letakkan aspek-aspek ini terhadap belia-belia kita yang bakal dan mampu untuk mentadbir negeri dan negara pada masa hadapan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Sidang Dewan yang saya kasih sekalian, justeru dalam aspek itu saya ingin meminta agar suntikan-suntikan tersebut dapat diupayakan terhadap golongan-golongan belia di universiti-universiti mahu pun program-program belia yang dianjurkan dalam untuk memantapkan dan merumuskan kegiatan belia.

**TUAN SPEAKER :** Y.B. Sila menggulung.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN B. SHARI** : Akhirnya Y.B. yang saya ingin sebutkan di sini iaitu tentang aspek pendemokrasian ke bawah yang kita telah sebut dan dalam pemilihan Ahli Majlis dan juga pemilihan Ketua-Ketua Kampung yang mungkin telah disebut beberapa kali. Kita sedang melalui proses dan saya minta ia dijalankan secara berhati-hati agar proses perjalanan negeri dan pentadbiran negeri ini berjalan dengan lancar. Justeru apa yang saya ingin katakan di sini kalau pihak sana ingin membantu apakah tentang projek pembangunan negeri mereka sepatutnya menasihatkan supaya menghalang dulu pembinaan dan penubuhan JKK di peringkat persekutuan yang dicadangkan oleh Menteri yang berkaitan. Kerana apa? Pentadbiran negeri akan menjadi kelam kabut, pentadbiran negeri akan menjadi keliru dan akhirnya ia telah melahirkan aspek-aspek yang tidak munasabah dan perpecahan yang selama ini dianggap sebagai tidak stabil. Kita bukan takut dan kita tidak bimbang untuk bersaing namun kenapa sejak dulu tidak diwujudkan JKK, kenapa sejak dulu tidak diwujudkan JPP di negeri Selangor kerana kalau kita lihat kecemerlangan kerajaan negeri Selangor sehingga mampu melepaskan pembelian tanah yang diselesaikan pada 3 Mac dan 4 Mac telah membuat bayaran dan 5 Mac telah menyelesaikan perjanjian, ini satu sudut yang efisien. Apakah efisien ini menyebabkan kerajaan negeri yang lepas tidak menjemput JPP dan akhirnya ia digunakan sebagai gula-gula politik dan tidak menghargai konsep dan prinsip Federalism yang ada dalam perlombagaan persekutuan yang ada dalam perlombagaan negara. Ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian, Tuan Speaker, saya rasa saya sudah mencakup dalam beberapa perkara tentang pemahaman kemajuan, tentang konsep pemerintahan yang kita jalankan, tentang perkasaan rakyat dan juga sosialiti dan juga yang terakhirnya tentang pentadbiran negeri agar licin dan berjalan dengan lancar. Terima kasih Tuan Speaker saya mohon usul ini disokong.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Terima kasih. *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Speaker terima kasih kerana mengizinkan Taman Templer mengambil bahagian dalam menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan penggal pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan ke dua belas pada 21,22,23 dan 26 Mei 2008. Tuan Speaker konteks ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor amat menyeluruh isi kandungannya dan memberi pengiktirafan tentang kejayaan Barisan Nasional dalam mentadbir negeri Selangor sekian lama. Walaupun dipertikaikan oleh beberapa-berapa sahabat-sahabat saya di dewan tetapi ternyata ucapan Tuanku Sultan adalah hasil usaha kejayaan Barisan Nasional mentadbir kerajaan negeri Selangor sekian lama. Namun begitu harapan dalam ucapan Tuanku juga agar kerajaan negeri yang baru di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar dapat melakukan yang terbaik dalam mentadbir negeri dan memajukan lagi negeri Selangor. Saya yakin kerajaan baru yang di bawah kerajaan Pakatan Rakyat juga akan membuat yang terbaik untuk mentadbir negeri Selangor. Saya juga percaya kesemua ahli dewan yang berada di sini mempunyai matlamat yang sama iaitu berkhidmat dengan terbaik untuk masyarakat di kawasan masing-masing dan memberikan yang terbaik tetapi hanya sayangnya fahaman politik kita berbeda. Tuan Speaker saya juga ingin membawa perhatian beberapa isu yang dibangkitkan di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Harapan memberikan rakyat rumah kediaman sendiri menerusi dasar perumahan untuk semua adalah satu idea yang baik. Walaupun begitu saya hanya nak memperingatkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dengan izin "*it's only easier said*" terutamanya apabila melibatkan masalah penempatan setinggan. Kerajaan

Barisan Nasional apabila cuba kaedah setinggan sifar adalah bukan untuk menindas, saya ulangi bukan untuk menindas mereka yang tinggal di setinggan tetapi untuk memindahkan mereka ke tempat yang lebih selesa, bersih dan mempunyai kemudahan asas yang sempurna. Saya juga ingin memaklumkan bahawa ini adalah satu isu yang amat sukar diselesaikan. Pada hal ini ramai yang tinggal di setinggan pun bukan terdiri daripada golongan yang susah dan kurang berada. Walhal mereka duduk di situ berpuluhan-puluhan tahun, beranak pinak di situ hingga anak-anak mereka dengan usaha bantuan kerajaan Barisan Nasional telah menjadi pegawai-pegawai dan mempunyai kerja-kerja yang berpangkat besar.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Minta laluan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Saya nak minta penjelasan dari Y.B. tadi seorang Y.B dari Barisan Nasional katakan kita mesti membahagikan rumah setinggan yang percuma, rumah flat yang percuma pada orang yang meminta rumah setinggan ke rumah pangsa. Jadi sekarang Y.B. yang katakan penduduk-penduduk tersebut mereka yang bukan miskin kemungkinan kayalah tak tahu lah. Jadi mengapa ada konflik macam ini.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, saya rasa Y.B. dari Teratai ini dia baru dan tidak sabar biarlah saya habiskan ucapan saya dulu barulah faham maksud yang tersirat dalam ucapan saya.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASIM** : Minta Laluan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara minta laluan. Silakan.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASIM** : Terima kasih, apa yang telah dikatakan berkenaan dengan setinggan saya lebih senang dengan peneroka bandar. Memang ada sejarahnya tahun tujuh puluhan apabila Tun Razak mahu pekerja-pekerja untuk membangunkan industri mereka menjemput mereka datang ke bandar. Duduk di kawasan bandar dan dijanjikan sebagai tempat dan geran seterusnya dan mereka duduk dua tiga keturunan. Tiap-tiap kali Wakil Rakyat datang menjanjikan sesuatu tetapi tidak berlaku dan apabila negara maju, tanah mereka ada nilainya dan dalam dua minggu mereka dapat surat menyatakan mereka sudah menjadi setinggan. Walhal mereka mengundi, ada balai raya, ada jalan dan seterusnya. Maka itu juga kami menganggapkan mereka peneroka bandar bukan setinggan dan juga apabila kita menyatakan ada golongan oportunistis, golongan oportunistis memang banyak di peringkat atasan ke bawah memang ada, tetapi kalau dalam kawasan peneroka bandar kalau dia duduk dua tahun, ada rumah besar, ada rumah dibesarkan ini bermakna mereka oportunistis. Kerap kali mereka duduk telah lama hingga jadi orang pejabat, hingga menjadi *assistant manager* kerana dijanjikan tempat itu, maka itu juga kami menganggapkan bahawa mereka adalah peneroka bandar satu perkampungan maka itu apabila rumah-rumah mereka dirobohkan kami merasa terkilan kerana inilah rakyat kita. Terima kasih.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker saya rasa itu adalah satu, bukan satu rumusan atau pun satu pandangan. Tuan Speaker biar saya sambung ya. Di antara mereka memiliki dua hingga tiga buah kereta pun. Ini satu aspek yang perlu diteliti dan dihalusi dengan mendalam. Janganlah terlalu mudah terpengaruh dan

bantulah mereka yang benar-benar memerlukan bantuan yang kurang berada. Isu setinggan ini amat rumit di kawasan saya di Taman Templer sendiri. Ini adalah satu masalah yang cukup besar. Penempatan kawasan ini dikenali sebagai di Bukit Botak sekarang dikenali sebagai Lembah Klang Mutiara. Kawasan ini mempunyai penempatan setinggan yang cukup besar dan melibatkan semua kaum. Masalah ini berlarutan begitu lama kerana pemaju yang dipertanggungjawabkan telah gagal akhirnya pihak PKNS mengambil alih untuk menyelesaikan masalah ini tetapi baru-baru ini saya difahamkan projek ini diberhentikan dengan serta merta. Saya setuju jika projek ini diberhentikan dengan serta merta untuk mencari sebab-sebab kenapa projek ini tidak siap begitu lama. Jika ada unsur-unsur penyelewengan dan pihak-pihak tertentu menggunakan *opportunity* untuk meraih keuntungan maka saya berharap pihak kerajaan negeri yang ada sekarang ini harus membawa mereka ke muka keadilan. Saya yakin fahaman kita semua dewan ini adalah sama yakni kita tidak akan berkompromi dan bertoleransi terhadap mereka-mereka yang menipu serta mengambil hak-hak orang-orang lain semata-mata.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sekinchan.

**Y. B. TUAN NG. SUEE LIM:** Peraturan 36(6) seorang ahli tidak boleh membaca dalam ucapannya tetapi boleh dibaca cabutan-cabutan daripada buku dan surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya. Boleh tengok peringatan-peringatan yang hendak dicakapkannya. Saya nampak daripada awal hingga akhir terus baca jadi saya minta jangan baca.

**TUAN SPEAKER :** Ambil perhatian ya.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker, saya amat gelisah tenguk perangai Y.B. daripada Sekinchan. Saya orang baru di sini sebenarnya saya tidak bercadang untuk membaca tetapi bila saya tengok semua rakan-rakan yang lama pun membaca saya ada *point-point* sedikit yang hendak diketengahkan.

**TUAN SPEAKER :** Lain kali kalau nampak orang membaca bangkitkan saya akan mengadilinya ya.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Saya syorkan agar laporan Polis dibuat, laporan BPR dibuat agar mencari punca kelewatian ini tetapi yang paling penting selesaikannya dengan cepat agar mereka.....

**TUAN SPEAKER :** Templer tunggu sebentar, ya Kampung Tuanku ada apa.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan

**TUAN SPEAKER :** Templer bagi atau tidak.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** saya teruskan.

**TUAN SPEAKER :** Dia tidak bagi, sila duduk.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta maaf, agar mereka yang mengharap yang begitu ramai dapat memiliki rumah yang boleh dipanggil rumah sendiri. Isu agar PBT memberi tumpuan kepada tanggungjawab asasnya iaitu dengan menyediakan kemudahan jalan dan longkang yang sempurna, perbandaran yang bersih dan indah, pengurusan sampah yang cekap, pemotongan rumput di jalan serta lampu-lampu jalan yang berfungsi amatlah penting. Hari ini di kawasan Taman Templer sendiri di sekitar kawasan Selayang pengutipan sampah, pembersihan kawasan dan pemotongan rumput amat menyediakan dengan longkang-longkang yang tersumbat dan kotor, rumput-rumput yang panjang dan tidak dipotong. Alasan PBT selalunya kontraktor-kontraktor yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab maka persoalannya kenapa pemantauan tidak dibuat oleh PBT dengan turun ke padang. Kalau kontraktor-kontraktor ini tidak menjalankan tugas dengan baik maka berhentikan kontrak-kontrak mereka dengan serta merta. Tindakan tegas perlu diambil kerana hari ini dengan longkang-longkang yang tersumbat yang membawa penyakit demam denggi. Di kawasan saya sendiri terdapat hampir 156 kes demam denggi dengan enam kematian baru-baru ini. Saya amat terkilan dengan kerja yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Selayang yang langsung tidak membuat pemantauan serta turun padang melihat keadaan sekelilingnya

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, minta penjelasan

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer, Kampung Tunku minta laluan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan Yang Berhormat Taman Templer

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Biar saya teruskan, minta maaf

**TUAN SPEAKER** : Dia tidak benarkan, duduk

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Juga Tuan Speaker, juga sepanjang jalan raya dari Templer ke Rawang di mana ada beberapa tempat pelancongan negeri Selangor seperti Taman Komanwel, Taman Rimba Templer dan Air Panas Sungai Batu Selayang, rumput-rumput dan pokok-pokok di tepi jalan langsung tidak dijaga dan dipotong. Memandangkan pada tahun 2007 hampir 5 juta pelancong melawat negeri Selangor, saya yakin persekitaran tempat pelancongan di negeri Selangor mesti dijaga dan diindahkan agar dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri Selangor pada tahun 2008 dan tahun-tahun seterusnya. Tuan Speaker isu.....

**TUAN SPEAKER** : Dua minit lagi.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Allah.... Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa mengenai pembatalan *signature events* pelancongan negeri Selangor adalah amat tidak benar kerana pada satu hari bulan April yang lalu Menteri Pelancongan sendiri telah mengeluarkan satu arahan bahawasanya tidak ada apa-apa pun program negeri Selangor dibatalkan dan akan diteruskan. Hanya, menurut Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor ke semua *Signature Event* yang dirancang oleh Kementerian Pelancongan di negeri Selangor bagi tahun ini dan seterusnya akan diteruskan seperti biasa. Hanya mungkin Y.B. EXCO Pelancongan tidaklah menjadi sibuk sangat dengan tugas-tugasnya kerana Pengurus Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor yang baru akan membantu menerajui aktiviti-aktiviti ini tetapi untuk makluman Tuan Speaker, pihak kerajaan pusat memang mengalu-alukan

kerjasama dengan kepimpinan negeri, walhal saya sendiri pernah melihat Yang Berhormat EXCO Pelancongan Negeri Selangor yang baru ini pun turut dijemput untuk menghadiri program-program pelancongan pusat. Seterusnya kepada rakyat, seterusnya usaha sama memajukan dan menyemarakkan pelancongan di negeri Selangor akan dibuat bersama dengan MTPN Negeri Selangor dan EXCO Pelancongan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, walhal saya sendiri merasakan bahawasanya ucapan Tuanku Sultan sepetimana dalam ucapan beliau berterima kasih kepada penjawat awam dan saya amat setuju termasuk Angkatan Tentera dan Polis yang telah berusaha siang malam bagi menjamin keselamatan rakyat dan negeri yang dikasihi. Yang Berhormat Sekinchan saya minta maaf kerana saya rasa seharusnya Yang Berhormat meminta maaf kepada seluruh anggota Polis yang berada di negara ini kerana, minta maaf baru-baru ini Yang Berhormat dalam Penyata Rasmi sendiri ada mengatakan bahawasanya Pasukan Marin Polis jauh untuk mengambil sogok-sogokan fulus dengan izin daripada nelayan, diugut akhirnya duit itu, saman semua tidakampai kepada kerajaan sebab duit saman itu semua sampai ke poket mereka. Ini adalah satu penghinaan kepada Pasukan Polis Marin. Saya berharap .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, minta laluan. Tuan Speaker, minta laluan, berani jawab, bagi laluan, untuk saya jawab, bagi laluan

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Duduklah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha, tak berani, bacol

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker, dia gunakan ayat-ayat yang tak kena...

**TUAN SPEAKER :** Ya

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Ya

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Saya akhir sekali ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana berlaku profesional dan adil dalam melaksanakan tugas, akhir kata. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Tuan Speaker, Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Ya Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih. *Bismillahi rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan, Media Massa dan para pemerhati sekalian. Taman Medan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi laluan untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas 2008.

Tuan Speaker, Taman Medan ingin merakamkan juga setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas titah baginda yang penuh dengan nasihat, teguran dan peringatan. Perkara tersebut mempamerkan keprihatinan baginda serta baginda sentiasa mengikuti perkembangan rakyat jelata terutama sekali mereka yang dari golongan yang lemah dan terpinggir. Taman Medan juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada seluruh penduduk Taman Medan yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk mewakili mereka di Dewan yang mulia ini. Tidak lupa juga diucapkan tahniah kepada semua Wakil-wakil Rakyat yang telah dipilih untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri pada kali ini terutama sekali kepada ahli-ahli daripada Pakatan Rakyat yang rata-rata adalah muka-muka baru yang tiada pengalaman seperti yang disebutkan oleh pihak pembangkang tetapi mereka juga tiada pengalaman rasuah. Hanya lebih kurang setahun yang lepas, bekas Menteri Besar Selangor telah menyatakan dalam persidangan Dewan yang mulia ini, bahawa mereka akan menang seratus peratus kerana hanya ada dua kerusi sahaja yang mereka perlu tawan iaitu kerusi Sekinchan dan Sungai Pinang, tetapi segala-galanya telah berubah. Beliau telah duduk di kerusi pembangkang yang lalu dan kini Sungai Pinang menduduki kerusi Speaker. Taman Medan ingin mengajak rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat mengambil iktibar daripada nasib malang yang menimpa Barisan Nasional supaya jangan bersikap sombong dan angkuh terhadap rakyat jelata yang telah memilih Ahli-ahli Yang Berhormat pada penggal ini walaupun mereka kulitnya hitam, sepet matanya dan pesek hidungnya. Amanah yang diberikan perlu ditunaikan dengan jujur dan bersungguh-sungguh. Kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat serta harapan mereka untuk melihat perubahan dan mendapat layanan yang saksama tidak boleh diremeh-tekehkan. Ahli-ahli Yang Berhormat juga tidak perlu merasa bimbang atas laporan-laporan Polis yang telah dibuat saban hari terhadap kerajaan Pakatan Rakyat menuntut supaya ditunaikan janji-janji di dalam manifesto kerana selama 50 tahun pun Barisan Nasional pun tidak mampu memberikan air percuma kepada rakyat (Dewan bertepuk). Semua itu hanyalah aksi-aksi bagi mengalihkan pandangan rakyat daripada masalah yang sebenarnya iaitu masalah pimpinan Barisan Nasional yang tidak dapat menerima hakikat bahawa mereka sudah tidak diterima dan ditolak oleh rakyat jelata. Pihak pembangkang masih menyalahkan manifesto Barisan Alternatif adalah punca kekalahan mereka, sedangkan sebab sebenar kekalahan mereka adalah kelemahan Barisan Nasional untuk membaca isyarat daripada rakyat jelata sendiri. Dalam titah Baginda Sultan, beliau telah menyatakan rasa tidak puas hati baginda terhadap perbelanjaan peruntukan ADUN bagi tahun 2008 yang telah dihabiskan oleh Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini sahaja. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi, perkara tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Integriti, Akauntabiliti (Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban & Ketelusan - SELCAT) bagi menjalankan siasatan ke atas perkara yang sebenarnya. Taman Medan ingin menegaskan dan menggesa agar jawatankuasa terbabit menyiasat dengan penuh teliti dan memastikan wang kerajaan negeri yang telah dihabiskan tidak diselewengkan atau disalahgunakan oleh mereka-mereka yang terbabit. Perbuatan menghabiskan wang tersebut sebenarnya mempamerkan sikap tidak amanah dan tidak bertanggungjawab dalam menggunakan wang rakyat. Begitu juga kelemahan merancang pembangunan dan kemajuan bagi rakyat negeri Selangor seluruhnya di mana segala pembangunan dan kemajuan dilakukan ketika musim pilihan raya sahaja.

Taman Medan juga ingin membawa perhatian semua kepada kemiskinan rakyat yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda kelmarin. Sungai Panjang merasa hebat kerana kemiskinan tegar di negeri Selangor ini adalah pada kadar 0.05 peratus, yang kohnonya telah membuktikan kejayaan Barisan Nasional dalam mengatasi permasalahan kemiskinan. Tetapi angka-angka tersebut sebenarnya boleh memperdayakan ramai orang termasuklah Yang Berhormat daripada Sungai Panjang sendiri sehingga Selangor bawah pimpinan beliau jatuh tersungkur kerana hakikatnya di bawah adalah berlainan sekali dengan angka yang telah diungkapkan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker, minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan, Sungai Panjang minta laluan, hendak bagi

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya baru nak panas..

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak tanya

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan, Sungai Panjang minta laluan, tak bagi

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya baru nak panas

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak tanya siapa yang buat ucapan tu, kerajaan dulu

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya tak beri laluan Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Ya silakan Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Taman Medan ingin mengingatkan bahawa kemiskinan relatif kini kian meningkat memandangkan kadar inflasi telah pun meningkat. Ia menunjukkan *trend* menaik kebelakangan ini. Oleh itu saya menyuruh kepada kerajaan baru Pakatan Rakyat membantu golongan miskin tanpa mengira kaum kerana kemiskinan sering menjadi permasalahan sosial yang serius seperti penagihan dadah, jenayah, merompak, meragut dan lain-lain. Tumpuan perlu diberikan kepada program perumahan untuk semua. Tempat-tempat rekreasi dan kemudahan yang sesuai, pekerjaan dan pendidikan yang cukup bagi semua. Taman Medan amat berterima kasih kepada Baginda Sultan yang telah membangkitkan isu kemiskinan bandar kerana Taman Medan sendiri merupakan sebuah kawasan yang dihuni oleh golongan berpendapatan rendah di tengah-tengah Bandaraya Petaling Jaya. Jika kita bertanya kepada orang luar tentang Taman Medan, pastinya mereka akan mengatakan mereka teringat Taman Medan akan peristiwa pergaduhan negeri antara orang Melayu dan India. Peristiwa berdarah tersebut telah mendapat perhatian seluruh rakyat Selangor malah seluruh dunia mengetahui peristiwa negeri pada tahun 2001 itu. Sungguhpun sudah berlalu tujuh tahun, namun keadaan tegang tersebut masih wujud. Taman Medan melihat faktor kemiskinan merupakan antara penyumbang kepada situasi tegang tersebut, ditambah pula kos sara hidup yang tinggi, kian meningkat dari hari ke hari. Walaupun sebelum ini melalui kempen setinggan sifar dan mengikut bancian kerajaan lalu 16,818 buah keluarga telah berjaya dipindahkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya, kerajaan negeri sebelum ini memindahkan mereka ke pangaspuri-pangaspuri, namun ia tidak menyelesaikan masalah sebenar, sebaliknya ia telah mewujudkan setinggan-setinggan di udara iaitu di pangaspuri-pangaspuri yang

mencakar langit. Keadaan yang sesak serta gelap dan kotor kini berlaku di pangsapuri-pangsapuri tersebut sehingga ke hari ini ada keluarga-keluarga yang telah dipindahkan sampai tiga kali ke penempatan sementara bukan ke penempatan yang tetap kerana rumah tetap mereka masih belum dibina.

Inilah sebenarnya kesan daripada kempen setinggan sifar yang telah terpaksa Taman Medan warisi daripada kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Perkara ini berlaku kerana tujuan utama pemindahan peneroka-peneroka tersebut adalah bagi mengambil alih tanah-tanah mereka. Bukan untuk memberikan kepada mereka tempat tinggal yang selesa dan sesuai untuk mereka tinggal. Justeru itu, saya mengajak dan meminta kerajaan baru di bawah Pakatan Rakyat memandang serius akan kemiskinan bandar ini kerana kawasan liputannya kian meluas. Kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian yang bersungguh-sungguh agar ia tidak menular menjadi satu permasalahan yang tidak dapat dikawal selepas ini. Taman Medan ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan Pakatan Rakyat kerana telah meletakkan wanita di tahap yang sewajarnya. Dengan pelantikan Ahli EXCO seramai 4 orang di dalam kerajaan negeri Selangor maka 40% perwakilan wanita telah tercapai. (Tepuk). Belum ada di dalam sejarah kerajaan negeri ataupun pusat (di Malaysia), perwakilan wanitanya melebihi 30% dan kini kerajaan negeri telah mencatat sejarah mencapai kadar 40%. Kajian mendapati bahawa kesan daripada penglibatan wanita dalam Legislatif dan lain-lain perjawatan di peringkat negeri adalah lebih baik kerana ia akan mewujudkan dasar-dasar dan polisi-polisi yang baik untuk wanita. Taman Medan berasa yakin kerajaan bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar melihat akan pentingnya penglibatan wanita dalam tahap membuat keputusan memandangkan hampir separuh daripada penduduk Selangor adalah wanita. Dengan itu usaha untuk memberikan cuti bersalin selama 90 hari amat dialu-alukan kerana ia membantu wanita untuk terus menyumbang kepada negeri. Begitu juga bantuan kepada ibu-ibu tunggal yang sebelum ini di dalam Dewan ini Sg. Panjang beria-ia ingin memberikan senarai penuh kepada kerajaan negeri. Kita melihat senarai yang ada yang kita peroleh sebenarnya tidak menggambarkan situasi yang sebenar iaitu data yang dikumpulkan daripada kerajaan negeri yang lepas. Begitu juga Taman Medan menyambut baik rancangan ataupun usaha untuk mewujudkan *One Stop Crisis Centre* kerana ia akan terus membela kaum wanita.

Keganasan terhadap wanita adalah suatu jenayah dan mencabul hak asasi individu tersebut. Walaupun bukan semua lelaki adalah ganas tapi rata-rata kaum lelaki adalah pelaku keganasan dan wanita adalah mangsa keganasan. Keganasan terhadap wanita bukan sahaja terhad kepada fizikal tetapi ia termasuk gangguan psikologi, emosi, seksual dan sosial. Dengan wujudnya *One Stop Centre* maka wanita yang menjadi mangsa keganasan akan mendapat bantuan di satu tempat tanpa perlu pergi ke beberapa tempat bagi mendapat bantuan dan pertolongan. Pusat ini juga diharapkan akan menyediakan segala keperluan-keperluan bagi mangsa keganasan khususnya wanita. Akhir sekali kerajaan negeri Pakatan Rakyat mestilah mengamalkan perbelanjaan berhemah dan elakkkan kesilapan yang telah dilakukan oleh kerajaan yang lalu. Kesilapan membazirkan wang rakyat untuk membiayai projek-projek besar yang sudah tentunya menelan belanja yang besar juga. Sebelum ini Yang Berhormat Kuang telah menasihatkan kerajaan baru untuk tidak melakukan pembaziran. Saya kira itu satu nasihat yang sebenarnya menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri. Sebab di sini kita boleh kemukakan banyak contoh-contoh pembaziran yang telah dilakukan oleh kerajaan yang lepas.

1. Stadium Shah Alam, menelan belanja sebanyak RM350 juta yang sekarang ini tidak digunakan sepenuhnya.
2. Paya Indah Wetlands, RM160 juta
3. Taman Laut Sg. Panjang, RM21 juta
4. Kediaman EXCO Shah Alam, RM40 juta

Dan itu hanya bagi membina kediaman EXCO, belum lagi dikira perbelanjaan untuk menjaga keselamatan rumah-rumah tersebut yang menelan belanja sebanyak RM2.2 juta lagi. Belum lagi kita bercerita tentang kriteria selenggaraan rumah-rumah tersebut. Jadi inilah yang telah berlaku di masa kerajaan yang lalu. Jadi, Taman Medan berharap kerajaan negeri yang baru mengambil langkah yang bijak memberhentikan mana-mana projek mega yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat sebaliknya menggunakan wang tersebut bagi memberi kemudahan yang lebih baik bagi kawasan-kawasan yang memang memerlukan kemudahan tersebut. Dan Taman Medan sebenarnya amat mengalui-alukan penyaluran peruntukan rekreasi kerana di Taman Medan sendiri kekurangan padang-padang bagi orang-orang muda untuk bersukan dan berekreasi. Cuba bayangkan 3 sekolah berkongsi 1 padang yang sudah bertukar menjadi kematu, dengan izin. Jadi itulah keadaannya, keadaan rakyat jelata yang sebenarnya yang dikatakan oleh kerajaan yang lalu, mereka telah tunaikan hak-hak mereka kepada rakyat tetapi apa yang rakyat rasakan tidak seperti mana yang telah digambarkan atau dibuatkan, indah khabar dari rupa. Taman Medan ingin mengakhiri ucapan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan ucapan terima kasih sekali lagi kerana telah membangkitkan isu-isu yang menjadi kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang dan kita hanya tinggal hari Isnin, 26 Mei 2008 untuk bersidang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung sehingga jam 5.30 petang bagi meneruskan urusan Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul untuk menyambung Persidangan Dewan pada hari ini, 23 Mei 2008 sehingga jam 5.30 petang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahwasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut syarat Perenggan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga 5.30 petang.”

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang

bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul dipersetujui. Perbahasan diteruskan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ia, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih Tuan Speaker. Rawang ingin menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat di kawasan Rawang kerana sudi memberi amanah kepada saya untuk mewakilkan mereka dalam semua hal ehwal kawasan Rawang. Yang Berhormat sekalian. Adalah bersyukur kerana Negeri Selangor merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang telah diisytiharkan sebagai negeri maju. Perkembangan ekonomi turut membanggakan kerana pertumbuhan ekonomi negeri masih mencatat kadar 6.3% pada tahun 2007 walaupun menghadapi kenaikan harga petrol dan bahan mentah sedunia. Selain itu Negeri Selangor juga menjadi tumpuan pelabur-pelabur bukan sahaja pelabur domestik mahupun pelabur asing. Kesemua tanda ini menunjukkan negeri Selangor sebuah negeri yang maju tetapi juga berpotensi untuk menjadi wilayah yang bertaraf antarabangsa. Akan tetapi apa yang perlu kita pertikaikan adakah perkembangan negeri yang begitu mengagumkan ini betul-betul dikongsi bersama oleh rakyat berbagai kaum.

Yang Berhormat sekalian. Saya amat tertarik dan bersetuju dengan titah Tuanku yang menyentuh tentang kualiti hidup rakyat yang perlu dijaga dan ditingkatkan dalam proses pembangunan negeri. Kalau disebut tentang *landmark* dengan izin di Malaysia KLCC atau *Twin Tour* akan disebutkan. Kalau ditanyakan *landmark* dengan izin di kawasan Rawang, *High Tension Cable* yang pertama datang ke dalam minda semua orang. Isu pencawang elektrik kuasa tinggi 275kw yang menggemparkan Rawang dan seluruh Selangor dan Malaysia telah menampakkan betapa kerajaan negeri sebelum ini secara paksa berkeras mengambil tanah penduduk-penduduk Kg. Sg. Terentang, Rawang untuk pembinaan pencawang elektrik kuasa tinggi yang akan dinaikkan taraf daripada 33kw kepada 275kw. Dan menurut alasan yang diberikan oleh TNB bahawa pembinaan harus disegerakan demi kebaikan rakyat jelata. Yang Berhormat sekalian. Pencawang elektrik kuasa tinggi ini sekiranya diteruskan mengikut jajaran yang sedia ada akan melalui pusat Kg. Sg. Terentang, sebelah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina San Yuk dan juga SMK Batu 16, Rawang. Sampai hati kah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian melihat anak-anak comel kita belajar di bawah ancaman pencawang elektrik dengan voltan 275kw tersebut. Dan tahun lepas pernah berlaku satu insiden yang mana pencawang elektrik di kampung Dato' Lee Kim Sai, iaitu sebuah kampung Cina tradisional yang terletak berlawanan dengan Kg. Sg. Terentang telah tumbang dan ini telah mengejutkan seluruh kawasan Rawang. Nasib baik tiada orang awam yang tercedera atau mati dalam tragedi dan insiden tersebut. Peristiwa ini menunjukkan pembinaan pencawang elektrik kuasa tinggi di kawasan kediaman dengan kepadatan penduduk yang tinggi adalah tidak dan bukan satu langkah yang bijak. Pembinaan pencawang elektrik akhirnya berjaya ditahan dan mendapat bantahan yang kuat daripada penduduk-penduduk tempatan tetapi kerajaan dulu berdegil juga mahu meneruskan projek tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, lawan saya iaitu calon MCA yang juga Timbalan Ketua Bahagian Selayang MCA pernah menyatakan bahawa dia langsung tidak tahu tentang isu ini. Pada halnya penduduk-penduduk pernah menyaksikan kehadirannya bersama-sama bekas ADUN Rawang dalam beberapa mesyuarat yang telah diadakan. Mungkin ini semangat baru bagi Barisan Nasional

selepas 8hb. Mac 2008 iaitu tidak faham, bingung dan cepat hilang ilham. Sampai hati juga kerajaan yang lepas membuat keputusan untuk merobohkan tempat kediaman penduduk Kg. Sg. Terentang yang telah 60 tahun mendiami di kampung tersebut. MCA yang sebelum ini mewar-warkannya sendiri sebagai wakil masyarakat Cina juga bersetuju agar projek ini diteruskan. Dalam konteks ini Yang Berhormat sekalian, inginkan saya jelas bahawa penduduk kampung bukan menentang pembangunan tetapi cuma meminta agar hak mereka untuk hidup dalam persekitaran yang sihat dan selamat adalah sentiasa terpelihara. Saya juga khuatir mungkin ada udang di sebalik batu kerana cadangan laluan alternatif tidak pernah dipertimbangkan walaupun pada hakikatnya pihak TNB sendiri pernah menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi sebarang masalah teknikal untuk memilih laluan alternatif. Dengan ini saya berharap agar kerajaan kini yang membela hak rakyat jelata dapat memberi penyelesaian yang sebaiknya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Semasa pemodenan negeri masih diteruskan, keseimbangan dengan alam sekitar adalah amat penting bagi mengelakkan sebarang mala petaka daripada berlaku. Tragedi *Highland Tower* masih tidak dapat kita lupai.

Di Rawang, sebahagian hutan rimba simpanan telah dikeluarkan daripada warta oleh kerajaan yang lalu bagi memberi laluan kepada aktiviti pecah batu di sekitar perumahan Rawang Perdana yang sehingga kini membawa implikasi yang negatif terhadap penduduk-penduduk. Aktiviti tersebut menyebabkan habuk yang berlebihan dan juga mengakibatkan keretakan tempat kediaman. Penduduk-penduduk yang sering tinggal dalam rumah pula sentiasa dikejutkan oleh bunyi letupan pada pukul 12.00 tengah hari setiap hari. Saya pernah dimaklumkan bahawa apabila aduan dibawa ke atas Jabatan Alam Sekitar, pegawai memang turun padang untuk memeriksa akan tetapi aktiviti pecah batu ini diteruskan dan pihak kilang yang mengeluarkan asap hitam berbau hangit dan masih dibenarkan untuk meneruskan operasi. Sebenarnya ini hanyalah *tips of an iceberg* dengan izin di kawasan Rawang. Saya juga amat kecewa atas berlakunya masalah ini kerana hal ini telah membuktikan bahawa pihak yang berkenaan iaitu Polis, PBT, kontraktor, pemaju, Pejabat Tanah, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain lagi langsung tidak mempedulikan kesihatan dan kepentingan rakyat. Saya khuatir kenapakah projek-projek ini dapat diluluskan tanpa membuat usul periksa tanpa terperinci padahal kawasan perumahan itu...

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Boleh minta laluan Rawang?

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Ia..

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Berhubung dengan voltan tinggi, setakat ini apakah sudah diminta pihak berkenaan membuat penyelidikan tentang kesan voltan tinggi umpamanya dari segi penyakit kanserkah ataupun berbagai-bagailah masalah. Kami bimbang macam kami di Bandar Baru Bangi juga ada masalah penduduk membuat aduan dan mereka relatekan bahawa banyak penyakit kanser yang berlaku di Bandar Baru Bangi terutama bagi orang perempuan. Kami takut ini selain daripada voltan tinggi ialah kerana adanya pusat penyelidikan atom di Bandar Baru Bangi itu sendiri. Memang dari segi statistik menunjukkan ramai orang perempuan yang meninggal akibat kanser. Saya ingat kalau voltan tinggi, salah satu daripada sebabnya ini sesuatu yang serius yang dihadapi oleh banyak penduduk termasuk di Bandar Baru Bangi yang baru-baru ini juga mereka mengadakan pertemuanlah melahirkan masalah ini dan saya sendiri dijemput. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Untuk maklumat Bandar Baru Bangi, pernah ada kajian yang dijalankan oleh *United Nation* yang menunjukkan bahawa budak-budak dan penduduk yang terdedah di bawah kabel kuasa tinggi dengan voltan yang 275kw ini akan menghidap leukemia dengan kadar yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk-penduduk yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang dititahkan oleh Baginda prestasi ekonomi yang sentiasa stabil adalah mustahak dalam mengekalkan keamanan dan kemakmuran negeri. Dalam usaha kerajaan negeri untuk menarik pelabur, kawasan pelaburan yang kondusif kepada pengusaha industri dan pelabur harus disediakan. Di kawasan saya, Rawang banyak kilang telah didirikan dan tidak dinafikan pembinaan kilang ini telah menyediakan banyak peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan. Masalahnya Rawang yang masih sedang membangun ini telah diwartakan oleh kerajaan penggal lalu daripada status pekan menjadi bandar pada tahun 2005. Yang Berhormat-Yang Berhormat, kalau anda semua ada masa lapang dipersilakan untuk membuat rombongan ke Rawang. Pastilah Yang Berhormat sekalian akan kagum dengan keputusan kerajaan negeri pada masa tersebut. Cuba bayangkan kawasan perindustrian yang kekurangan lampu jalan, jalan-jalan yang tidak selebar di bandar-bandar lain contohnya Petaling Jaya dan Shah Alam, infrastruktur yang kekurangan, kilan-kiland didapati di kawasan rumah kediaman, langsung tidak terancang. Adakah keadaan sebegini harus wujud di sebuah bandar yang dikatakan terancang. Akibat daripada warta tersebut, cukai tanah telah dinaikkan sebanyak 133%. Selain itu kadar cukai taksiran yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Selayang, MPS turut tidak rasional iaitu 12.5%, berbanding dengan 7.5% yang dikenakan oleh MBSA untuk kawasan kurang maju di Shah Alam. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Infrastruktur di Shah Alam jauh tidak dapat ditandingi oleh Rawang. Apa sebabnya kenaikan kadar tersebut dapat diluluskan oleh kerajaan negeri yang dulu. Saya berasa mungkin inilah kaedah Sg. Panjang meyakinkan rakyat bahawa kedudukan kewangan negeri adalah sentiasa kukuh dan stabil. Pendek kata bayaran pengusaha-pengusaha adalah kurang berbaloi kerana kemudahan yang disediakan adalah amat tidak memuaskan. Keputusan kerajaan tersebut bukan menolong pembangunan negeri tetapi berniat untuk menghalau semua pelabur-pelabur. Selain itu proses permohonan tapak industri harus disegerakan dengan syarat mendatangkan kemenangan kepada pihak kerajaan dan pelabur. Dan saya menyeru agar kadar cukai taksiran dan cukai tanah dikaji semula agar dapat memberi manfaat dan seterusnya menggalakkan pelabur untuk terus bermula dan melabur dalam kawasan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Rawang, sila gulung.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Ok. Kesenangan hidup rakyat turut memainkan peranan penting dalam menstabilkan kemakmuran dan keamanan negeri. Sebagai Wakil Rakyat adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan kepentingan rakyat dapat dibela. Saya yakin bahawa sepanjang masa berkhidmat, Yang Berhormat-Yang Berhormat selepas 8hb. Mac, keberkesanannya PBT telah menjadi satu masalah dan isu yang memeningkan kepala. Contohnya Pejabat Tanah dan Daerah Gombak didapati telah menghilangkan banyak fail permohonan pemberimilikan tanah penduduk-penduduk Rawang dan kawasan sekitarnya. Ada pula yang memohon pemberimilikan tanah ditangguhkan melebihi 10 tahun dan masih diproses tidak diproseskan. Ada pula pemohon yang telah meninggal dunia dan tidak sempat untuk melihat geran dikeluarkan. Lebih-lebih lagi Pejabat Tanah Gombak didapati sentiasa meluluskan permohonan tanah kepada orang sembarang tetapi bukan mereka yang telah

mendiami atau mengusahakan tanah tersebut dengan lamanya. Saya hairan kenapa kes-kes seperti ini boleh berlaku sedangkan prosedur pemprosesan tanah telah ditetapkan jangka waktunya. Dan apa yang lebih aneh bahawa bekas ADUN Rawang juga merupakan Ahli EXCO kerajaan negeri Selangor pada waktu itu tetapi masalah tanah ini bertimbun di bawah Rawang. Mungkin ini merupakan *key performance index* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sg. Panjang. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Sg. Panjang juga tidak akan faham masalah ini sebab dia sentiasa tidak faham percakapan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat. Antara cadangan pihak saya bahawa pegawai-pegawai Pejabat Tanah mesti turun padang untuk memantau setiap permohonan agar tanah diberi kepada orang sembarang terutamanya mereka yang mempunyai talian politik. Selain itu setiap penolakan permohonan rakyat harus disertai dengan sebab-sebab daripada pihak Pejabat Tanah. Dan kerajaan negeri juga turut harus mengubah kakitangan awam yang fasih dalam Bahasa Cina atau Tamil agar mereka yang mereka yang tidak dapat bertutur dalam Bahasa Melayu dapat memohon tanah sendiri tanpa melalui orang tengah yang selalunya mengambi duit daripada mereka-mereka yang kurang mampu.

Ahli-ahli yang Berhormat sekalian. PBT yang merupakan badan perantara yang kerap..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, sila gulung, gulung, gulung, gulung.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Gulung ya, ok ok. Yang penting keberkesanan dan keefisienan PBT harus dipantau dari semasa ke semasa. Aduan ke atas MPS yang tidak pernah berhenti. Sehubungan ini satu sistem penilaian keberkesanan urusan PBT dan penilaian prestasi kerja perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan PBT. Saya juga bimbang akan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang. Menurut laporan MPS, sejak tahun 2003 MPS mengalami defisit sehingga tahun 2007. Menurut belanjawan 2008 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 32 tahun 2007 bertarikh 31 Disember 2007 MPS dijangka akan terus mengalami defisit sebanyak RM5 juta pada tahun 2008. Jadi saya berharap satu pengauditan boleh dilakukan ke atas akaun pentadbiran PBT iaitu MPS. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini dengan mengingatkan semua Wakil-wakil Rakyat bahawa rakyat adalah majikan kita tetapi bukan sebaliknya. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker saya ingin mencadangkan rasa dukacita dan kecewa terhadap pihak pembangkang yang tidak menghormati kita menambahkan waktu sejam, mereka telah keluar lebih daripada separuh. Sekarang tinggal 8 orang daripada 20 orang. Mereka tidak menghormati dengan keputusan Dewan yang kita ambil. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ia, baik tak apa. Memandangkan kesuntukan masa saya membenarkan 10 minit mulai sekarang.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ia, Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI :** *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalamualaikum WBT dan selamat sejahtera kepada rakan-rakan kita yang bukan beragama Islam. Terima kasih Tuan Speaker, Y.A.B. Tan Sri Menteri Besar, Ahli-ahli yang Berhormat seterusnya

rakan-rakan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang turut hadir pada petang ini dan mereka-mereka yang mengikut sidang dewan pada hari ini. Tuan Speaker, yang pertama saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kebenaran kepada Dusun Tua mengambil bahagian dalam membahaskan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah merasmikan Dewan kita pada 2 hari yang lalu. Dan saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana pada petang ini nampaknya telah dapat memandang ke kiri dan saya Tuan Speaker sebenarnya berada di tempat No.56. Y.A.B. daripada Ijok No. 1, saya 56 yang akhir sekali. Jadi nampaknya sebelah kiri sekali adalah saya di sini dan saya ucapkan terima kasih kerana petang ini telah memberi ruang kepada saya untuk berucap di dalam dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, hari ini saya cuba tidak bercakap mengikut teks tetapi mengikut nota-nota yang telah saya tuliskan di hadapan saya ini. Daripada semalam lagi hingga ke petang ini saya melihat dan saya setuju sangat komen daripada Tuan Speaker bahawa pada pagi semalam Tuan Speaker ada memberi komen. Saya sendiri tak pasti yang mana satu pembangkang, yang mana satu kerajaan kerana nampaknya kedua-duanya mungkin terkejut menjadi kerajaan dan juga menjadi pembangkang. Ini saya rasa, saya nampak Ahli Yang Berhormat nampaknya kadang-kadang ada yang terperanjat agaknya menjadi kerajaan akhirnya mungkin membawa emosi selaku pembangkang dan berterusan dibawa ke dalam dewan ini. Jadi saya harap diri saya sendiri mahupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kita selepas ini dapat membezakan kedudukan masing-masing. Yang mana berada di dalam kerajaan

**Y.B. TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI** : Mohon laluan..

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI** : Yang mana berada di dalam pembangkang.

**TUAN SPEAKER** : Nak bagi laluan?

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI** : Saya teruskan Tuan Speaker. Belum ada lagi yang saya sebut pun.

**TUAN SPEAKER** : Tak apa duduk. Ini Yang Berhormat semua ini kesan daripada tsunamilah...

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI** : Daripada Tuan Speaker sampailah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Nampaknya...

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Jadi saya mengingatkan diri saya dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kita semua ada peranan kita di sini. Bagi yang menjadi Kerajaan, saya harap terus menjadi Kerajaan dan yang menjadi pembangkang, akan terus menjadi pembangkang. Dan saya berkata demikian bukan apa, saya tak mahu tuan-tuan seronok dengan apa yang saya sebut. Saya beritahu di sini kerajaan apa yang saya lihat Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang sudah jadi kerajaan tapi macam pembangkang. Yang ini yang kita bimbang ni.

**Y.B. TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI** : Mohon laluan sekali lagi Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ia.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Tuan Speaker, saya teruskan. Perkara yang saya sebutkan ini ... Itu tanda ketelusan kita. Jadi Tuan Speaker saya hendak meneruskan ucapan saya ini dan saya harap baik yang pembangkang, baik yang berada di barisan Kerajaan, bersama-sama memainkan peranan kita di dalam Dewan ini. Jadi tuan-tuan...

**Y.B. TUAN NIK AZMI BIN NIK AHMAD** : Mohon laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ia, Seri Setia minta laluan. Seri Setia di hujung di situ.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Sila, sila, sila, silakan.

**Y.B. TUAN NIK AZMI BIN NIK AHMAD** : Saya rasa pembangkang dan kerajaan ini bukan hanya di Dewan ini. Di Parlimen pun kita tengok Ahli-ahli Parlimen dari Sabah yang mewakili Barisan Nasional pun dah bertindak macam pembangkang.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Saya, saya bercakap demikian kerana saya daripada pagi semalam lagi hingga ke hari ini. Masing-masing cuba *adjust* diri mereka. Jadi saya harap kita selepas ini, mungkin dalam penggal yang akan datang kita berada dalam kedudukan yang sebenarnya. Yang mana Kerajaan perlu lebih banyak bercakap apa yang patut mereka lakukan. Dan kami di pihak pembangkang patut menegur dan teguran ini sudah pasti teguran yang membina untuk rakyat yang kita wakili. Saya rasa Yang Berhormat semua setuju teguran yang diberi ini adalah teguran yang membina untuk rakyat yang kita wakili. Dan saya percaya Menteri Besar pun setuju selagi mana teguran itu adalah satu teguran yang membina kita perlu terima dalam Dewan yang mulia ini. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, marilah kita bersama-sama meletakkan diri kita, kalau kita berada dalam Kerajaan kita sebenarnya memberitahu rakyat kita ataupun Dewan ini apa yang ingin kita lakukan. Dan lebih baik kita bercakap apa yang ingin kita lakukan daripada kita mengambil masa yang banyak untuk bercakap tentang Kerajaan yang lalu. Dan saya harap sambil Yang Berhormat melihat apa juga kelemahan yang lalu, perlu juga dibawa di dalam sidang Dewan ini apa yang ingin dilakukan. Jadi saya rasa ini perlu. Kalau tidak itu kita akhirnya nanti tidak ada Kerajaan. Kita seolah-olah menyatakan sesuatu yang buruk sahaja tentang orang lain tapi kita gagal menegakkan apa-apa perkara baru yang boleh kita bawa dalam sidang Dewan ini. Jadi Tuan Speaker saya di kesempatan ini..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Yang Berhormat, ..... Minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ia, Kg. Tunku minta laluan.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Saya, saya hendak teruskan. Saya rasa *point* saya dah cukup dah tu ditanya oleh wakil yang sebelum ini, dan saya rasa saya hendak teruskan. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam sidang Dewan ini. Saya di kesempatan ini ingin menyatakan mudah bagi mereka atau bagi sesiapa juga untuk mencari kesilapan orang lain tetapi tidak mudah untuk melaksanakan sesuatu itu. Itu hakikat yang sebenarnya, mudah untuk mencari kesilapan. Apa juga perkara yang kita ingin menyatakan mudah untuk mencari kesilapannya tetapi tidak mudah untuk kita melaksanakannya. Jadi Yang Berhormat yang ada sekarang ini, dalam Pakatan Rakyat mengakui bahawa mereka belum sampai 100 hari lagi menjadi Kerajaan. Jadi kita sama-sama tunggu, sama-sama tunggu, sambil kita melihat apa kelemahan yang lalu kita perlu meliat apa yang perlu dilakukan. Kalau pada hari ini, kita berada sebagai

Kerajaan dan pihak kami Barisan Nasional ini berada sebagai pembangkang. Dan kami perlu menegur apa yang dilakukan bukan tuan-tuan lebih menceritakan apa yang telah diperlakukan. Saya harap Y.A.B. Menteri Besar dan juga barisan EXCOnya serta Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat dapat membawa perkara-perkara baru di dalam Dewan ini. Semoga kita dapat majukan Negeri Selangor yang tercinta ini.

Tuan-tuan, Speaker, dan juga Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Saya di kesempatan ini, di ruang yang ada ini, kalau saya tak bawa masalah rakyat di dalam kawasan saya, tak wajar saya berada di sini. Jadi di kesempurnaan ini saya mengambil peluang untuk menyatakan masalah-masalah di dalam kawasan saya yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan baru yang ada sekarang ini. Yang pertamanya, saya ingin membawa isu banjir di Kg. Sg. Serai. Banjir di Kg. Sg. Serai ini untuk makluman Yang Amat Berhormat dan juga barisan EXCO sekalian adalah banjir yang kerap berlaku. Dan untuk makluman dalam tempoh 2 bulan sahaja 3 kali banjir telah berlaku di Kg. Sg. Serai ini. Jadi saya berharap sangat daripada kita bercerita tentang perkara-perkara yang terdahulu lebih baik kita bertindak cepat untuk menyelesaikan masalah banjir di kampung ini. Untuk makluman sidang Dewan, banjir di Kg. Sg. Serai ini sebenarnya kerajaan terdahulu telah pun mengadakan projek rancangan mencegah banjir kawasan Kg. Sg. Serai tapi nampaknya bila pilihan raya yang lalu projek ini nampaknya tergendala. Saya mohon sangat projek yang tergendala ini, yang terhenti ini yang saya tak tahu apa sebabnya iaitu projek rancangan mencegah banjir kawasan Kg. Sg. Serai ini dapat diteruskan. Saya mohon, saya bawa masalah ini dan ini merupakan masalah rakyat di dalam kawasan saya. Dan saya harap Y.A.B. Dato' Seri, maaf Tan Sri dan juga barisan EXCO yang berkenaan tolong ambil isu ini dan pastikan bahawa projek rancangan mencegah banjir kawasan Kg. Sg. Serai ini dapat diteruskan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, 2 minit lagi.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Yang kedua. Jangan risau Tuan Speaker, saya tak lama. Saya ingin juga menceritakan tentang penggunaan masjid. Yang Berhormat Gombak Setia tadi ada menyebut bahawa seolah-olahnya apa yang disebut di dalam Dewan ini akan berlaku sebaiknya di akar umbi. Saya hendak nyatakan semenjak daripada pilihan raya yang lalu bilamana Pakatan Rakyat telah berjaya menjadi kerajaan di negeri Selangor ini, banyak masjid di dalam kawasan saya diserang oleh rakan-rakan Parti PAS ini. Saya nak beritahu bunyinya indah di dalam Dewan ini dibentangkan oleh Y.B. Gombak Setia bahawa teks-teks ucapan untuk khutbah Jumaat akan disediakan dengan sebaiknya. Saya juga hendak nyatakan di sini, saya percaya selepas ini ramai penceramah-penceramah politik PAS yang sebelum ini yang tidak dapat tauliah, akan ditauliahkan. Saya mohon sangat seperti mana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku janganjadikan masjid ini tempat berpolitik. Saya nak nyatakan ..

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sila gulung, sila gulung.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Saya hendak nyatakan di sini di tempat saya pada kali pertama sahaja tazkirah diadakan sebelum Solat Jumaat, di Masjid Pekan Bt. 14 yang mana saya sendiri bersembahyang di tempat itu. Ucapan daripada penceramah sudah merupakan ceramah politik. Banyak mengutuk pihak-pihak yang tertentu, banyak mencela individu-individu tertentu yang akhirnya menjadikan ada maknum di kawasan berkenaan bersembahyang di masjid lain. Saya hendak pesan dengan Y.B. Gombak

Setia mudah bercakap di Dewan ini untuk menyusun segala-galanya tapi pastikan apa yang dikata di dalam Dewan ini berlaku juga di akar umbi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Minta laluan.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Saya harap perkara ini dapat disusun dengan sebaiknya dan saya menyokong penuh sekiranya usaha-usaha yang dibuat itu dapat menyatupadukan umat Islam di negeri Selangor ini dan dalam masa yang sama usaha-usaha yang dibuat juga mampu mengurangkan masalah gejala sosial di negeri Selangor ini. Saya sendiri selaku....

**TUAN SPEAKER** : Ia, masa dah sampai

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Saya gulung sedikit sahaja lagi.

**TUAN SPEAKER** : Dah suruh gulung 2 kali. Saya bagi peluang terakhir.

**Y.B. TUAN ISMAIL SANI** : Saya berharap perkara ini dapat diteruskan sebaiknya. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ia, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Adalah sukacita kita setelah mendengar dan membaca titah ucapan Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor yang terkandung isi hati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mengenai kepentingan dan rasa kesal rakyat. Tuan Speaker, saya dengan segala hormatnya meminta izin untuk memberi perhatian kepada 5 isu penting yang membawa kesan kepada rakyat. Isu pertama berkenaan kemiskinan di bandar dan jenayah. Kemiskinan dan jenayah adalah 2 isu yang berkait rapat. Rakyat yang tidak dapat mencari kerja terpaksa memasuki kegiatan jenayah sebagai alternatif untuk supaya dapat menampung keluarga mereka dan ini termasuk kegiatan jenayah. Jika peluang bekerja dapat disediakan oleh Kerajaan untuk orang miskin, mereka tidak perlu melakukan jenayah untuk menampung keluarga mereka. Ini dengan secara tidak langsung dapat mencegah kadar jenayah yang tinggi. Isu kekurangan anggota Polis juga sesuatu isu yang harus di atasi. Untuk menangani masalah ini, pihak kerajaan Selangor harus membuat kajian dan mengadakan program-program seperti berikut :

1. Kegiatan menjaja adalah yang cara senang sekali untuk mencari pendapatan. PBT boleh menolong kegiatan menjaja dengan mencari tempat yang tetap dan sesuai supaya tidak dapat memberi sesuatu jaminan bahawa adanya punca pendapatan untuk rezeki.
2. Kerajaan Selangor harus bekerjasama dengan pihak swasta dan badan bukan kerajaan, NGO di izin untuk menawarkan kursus teknik dan vokasional, orang supaya orang miskin dapat memperoleh kemahiran baru untuk mencari kerja.
3. Mengadakan program untuk merekrutkan *recruitments* anggota Polis baru dari komuniti.

Isu yang kedua ialah bekalan air. Untuk memastikan sumber air di negeri Selangor dipelihara dan dijaga pihak kerajaan seharusnya mengenal pasti kawasan-kawasan

hijau yang dapat dijadikan hutan simpanan. Ini dapat memastikan juga bahawa badan-badan air seperti tasik dan kolam air tidak diusik. Tuan Speaker, adalah difahamkan saya bahawa akan berlakunya pengurangan air, *water shortest* dengan izin disebabkan oleh musim kemarau dijangka tiba pada suku ketiga pada tahun ini. Kerajaan negeri Selangor harus membuat kajian untuk menyelesaikan masalah yang akan datang. Saya juga ingin minta kerajaan negeri Selangor untuk mengkaji semula kos pemindahan air dari Negeri Pahang dibandingkan kos pemindahan air dari negeri Perak.

Isu yang ketiga Tuan Speaker ialah perumahan bertenagat dan rumah setinggan. Masalah utama yang dialami oleh pemilik rumah bertenagat adalah cukai taksiran yang tinggi dan kos penyelenggaraan. Kerajaan negeri Selangor harus mengkaji cara untuk menurunkan kos-kos tersebut. Kedua perkara *Strata Title* juga dan pengurusan rumah-rumah bertenagat adalah isu-isu yang lama menjadi masalah. Kerajaan negeri Selangor harus memastikan pengeluaran *Strata title* oleh Pejabat Tanah dalam masa yang singkat supaya pemilik-pemilik dapat mengawal dan mengurus harta bersama. Isu keempat ialah isu taksiran. Tuan Speaker, adalah diketahui bahawa satu daripada *defocus* utama dengan izin adalah syarikat-syarikat subsidiari kerajaan atau GLC. Jika cukai taksiran yang tidak berbayar, dibayar ini dapat dipungut dari syarikat-syarikat subsidiari Kerajaan atau GLC, saya percaya PBT-PBT dalam negeri akan dapat berfungsi tanpa halangan kewangan. Untuk memastikan keuntungan PBT tidak disalahgunakan dan tidak disalurkan kepada badan-badan yang tidak memerlukannya, bajet pendapat dan perbelanjaan PBT mesti imbang. Akaun PBT juga mesti diaudit tiap-tiap tahun dan dijadikan dokumen awam.

Isu terakhir Tuan Speaker ialah pajakan tanah. Pemilik tanah oleh rakyat dapat memastikan kesetiaan kepada negeri. Oleh itu isu hak milik tanah mesti dipandang serius dan keputusan oleh kerajaan untuk melanjutkan tempoh pajakan atau pengubahan hak milik tanah dari status pajakan tanah kepada hak milik selamanya atau tetap harus dipertimbangkan dengan mengambil kepentingan rakyat tanpa penangguhan. Adalah diharap bahawa kami sebagai Kerajaan akan melaksanakan perintah Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan sesungguhnya. Dengan ini saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas titah ucapan Baginda. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER : Seri Muda.**

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI :** *Bismillahi rahmani rahim.*  
Assalamualaikum WBT. Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada Seri Muda untuk mengambil bahagian terlibat sama dalam membahas ucapan menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Mulia Sultan Selangor sempena dengan perasmian Sidang DUN Yang Kedua belas semalam. Tuan Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini Seri Muda ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh pengundi-pengundi yang berada di DUN Seri Muda dan juga seluruh Selangor kerana telah memberikan kepercayaan kepada Pakatan Rakyat untuk memerintah negeri Selangor pada kali ini. Tuan Speaker, pada hari ini Seri Muda ingin membawakan sedikit tentang permasalahan-permasalahan yang berlaku yang mana ianya telah berlarutan sejak sekian lama dan diwarisi daripada kerajaan yang lama. Antara yang paling utama di Seri Muda ialah permasalahan yang melibatkan warga asing ataupun PATI yang semakin hari semakin meningkat. Seri Muda memohon kepada kerajaan negeri melalui EXCO-EXCO yang terlibat supaya mengadakan satu koordinasi yang bersesuaian dengan kerajaan persekutuan untuk

memastikan keadaan ataupun warga asing ini boleh dikawal. Dan di antara perkara-perkara yang telah dilakukan oleh warga-warga asing ini yang kita telah tafsirkan sebagai di luar kawalan adalah kes-kes jenayah yang mana kalau mengikut rekod seperti mana yang telah disebutkan di dalam dialog dengan pihak keselamatan, hampir 40% kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di Seri Muda adalah disebabkan ataupun adalah dilakukan oleh pendatang-pendatang asing ini.

Seri Muda ingin menarik perhatian kepada dewan ini supaya dapat kerajaan negeri yang diterajui oleh YAB Menteri Besar untuk berbincang dengan Ketua Polis Selangor ataupun Ketua Polis Negara untuk menyegerakan pembinaan balai polis di Taman Seri Muda. Di Taman Seri Muda ini Tuan Speaker, tapaknya telah pun ada. Tetapi apa yang berlaku akhir-akhir ini walaupun telah diwujudkan satu pondok polis yang baru, tetapi kadar jenayah yang berlaku di kawasan ini terus meningkat. Kerana itu, perlu bagi Seri Muda untuk meminta jasa baik dan juga permohonan kepada kerajaan negeri Selangor menggunakan apa juga cara agar menyegerakan sebuah pembinaan Balai Polis yang besar di kawasan Taman Seri Muda ini. Tuan Speaker, selain daripada itu,

Seri Muda juga ingin membawakan satu permasalahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dalam DUN Seri Muda iaitu berhubung dengan sebuah jalan yang menghubungkan Taman Setia terus sehingga ke persimpangan Jalan Kebun berhadapan dengan Berjaya Park. Jalan ini untuk pengetahuan Tuan Speaker telah pun dimulakan sejak hampir 4 tahun yang lepas, tetapi hingga ke hari ini apa yang diperoleh oleh penduduk-penduduk di sekitar Jalan Kebun, Taman Setia dan juga Kampung Johan Setia hanyalah menyedut asap ataupun menyedut debu hampir setiap hari. Saya mohon kepada kerajaan negeri dan ingin menarik perhatian kepada kerajaan negeri supaya permasalahan ini boleh diselesaikan EXCO-EXCO yang terlibat turut membantu untuk menyelesaikan permasalahan sebatang jalan ini kerana setiap kali banjir, penduduk-penduduk di kawasan ini akan berhadapan dengan banjir. Kalau yang waktu musim kering, mereka akan berhadapan dengan habuk. Jalan ini cukup lecak, cukup lecak dan amat-amat perlu diambil tindakan segera supaya taraf ataupun peningkatan taraf jalan ini boleh disegerakan pembaikannya. Tuan Speaker, Seri Muda menyambut baik titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan tentang apa yang telah dititahkan semalam dan keadaan ataupun apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan semalam sebenarnya telah merangkumi apalah apa sebenarnya yang dikehendaki oleh seluruh rakyat di negeri Selangor. Dan Seri Muda mengambil sedikit ruang yang ada pada petang ini untuk menyampaikan sedikit penghargaan kepada kerajaan lama kerana walaupun kita mungkin berbeza dari segi politik tetapi kita tidak menafikan bahawa sedikit pembaharuan ada juga dibawakan oleh kerajaan lama. Dan sebagai penghargaan itu Tuan Speaker, kerajaan negeri yang baru di bawah Pakatan Rakyat sebagai menghargai peranan ataupun jasa yang telah ditinggalkan oleh kerajaan yang lama. Kita sampai ke hari ini masih lagi belum menurunkan sebarang *Bill Board* yang masih mempunyai gambar Dato' Menteri Besar yang lama. Kita masih lagi tinggalkan walaupun telah 2 bulan 15 hari memerintah kerajaan negeri. Kalau kita, saya percaya kalau perkara ini berlaku di Kelantan, kerajaan Barisan Nasional pasti tidak akan melepaskan peluang untuk menurunkan gambar Dato' Menteri Besar Tuan Guru Dato' Nik Aziz dengan seberapa segera. Tetapi di Selangor, oleh kerana kita menghargai jasa Kerajaan lama kita biarkan. Bahkan Tuan Speaker, kalau kita nak lalu di jalan hadapan Dewan Undangan Negeri ini pun di atas bukit berhadapan dengan masjid masih terpampang gambar Dato' Menteri Besar Selangor yang lama. Yang berubah mungkin dari segi kualiti kulit gambar itu kerana mungkin kesan daripada

pemakanan tempe yang terlalu banyak. Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang Sungai Panjang.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sebentar.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN MAT SHAFIEI** : Seminit saja.

**TUAN SPEAKER** : Semalam saya dah diperintah yang ambil gambar jangan guna *flash light*. Saya bagi amaran sekali lagi yang ambil gambar jangan guna *flash light*. Dipersilakan Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN MAT SHAFIEI** : Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Panjang, Seri Serdang, Sungai Air Tawar dan Kuang dah pun membangkitkan tentang manifesto Pakatan Rakyat yang belum dilunaskan. Saya mohon kepada semua ahli-ahli dewan yang mulia ini untuk memberikan ruang secukupnya kepada Pakatan Rakyat melalui wakil-wakil, melalui EXCO-EXCO dan Dato' Menteri Besar untuk kita melaksanakan sebarang pembaharuan, sebarang manifesto dengan menggunakan bajet ataupun belanjawan yang kita rangka sendiri. Untuk makluman, kalau dah hampir 90.6% peruntukan yang ada telah pun dihabiskan dalam tempoh 2 bulan untuk tahun 2008 mana mungkin manifesto yang ada itu kita boleh tunaikan. Saya percaya mulai belanjawan yang akan datang, apa juga yang telah dijanjikan dalam manifesto kerajaan Pakatan Rakyat Insya-Allah dengan belanjawan sendiri, hasil kutipan hasil yang kita ketahui memang bocor di sana sini, hasil daripada kutipan ini Insya-Allah manifesto yang telah digariskan dalam pilihan raya Umum yang ke-12 oleh Pakatan Rakyat ini akan dapat dilaksanakan. Dan sebagai penutup, Seri Muda menyambut baik titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan berhubung dengan apa yang telah diperkatakan berhubung dengan apa yang dititahkan semalam. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker, YAB Menteri Besar, saf-saf EXCO seterusnya Yang Berhormat sekalian. Lembah Jaya tidak hendak bercakap panjang pada hari ini kerana memberi laluan sepenuhnya kepada sahabat-sahabat yang lain. Jadi, ada beberapa perkara ingin dalam ucapan menjunjung kasih ini ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan di sini dari segi pembangunan di negeri Selangor di mana Tuanku merupakan orang yang diamanahkan untuk menjaga institusi agama. Jadi, oleh kerana itu ia ada hubung kait dengan Majlis Agama Islam Negeri Selangor. Oleh itu, saya difahamkan bahawa di negeri Selangor terdapat banyak tanah-tanah wakaf. Jadi, tanah-tanah wakaf ini selama ini tidak dibangunkan. Jadi, saya harapkan kepada EXCO yang baru ataupun kerajaan yang baru di bawah Pakatan Rakyat akan membuat sesuatu supaya tanah-tanah yang diwakafkan oleh umat Islam seterusnya di kampung -kampung dapat dibangunkan dan selama ini kita melihat mungkin ada permasalahan yang berlaku kerana tanah-tanah tersebut tidak dimajukan. Jadi, saya harap kepada kerajaan Pakatan Rakyat dapat memajukan tanah tersebut. Perkara kedua yang ingin saya maklumkan kepada dewan pada hari ini bahawa baru-baru ini terdapat laporan yang dilaporkan dalam akhbar dan TV bahawa BPR telah menyiasat dan menahan reman pegawai Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan juga Pegawai Zakat yang dihubungkaitkan dengan amalan rasuah. Jadi setakat ini kita tidak tahu apa lagi yang berlaku dalam MAIS dan sebagainya. Jadi ini akan menyebabkan kepercayaan rakyat terhadap institusi agama seperti Lembaga Zakat ini tidak dihormati dan kita harap kepada EXCO yang berkenaan khususnya Gombak Setia dapat mengambil perhatian dalam perkara ini. Seperkara lagi yang ingin saya nyatakan di sini

bahawa Selangor merupakan negeri kosmopolitan yang mengandungi pelbagai bahasa, budaya, kepercayaan dan latar belakang kehidupan. Jadi kita perlu mengkaji semula tentang kebudayaan Melayu dalam konteks masyarakat majmuk di negara ini perlu dikaji semula. Dan akhirnya saya ingin menyentuh apa yang disentuh yang disebut oleh Yang Berhormat Teratai berhubung dengan isu tanah kubur. Lembah Jaya berharap isu tanah kubur di Teratai dapat diselesaikan secepat mungkin. Keperluan tanah kubur ini merupakan bukan saja melibatkan Teratai tetapi juga Lembah Jaya, Cempaka dan Bukit Antarabangsa. Tanah kubur yang ada di sekitar kawasan Ampang dan Pandan semakin hari semakin berkurangan. Contohnya tanah perkuburan di Kampung Cheras Baru, hanya boleh menampung selepas ini lebih kurang 50 lubang sahaja. Sepatutnya tanah perkuburan itu diluaskan tetapi tanah di sekelilingnya telah dibangunkan untuk sebuah projek perumahan. Akhirnya, bukan saja tanah perkuburan menjadi sempit tetapi ianya pernah terdedah kepada tanah runtuh dan hakisan. Inilah nasib yang menimpa umat Islam di negeri Selangor. Ada kubur terletak di jauh di atas bukit dengan jalan masuk yang curam dan berliku-liku iaitu di Cheras Baru. Ada yang berbahaya dan bawah talian kabel voltan tinggi di AU4 dan bagi mereka-mereka yang mengebumikan jenazah juga kita takutlah apabila ada litar pintas dan sebagainya kena kejutan elektrik akan menjadi arwah. Lembah Jaya berharap isu kubur di Teratai ini dapat diselesaikan kerana umat Islam di Ampang dan Pandan tidak mahu menjadi Petaling Jaya di mana mereka terpaksa membawa jenazah lebih kurang 30 kilometer untuk dikebumikan atau kami terpaksa membeli tapak kubur sehingga beribu-ribu ringgit untuk mengebumikan jenazah. Jadi, saya mengharapkan kepada isu yang dibangkitkan oleh Teratai ini dapat diselesaikan segera oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Dengan itu, sekian saja daripada saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Balakong.

**Y.B. TUAN YAP LUM CHIN :** Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang kepada Balakong untuk berbahas usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Balakong berpendapat isi titah ucapan Tuanku begitu bernas dan memberi kita panduan yang betul dan berguna untuk rujukan kita mencapai sebuah negeri yang maju. Tuan Speaker, Balakong sering menerima aduan dari penduduk-penduduk di kampung di kawasan Balakong yang merupakan pemilik bagi hak milik pajakan mereka sukar untuk mendapatkan pinjaman bagi tempoh pajakan hak milik mereka. Terdapat juga beberapa permohonan yang memakan masa bertahun-tahun tetapi masih belum menerima apa-apa tindak balas dari Pejabat Tanah, Pejabat Daerah yang terlibat. Terdapat juga penduduk yang permohonannya telah diterima dan mereka diminta untuk membayar premium yang dikenakan tetapi malangnya kadar premium tersebut terlalu tinggi dan amat tidak berpatutan. Terdapat kes-kes seperti kegunaan tanah untuk perniagaan yang juga dikenakan premium yang tinggi sehingga mereka tidak mampu untuk membayarnya walaupun permohonan telah diluluskan. Mereka juga menghadapi masalah untuk membaik pulih atau membina semula kediaman mereka yang didirikan di atas tanah pajakan tersebut kerana bimbang jika permohonan untuk penyambungan pajakan tersebut ditolak. Ini adalah amat menyukarkan mereka untuk merancang kehidupan bagi masa hadapan. Tuan Speaker, Balakong juga ingin berkongsi pendapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai projek perumahan yang terbengkalai. Sehingga Jun 2007, terdapat sejumlah 104 projek perumahan di negeri Selangor telah direkodkan sebagai projek terbengkalai sama ada tertakluk di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau tidak. Pembeli-pembeli terpaksa membayar kadar faedah yang ditetapkan oleh pihak Institusi Kewangan mereka sehingga projek

tersebut siap sepenuhnya. Jika projek tersebut tidak dapat disiapkan sepenuhnya atau dalam erti kata lain terbengkalai maka pihak pembeli terpaksa membayar kadar faedah tersebut kepada Institusi Kewangan terbabit sehingga jumlah yang telah dikeluarkan oleh pihak Institusi Kewangan. Ini amatlah tidak adil bagi pihak pembeli kerana walaupun mereka telah perhatikannya selesai membayar wang pinjaman. Mereka masih tidak dapat memiliki rumah yang dibeli. Walaupun kerajaan negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan projek yang terbengkalai dapat diteruskan semula dan mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju yang gagal menjalankan tanggungjawab mereka tetapi ianya hanya terhad kepada pemajuan perumahan yang tertakluk di bawah Akta Kemajuan Perumahan Kawalan dan Perlesenan 1966 dan Peraturan Pemajuan Perumahan Kawalan dan Perlesenan 1989 saja. Bagaimanakah pula bagi projek-projek bangunan perniagaan yang terbengkalai. Adakah mereka juga akan mendapat pembelaan dari kerajaan negeri atau dari kerajaan pusat. Seperti diketahui sebagai langkah automatik Lembaga Perumahan dan Hal Tanah Negeri Selangor telah merangka beberapa kaedah penyelesaian projek tersebut terbengkalai seperti kaedah *costing* seperti konsep dana harta . Kaedah yang keempat pampasan kaedah lain adakah kaedah-kaedah tersebut terbukti telah berjaya dalam menangani masalah ini. Berapakah jumlah projek yang telah berjaya disempurnakan dan diserahkan milik yang berhak.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat sila gulung ya...

**Y.B. TUAN YAP LUM CHIN :** Pada kesimpulannya kerajaan lalu kerajaan negeri lalu telah sama sekali gagal dalam usaha mengatasi masalah projek perumahan yang terbengkalai ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Morib

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM :** Tuan Speaker terima kasih diberi peluang untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Dewan yang mulia ini. Kita menyebut Dewan yang mulia tetapi rata-rata saya lihat dengan teliti pihak kerajaan banyak mengeluarkan kata-kata yang tidak baik dan tidak ada rasa berterima kasih dan bersyukur dengan jasa sumbangan Barisan Nasional. Saya kira semua kita besar serta dewasa dan mencapai apa yang kita ada dan berjaya adalah dari perjuangan dan *commitment* Barisan Nasional. Tolonglah toleh belakang dari mana asal kita dan jasa Kerajaan Barisan Nasional. Penggal Kedua saya berada dalam Dewan ini. Dewan yang mulia ini saya tidak nampak contoh yang baik dari pihak kerajaan dari segi strategik hala tuju kerajaan. Dan akhir-akhir ini baru disebutkan apabila rakan saya dari Dusun Tua menyebut tadi. Kadang-kadang saya terpaku siapa kerajaan sama saja siapa pembangkang mungkin hari ini masa bulan madu tapi asyik cari salah orang. Bulan madu cakaplah yang baik-baik barulah hasil yang baik insya-Allah baik. Tuan Speaker agenda kita adalah untuk melihat masa depan Selangor Paska Negeri Maju. Terima kasih kerana kerajaan Pakatan Rakyat memperakui Selangor Maju. Kita dukacita kerana PR berjanji khasnya untuk rakyat Kuala Langat apabila menang akan menutup tapak pelupusan tanah sampah dalam tempoh 2 minggu apabila menang. Malangnya hari ini masih beroperasi lagi ini janji semasa pilihan raya. Kuala Langat adalah daerah Pelancongan dan Industri kerepek khasnya. Dari segi Pelancongan kita berharap kita ada Pantai Morib dan juga Pantai Kelanang. Kita tidak setuju kalau projek ternakan yang disebutkan ternakan babi bersekala tinggi beroperasi di kawasan yang berhampiran dengan pantai yang menjadi khazanah kepada kita kerana disitulah tempat

yang mana pelancong-pelancong daripada luar dan dalam hadir dan mengimarahkan keindahan pantai yang ada. Kita takut dan khuatir projek yang diluluskan akan memberi impak yang tidak baik di kawasan tersebut. Kalau kerajaan yang ada pada hari ini boleh meluluskan projek ternakan babi kita juga suka menyeru ....

**Y.B. TUAN YAP LUM CHIN** : Minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Ya

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Saya tak mahu saya baru bermula...

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Saya tak bagi laluan. Kita berharap kerajaan PR juga dapat membuat projek ternakan seperti ternakan lembu, ternakan kambing dan rusa mungkin dengan bersekala besar bagi menjana ekonomi baru kepada petani-petani yang ada. Kita juga berharap melalui pembangunan industri kerepek yang begitu terkenal di Daerah Kuala Langat. Tanah-tanah yang telah dikhaskan untuk tanaman ubi kayu, keledek, pisang dan jagung dapat dikekalkan kerana kita dapat juga ramai usaha-usaha daripada pihak individu selepas saji pilihan raya yang datang ke Pejabat Tanah mengambil borang permohonan untuk memiliki tanah-tanah yang mungkin sebahagiannya adalah tanah-tanah yang memberi hasil kepada industri kerepek yang dijalankan di Daerah Kuala Langat khasnya. Kita mengharap kerajaan dapat memantau keadaan ini dan akan dapat terus membesarlu kawasan-kawasan tanaman ini yang bersekala besar seperti mana yang diharapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kita berharap bantuan yang disebut dalam manifesto yang dinyatakan oleh pihak kerajaan dapat dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat sila gulung ya

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Tuan Speaker selama Barisan Nasional mentadbir negeri Selangor tidak pernah diabaikan pentadbiran masjid dan surau. Semuanya lantikan oleh kerajaan Barisan Nasional. Barisan Nasional perintah Barisan Nasional lah lantik. Hari ini Pakatan Rakyat perintah Pakatan Rakyat lah lantik. Itu biasalah takkan itu pun dipersoalkan. Tetapi siapakah yang sebenarnya menggunakan masjid dan surau untuk berpolitik. Bukankah PAS, siapakah yang gunakan kesempatan itu untuk memecahbelahkan masyarakat yang ada pada hari ini. Terima kasih kepada pengundi Morib yang masih setia walaupun Sijangkang cemburu dengan kemenangan saya di DUN Morib. Walaupun satu undi menang tetap menang perlu diperakui jangan diungkit. Kepada semua pengundi Morib terima kasih kerana setia kepada Barisan Nasional memberi peluang untuk saya berucap dan terus berkhidmat dan berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Kepada Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih Morib menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih... Bukit Melawati

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Tuan Speaker terima kasih kerana dapat peluang membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang kemiskinan yang sedia dalam kalangan rakyat jelata di negeri Selangor. Kadar kemiskinan relatif di catit sebagai 1.0% dan kiraan Kadar Kemiskinan Tegar pula 0.05%. Adakah ini memberi gambaran yang

sebenarnya pendekatan yang digunakan untuk kiraan kadar kemiskinan perlulah dikaji semula. Saya diberi tahu penduduk-penduduk dalam estet tidak dimasukkan dalam survey ini ataupun statistik ini. Kita perlulah *reset* asas bagi pengiraan kadar kemiskinan. Seperti yang sedia maklum insiden kemiskinan adalah relatif dan boleh berubah mengikut keadaan. Keluarga yang termiskin perlulah meliputi orang-orang yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 dan keluarga yang miskin pula haruslah termasuk orang pendapatan kurang daripada RM2,000. Ini berasaskan harga barang keperluan yang semakin meningkat seperti yang kita ketahui. Harga barang makanan telah melambung naik begitu juga sewa rumah dan pengangkutan awam. Justeru itu dengan izin *we cannot let back and say that we have succeeded in minimizing poverty and will be able to eradicate poverty within a year or two.*

Selangor Negeri Maju 2005? Apakah erti Maju. Di kawasan saya Bukit Melawati dan juga secara am di Daerah Kuala Selangor, saya tahu saya tidak nampak kemajuan di kampung-kampung, di estet-estet, di Kampung Baru dan di Kampung Nelayan. Saya menekankan masalah kemiskinan kerana kemiskinan bukan hanya membawa kemudarat kepada manusia mahupun membawa manusia melakukan perkara-perkara jenayah. Jenayah mempunyai berkaitan yang rapat dengan kemiskinan dan kemiskinan pula dengan pengangguran. Ketiga-tiga ini tidak boleh diasingkan. Harapan saya pada ketika ini adalah kerajaan memberi prihatin yang wajar ke atas penghapusan kemiskinan dengan mengujudkan peluang pekerjaan yang memberi gaji yang menampung sara hidup rakyat muhasabah. Tak faham, tak faham Yang Berhormat Sungai Panjang tak faham dan juga saudara-saudara bersama dengan pun tak faham apa yang berlaku dalam pilihan raya yang lalu. Saya faham Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat pun faham, rakyat faham, *Makkal Sakhti* pun faham, kuasa rakyat Selangor telah tolak kerajaan Barisan Nasional. Pakatan Rakyat faham sentimen-sentimen rakyat. Kita dah dengar maklumat-maklumat macam mana *public fund was wasted* dengan izin .Ini semua duit siapa? Bukan duit bapa anda atau keluarga anda *accountability is very important* seperti yang dikatakan oleh Menteri Besar kita.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat masa sudah sampai

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY :** Ya dah habis

**TUAN SPEAKER :** Ya, Yang Berhormat masa sudah sampai 5.30

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY :** Ya terima kasih

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih, terima kasih. Bukit Melawati kerana memahami keadaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa sudah 5.30 petang. Maka berakhirlah perbahasan usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Hari ini di bawah Pemerintah Pakatan Rakyat Dewan ini mencatatkan satu rekod baru iaitu sejumlah 31 orang ahli yang telah menyertai perbahasan termasuk pembawa usul dan penyokong. Dengan itu saya menangguhkan Dewan ke hari Isnin 26 Mei 2008 jam 10.00 pagi di mana pihak kerajaan akan mula memberi penjelasan. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)**